Kejayaan yang berjaya dicapai pada 2018 membuktikan UKM berada pada landasan yang betul untuk menjadi sebuah universiti terkemuka. UKM harus terus dilihat kerelevannya, berdampak dan aktiviti kesarjanaannya memberi kesan sejahtera yang hebat, menyerlah dalam kepimpinan ilmu, dirujuk serta menjadi pelopor arah baharu yang terbaik. Kejayaan ini pasti akan memberikan kekuatan dan dorongan untuk kita mengejar kejayaan yang lebih cemerlang di masa hadapan. Sebagai Pendaulat Amanah Negara, diharap kita bersama-sama menggembungkan tenaga dan usaha untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Amanah dan tanggungjawab yang diberikan kepada UKM sebagai sebuah institusi kesarjanaan demi kesejahteraan masyarakat dan negara akan sentiasa diperkasakan secara lestari dan berintegriti.



KRA1

Siswazah Beraspirasi Kebangsaan, Kompeten Berdaya Saing dan Inovatif

Akademik dan Pelajar
Pembangunan Mahasiswa
PERMATApintar
Kebajikan Pelajar
Alumni


AKADEMIK DAN PELAJAR

ENROLMEN PELAJAR

2018

36,227 ORANG

Sepanjang 2018, jumlah enrolmen pelajar adalah seramai 36,227 yang merangkumi semua tahap pengajian di UKM termasuk Asasi, Prasiswazah dan Pascasiswazah. Pecahan tahap pengajian adalah seperti Rajah 1 di bawah.



Enrolmen Pelajar Tahun 2018

**Enrolmen pelajar bermaksud status pelajar aktif dikira bermula 1 Januari hingga 31 Disember

Pada 2018, nisbah peratusan (%) pelajar pascasiswazah berbanding prasiswazah adalah 42:58. Nisbah ini masih menyokong sasaran UKM sebagai Universiti Penyelidikan. Namun, selaras hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia, UKM terus berusaha untuk mendapatkan lonjakan enrolmen pelajar antarabangsa terutamanya pelajar pascasiswazah.

UKM Di Persada Dunia

Berbanding tahun-tahun sebelumnya, usaha proaktif dilakukan bagi meningkatkan bilangan pelajar antarabangsa peringkat prasiswazah dan pascasiswazah dengan menggembungkan tenaga pelbagai pihak seperti mengadakan promosi dalam dan luar negara, menawarkan yuran yang kompetitif dan pelbagai kemudahan bagi mewujudkan persekitaran pembelajaran yang lebih kondusif.

Pada 2018, bilangan pelajar antarabangsa adalah seramai 2,202 orang yang terdiri daripada Doktor Falsafah - 1,053 orang, Doktor Kepakaran - 17 orang, Sarjana - 625 orang dan Sarjana Muda - 507 orang dari 58 negara.




Sepanjang 2018 juga, seramai 1,606 pelajar telah menjalankan program mobiliti berkredit dan tidak berkredit ke 29 buah negara termasuk United Kingdom, Jerman, Belanda, Itali, Jordan, Korea, Jepun, Indonesia, China dan

Turki. Majoriti pelajar cenderung untuk mengadakan aktiviti di Asia disebabkan kos program yang lebih rendah, contohnya berbanding kos aktiviti di Amerika atau Eropah. Bilangan pelajar yang akan menjalani aktiviti mobiliti di luar negara dijangka meningkat 20% pada 2019. Peningkatan ini ekoran daripada kemampuan mahasiswa mendapatkan penajaan dan kerjasama strategik daripada pelbagai pihak berkepentingan contohnya agensi kerajaan termasuk Kementerian Sains Teknologi dan Inovasi Malaysia, ASEAN International Mobility for Students, Global Korea Scholarship dan Singapore Pte. Ltd. Peningkatan ini menunjukkan bahawa pelajar UKM kompeten dan berdaya inovasi dalam menyelesaikan amanah yang digalas selain membina jaringan dengan pelbagai pihak berkepentingan di persada dunia.




AKADEMIK DAN PELAJAR

STATISTIK PENGANTARABANGSA PELAJAR KE LUAR NEGARA BAGI TAHUN 2016-2017



KEMASUKAN PELAJAR BARU

Jumlah kemasukan pelajar baharu pada 2018 adalah seramai 9,239 orang (Rajah 2) dan jumlah ini tidak jauh berbeza berbanding dengan kemasukan pelajar untuk dua tahun sebelumnya. Ini kerana pengambilan pelajar adalah berdasarkan unjuran yang telah diluluskan oleh Senat Universiti.




Perbandingan kemasukan pelajar baharu untuk tempoh tiga tahun


AKADEMIK DAN PELAJAR

KONVOKESYEN KE-46 TAHUN 2018


Majlis Konvokesyen Ke-46 pada 10-13 November 2018 telah menganugerahkan ijazah dan diploma kepada 7,031 graduan menjadikan alumni UKM kini berjumlah 197,201 orang. Perincian graduan 2018 adalah seperti pada Rajah 3.



Graduan UKM Tahun 2018



Pecahan Graduan mengikut Fakulti



AKADEMIK DAN PELAJAR

STEM (Science, Technology, Engineering and Mathematic)

Dalam aspek pembangunan modal insan negara, UKM telah mengeluarkan seramai 3,299 orang graduan pada tahun 2018 berbanding 3,584 orang pada tahun sebelumnya dalam bidang Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM). Keperluan STEM adalah sejajar dengan Dasar Pendidikan dan Kurikulum Pembelajaran untuk meningkatkan daya saing terutama dalam sains dan teknologi kepada graduan sekaligus membuka peluang pekerjaan dalam bidang tersebut.

Graduan Cemerlang

PHD – GOT



Bagi graduan Sarjana Muda, seramai 446 orang daripada 4,079 graduan telah menamatkan pengajian dengan Cemerlang (PNGK 3.67 ke atas) pada Majlis Konvokesyen ke-46 Tahun 2018. Terdapat peningkatan sebanyak 29% graduan cemerlang berbanding tahun 2017 dengan penggunaan media teknologi dalam pembelajaran, di samping kemudahan infrastruktur sedia ada yang kondusif serta tenaga pengajar yang berkualiti.

SARJANA MUDA TAMAT DENGAN CEMERLANG



Pada Majlis Konvokesyen ke-46 tahun 2018, seramai 83 orang daripada 571 graduan Doktor Falsafah/ Kedoktoran telah berjaya menamatkan pengajian dalam tempoh 7 semester atau 42 bulan dari tarikh mula mendaftar di Universiti (graduate on time - GOT). Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 26% graduan GOT berbanding dengan tahun 2017.

PENGIKTIRAFAN KECEMERLANGAN PELAJAR

Anugerah Pelajaran Diraja

Anugerah ini diberikan kepada dua orang graduan terbaik peringkat prasiswazah yang mencapai keputusan cemerlang (ijazah kelas pertama) dengan PNGK sekurang-kurangnya 3.67 atau purata nilai markah kumulatif yang setara dengannya, cemerlang dalam kegiatan kokurikulum (persatuan/sukan), dan telah menyumbangkan bakti kepada masyarakat melalui aktiviti sukarela atau kebajikan serta memperkenalkan ciri kepemimpinan dan keperibadian yang tinggi.



SHARIFAH FATIMAH SYED MAHUSIN

Sarjana Muda Pengajian Islam Dengan
Kepujian (Pengajian Dakwah & Kepimpinan)
[Cemerlang]
Fakulti Pengajian Islam
PNGK 3.99



JASON CHEONG KAH LOK

Sarjana Muda Undang-Undang Dengan
Kepujian[Cemerlang]
Fakulti Undang-Undang
PNGK 3.81

Anugerah Naib Canselor

Anugerah ini diberikan kepada seorang graduan terbaik peringkat prasiswazah dan mencapai keputusan cemerlang (ijazah kelas pertama) dengan PNGK sekurang-kurangnya 3.67 atau purata nilai markah kumulatif yang setara dengannya, mencapai tahap yang tinggi dalam pengukuran sikap dan amalan kesarjanaan; dan/atau telah menyumbangkan dengan cemerlang terhadap kebajikan dan pembangunan masyarakat kampus; dan/atau mencapai kejayaan dalam bidang sukan; dan/atau telah mengharumkan nama Universiti menerusi kegiatan amal dan sosial di luar kampus.



AZLIA ASMIRA RUSLEE

Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan
Dengan Kepujian [Cemerlang]
Fakulti Ekonomi Dan Pengurusan
PNGK 3.87

AKADEMIK DAN PELAJAR

Anugerah Tun Abdul Razak

Anugerah ini diberikan kepada graduan terbaik peringkat prasiswazah seluruh fakulti yang mencapai keputusan cemerlang (ijazah kelas pertama) dengan PNGK sekurang-kurangnya 3.67 atau purata nilai markah kumulatif yang setara dengannya. Calon juga hendaklah menunjukkan bakat kepimpinan yang menyerlah semasa mengikuti pengajian di Universiti. Calon Anugerah Tun Abdul Razak yang diperakukan oleh Universiti akan ditemu bual oleh pihak Yayasan Tun Razak (YTR) untuk pemilihan akhir. Anugerah ini hanya diberikan kepada graduan daripada dua buah universiti awam yang sinonim dengan Allahyarham Tun Abdul Razak iaitu UKM dan UiTM.



TEH WAN LIN



Sarjana Muda Sains Dengan Kepujian (Kimia)
[Cemerlang]
Fakulti Sains Dan Teknologi
PNGK 3.77

Sarjana Muda Sains Pemakanan
Dengan Kepujian [Cemerlang]
Fakulti Sains Kesihatan
PNGK 3.74




NUR LAILI ARBA'I

PEMBANGUNAN MAHASISWA

Melahirkan graduan UKM yang menghayati aspirasi kebangsaan, memiliki nilai etika, ilmu pengetahuan, kompetensi, dayasaing yang memenuhi keperluan Negara dan masyarakat adalah merupakan matlamat utama dalam pembangunan mahasiswa sesuai dengan matlamat UKM sebagai PENDAULAT AMANAH NEGARA.

BILANGAN AKTIVITI PEMBANGUNAN MAHASISWA



PEMBANGUNAN MAHASISWA





Dalam tiga tahun belakangan, data menunjukkan bahawa bilangan pelajar yang berminat menjalani program latihan/kursus/bengkel dan baktasiswa/khidmat masyarakat adalah meningkat. Kesinambungan peningkatan ini turut mempengaruhi bilangan penyertaan pelajar bagi domain Kepimpinan dan Kesukarelawanan yang merupakan antara tujuh domain yang telah diperkenalkan di UKM sejak 2016. Kebanyakan aktiviti dan program yang menjadi pilihan pelajar adalah bercirikan kepimpinan, kemahiran, inovasi dan insaniah yang menepati slogan UKM Menjeluarai. Ini secara tidak langsung meningkatkan kemahiran generik di kalangan pelajar yang seterusnya memberi nilai tambah kepada kebolehpasaran pelajar apabila mereka bergraduat. UKM sentiasa menyokong inisiatif pelajar dan ini dibuktikan melalui peningkatan bilangan pelajar yang dapat menjalani aktiviti kemahasiswaan di dalam dan luar negara walaupun dengan bantuan kewangan yang amat terhad.

PEMBANGUNAN MAHASISWA

TOKOH PELAJAR

ANTARABANGSA



KEBANGSAAN



01. Muhamad Ashraf Haiqal Muhamad Rizal

Suku Akhir Pingpong
Sukan Komanwel Gold Coast, Australia

02. Mohammad Ikhwan Khairun Nadzim

Champion for Engineering Challenge
Engineering Development, Motivation
and Awareness Training (Edmat) 2018

03. Chen Pelf Nyok

Commonwealth Points of Light for Malaysia.
No.59 Commonwealth Points of Light 2018

04. Fadhli Hariz Fayahit

Juara & Vokal Terbaik
Bintang RTM 2018

05. Muhammad Izzat Ebrahim

Anugerah Tokoh Siswa
Pemimpin Sukarelawan Alam Sekitar 2017

06. Jason Cheong Kah Lok

Pitch for Progress 2.0
"An Education Revolution"

PENCAPAIAN PELAJAR DAN PROGRAM BERIMPAK



Bintang RTM 2018



KRIKET WOMAN
ASIA CUP 2018



Liga Premier 2018



Anugerah Tokoh Belia Permata
Negara Zon Kunak, Sabah



Liga Bola Sepak IPT 2018
(Zon Kelayakan) Juara
Keseluruhan Pasukan
Bola Sepak Pelajar UKM



PEMBANGUNAN MAHASISWA



Atlet Ping Pong Malaysia-Sukan Komanwel Gold Coast, Australia (Suku Akhir)



Mobiliti EU SHARE di University of Light Sciences Upper Austria

Kejohanan Renang MASUM 2018 Tempat Ketiga (Gangsa)



Champion For Pitch For Progress 2.0 "An Education Revolution"



UKM sentiasa menyokong dan mengiktiraf pelajar yang cemerlang dan terkehadapan dalam bidang yang diceburi melalui inisiatif pemberkasaan mahasiswa yang holistik selaras rancangan pembangunan UKM di bawah RMK-10. Ini dizahirkan sebagai sasaran Bidang Keberhasilan Strategik iaitu melahirkan mahasiswa beraspirasasi kebangsaan, kompeten, berdaya saing dan inovatif. Pada 2018, seramai 50 orang pelajar mendapat pengiktirafan dan kejayaan di peringkat antarabangsa dan 170 orang pelajar di peringkat kebangsaan. Pencapaian yang membanggakan ini adalah sebagai indikator bahawa UKM amat serius dalam memastikan graduan dapat menembusi kebolehpasaran kerja kelak.

PUSAT PERMATApintar® NEGARA


Pusat PERMATApintar® Negara UKM merupakan pusat yang bertanggungjawab menyediakan pendidikan untuk pelajar pintar dan berbakat dari seluruh Malaysia. Pusat ini menyediakan empat bentuk aktiviti pendidikan pintar dan berbakat iaitu

- i) Pencarian dan Pengurusan Bakat,
- ii) Program Perkhemahan Cuti Sekolah,
- iii) Pendidikan Menengah Rendah dan Tinggi melalui Kolej PERMATApintar, dan
- iv) Program ASASpintar.


Aktiviti tersebut dijalankan bagi melatih pelajar dalam pembentukan modal insan.

Pusat ini juga dijadikan pelopor dalam menyemarakkan pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik (STEM) dan penyelidikan dalam kalangan pelajar.

Pusat ini menjadi salah satu sumber pengambilan pelajar berprestasi tinggi ke program ijazah pertama di UKM melalui program prauniversiti yang dinamakan Program ASASpintar.



Bilangan lepasan pelajar ASASpintar ke UKM



Rajah 1 – Perbandingan lepasan pelajar Program ASASpintar ke UKM untuk tahun 2017 dan 2018


Rajah 1 menunjukkan perbandingan lepasan pelajar Program ASASpintar yang memasuki UKM bagi tahun 2017 dan 2018. Pada 2018, bilangan pelajar lepasan Program ASASpintar ke UKM makin bertambah daripada 98 (2017) pelajar kepada 167 (2018) pelajar dengan peningkatan seramai 69 pelajar.

PUSAT PERMATApintar® NEGARA

“

Pusat ini menjadi salah satu sumber pengambilan pelajar ke program ijazah pertama di UKM melalui program pra-universiti iaitu Program ASASIpintar.

”



Rajah 2 - Bilangan lepasan pelajar Program ASASIpintar mengikut fakulti bagi tahun 2017 dan 2018

Rajah 2 menunjukkan bilangan lepasan pelajar Program ASASIpintar mengikut fakulti di UKM dalam tempoh dua tahun. Berdasarkan rajah, mendapat Gugusan Sains & Teknologi (FST, FKAB dan FTSM) adalah pilihan utama pelajar lepasan ASASIpintar untuk meneruskan pengajian di peringkat Sarjana Muda. Peningkatan kemasukan pelajar ke Gugusan Sains & Teknologi juga berlaku daripada 43 pelajar (2017) kepada 85 pelajar (2018). Gugusan Sains Kesihatan (FPER, FGG, FSK dan FFAR) menjadi pilihan kedua pelajar lepasan ASASIpintar sebanyak 47 pelajar (2018) dan 36 pelajar (2017). Pilihan seterusnya adalah Gugusan Sastera iaitu seramai 45 pelajar (2018) dan 21 pelajar (2017).

KECEMERLANGAN PELAJAR PUSAT PERMATAPINTAR® NEGARA

Pelajar program ASASIpintar terpilih mewakili Malaysia dalam International Olympiad for Astronomy and Astrophysics pada November 2018 di Beijing, China



Pelajar Kolej PERMATApintar memperoleh 4 pingat emas dalam pertandingan International Robotic Competition IIUM pada September 2018



PUSAT PERMATApintar® NEGARA



Pusat PERMATApintar® Negara, johan & naib johan dalam pertandingan World Robotics National Championship pada Jun hingga Julai 2018 di Asia Pacific University, Kuala Lumpur



Pusat PERMATApintar® Negara, juara dalam 2 kategori Most Commended Award (Technical Award) bagi kategori Emergency Rescue dan Anugerah Teknikal (Technical Award) bagi kategori Kreatif dalam pertandingan International Robot Olympiad (IRO) pada Disember 2018 di De La Salle Santiago Zobel, Muntinlupa City, Manilla - Filipina.

KEJAYAAN AKADEMIK PELAJAR PUSAT PERMATAPINTAR® NEGARA

Menamatkan Sarjana Muda di University of Wisconsin Madison USA
CGPA 3.93

Diterima masuk ke University of Oxford untuk pengajian Doktor Falsafah pada usia 19 tahun

Koo Jia Hui



Menamatkan Sarjana Muda di UCLA Amerika Syarikat dalam bidang Biosciences pada usia 19 tahun
CGPA 3.9
Diterima masuk ke University of Oxford untuk terus ke pengajian Doktor Falsafah dalam bidang BioScience

Ho Wei Wen Vivien



Menamatkan Sarjana Muda Biologi di Flint Michigan USA.
Diterima masuk ke Van Andel Institute Graduate School Michigan untuk pengajian Doktor Falsafah Biologi

Menusha Arumugam



KEBAJIKAN PELAJAR


Kebajikan pelajar menjadi keutamaan kepada pengurusan Universiti. Justeru, pelbagai kemudahan disediakan untuk memastikan kebajikan pelajar terjamin.



1. JUMLAH BANTUAN MELALUI SKIM TABUNG KEBAJIKAN PELAJAR




Sebanyak 169 permohonan Skim Bantuan Tabung Kebajikan Pelajar telah diluluskan bagi tahun 2018. Jumlah keseluruhan bantuan adalah bernilai RM 182,436.80



2. JUMLAH BANTUAN MELALUI SKIM TABUNG ENDOWMEN BANTUAN PELAJAR



Sebanyak 87 permohonan Skim Bantuan Endowmen Pelajar telah diluluskan bagi tahun 2018. Jumlah keseluruhan bantuan adalah bernilai RM 66,101.90



3. JUMLAH LAPORAN LAWATAN DAN PERKHIDMATAN



Unit Kebajikan telah mengadakan 31 lawatan ke rumah pesakit yang melibatkan Skim Tabung Endowmen Bantuan Pelajar (STEBP) dan pelajar sakit dan 18 lawatan semasa pelajar di wad bagi memudahkan urusan tuntutan dan bantuan kepada keluarga. Unit Kebajikan menyediakan sebanyak 30 kemudahan mengambil dan menghantar pelajar yang menghadiri sesi temujanji bersama doktor.

4. PELAJAR OKU, INSURANS PELAJAR DAN AKTIVITI



UKM sangat komited dalam menjaga kebijakan pelajar Orang Kurang Upaya (OKU). Antara kemudahan yang disediakan adalah sebuah van OKU untuk menghantar dan mengambil pelajar OKU dari kolej ke fakulti.

Bagi memastikan golongan OKU tidak terpinggir, UKM sedang berusaha untuk menubuhkan Unit Perkhidmatan dan Sokongan OKU.

TAJAN / SUMBANGAN KEPADA PELAJAR



SUMBANGAN ALUMNI KEPADA UKM

UKM amat mengalu-alukan sumbangan alumni terutamanya untuk manfaat pelajar dan pembangunan Universiti. Alumni UKM kembali ke kampus dan memberi sumbangan dalam pelbagai bentuk seperti kewangan, kepakaran dan khidmat nasihat. Bagi tahun 2018, alumni telah menyumbang sebanyak **RM354,128.00**. Sumbangan ini telah disalurkan kepada program-program yang memberi manfaat secara langsung kepada pelajar seperti Program Makanan Percuma, penajaan peralatan, perkakas, kelengkapan, perabot dan hadiah kecemerlangan pelajar.

SUMBANGAN TENAGA KEPAKARAN ALUMNI KEPADA PELAJAR

Program Bicara Alumni adalah program anjuran ALUMNI-UKM, fakulti dan kolej penginapan yang diadakan secara berkala. Program ini merupakan medium terbaik untuk para alumni kembali ke alma mater, berinteraksi dengan pelajar dan seterusnya berkongsi pengalaman, memberi motivasi dan aspirasi bagi menggalakkan para pelajar. Sebanyak 12 Bicara Alumni telah diadakan pada tahun 2018 seperti berikut:



Encik Ramanathan Sathiamutty (Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina 1988), Ketua Pegawai Transformasi, Celcom Axia Berhad

Dato' CM Vignaesvaran Jeyandran (Fakulti Ekonomi Pengurusan 1997), Ketua Eksekutif, Pembangunan Sumber Manusia Berhad.

Dr. Norazlinda Mohamed Rosdi (FSSK 2005), Pengetua Kolej Kediaman, Universiti Malaysia Kelantan (Kampus Bachok).

Encik Muhammad Ibrahim Othman (Fakulti Undang-Undang 2012), Rakan kongsi Chenta Concept, sebuah syarikat perancang perkahwinan.




Dato' Haji Nazri Haji Mustafa (FUU 1992), pemilik Tetuan Nazri Azmi Islinda.

Encik Faiz Bin Mohammad Noor, Kapten Pasukan Kriket Malaysia (FPEND 2014)

Tuan Yusry Yusoff (Fakulti Undang- Undang 1994), Ketua Pegawai Eksekutif, Islamic Banking & Finance Institute Malaysia (IBFIM).

Dr. Muhammad Razwan Ruslan (Fakulti Pergigian 2016), bertugas di Klinik Pergigian Hospital Orang Asli Gombak dan Pengasas/ Perea Fesyen dan Dr. Nursuriati Muhamad Zahari (Fakulti Pergigian 2004, pemilik Inspired Dental Clinic.



Dato' Ts. Dr. Haji Amirudin Abdul Wahab, Ketua Pegawai Eksekutif (FTSM 1999), Cyber Security Malaysia.

Tuan Hj. Annas Ahmad (Fakulti Undang-Undang 1996), Ketua Pegawai Eksekutif di My-Sutera Sdn Bhd (Canggih).

Prof. Datuk Dr. Che Muhaya Mohamad (Fakulti Perubatan 1991), Doktor Pakar Mata dan Pakar Motivasi.

Encik Abdul Aziz Ramlee Sau (FST 2017), Penerima Anugerah Pelajaran Di Raja Majlis Konvokesyen ke 46 UKM



KRA²



**Penyelidikan dan
Inovasi Berimpak Tinggi**



PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI

“


**UKM sebagai Universiti
Penyelidikan meneruskan
kecemerlangan
penyelidikan dan inovasi
berlandaskan geran-geran
penyelidikan yang diterima
daripada agensi kerajaan,
pertubuhan bukan
kerajaan dan industri dari
dalam dan luar negara.**

”

Fokus penyelidikan dan inovasi menumpukan kepada tujuh Cabaran Perdana UKM dan usaha ini disokong dengan adanya infrastruktur dan kemudahan penyelidikan yang terkini. Selain pencapaian penerbitan, pemfailan harta intelek dan pengkomersialan, hasil penyelidikan juga dimanfaatkan oleh komuniti atau industri dalam menyelesaikan masalah semasa. Ini sejajar dengan hasrat Menteri Pendidikan Malaysia menjadikan tahun 2018 sebagai tahun penyelidikan ke arah menyelesaikan masalah masyarakat. UKM menterjemahkan hasrat ini melalui Cabaran Perdana UKM dan Penyelidikan B40 yang diterajui UKM melalui kerjasama MRUN. Kebitaraan UKM dalam penyelidikan dan inovasi juga terserlah melalui pencapaian penyelidik UKM menerima pelbagai anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

DANA PENYELIDIKAN DAN INOVASI

Sebanyak 1,314 projek penyelidikan telah diluluskan dengan peruntukan berjumlah RM69.6 juta. Terdapat lima (5) sumber utama peruntukan penyelidikan yang diterima.



GERAN PENYELIDIKAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)
+ Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS)	121	11,300,911.00
+ Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS)	1	143,175.00
+ Skim Geran Penyelidikan Transdisiplinari (TRGS)	3	705,600.00
+ Skim Geran Penyelidikan Jangka Panjang (LRGS)	3	2,238,058.00
+ Skim Geran Penyelidikan Fundamental-Anugerah Pemikiran dan Reka Bentuk Semula (FRGS-APRS)	6	90,000.00
+ Geran Malaysian Research University Network (MRUN)	3	450,000.00
+ Dana Padanan Antarabangsa (MyPAIR)	1	249,800.00
+ Demand-Driven Innovation Project By Public-Private Research Network (PPRN)	1	22,500.00
+ KPM (selain geran-geran di atas)	2	50,000.00

Projek Penyelidikan Tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM)

GERAN PENYELIDIKAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)
+ SMART Challenge Fund	1	2,360,000.00
+ MESTEEC - selain geran di atas	1	116,518.59

Projek Penyelidikan Tajaan Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia (MESTEEC),

PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI

GERAN PENYELIDIKAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)
+ Geran Universiti Penyelidikan	161	10,381,718.00
+ Geran Galakan Penyelidik Muda	73	2,796,213.00
+ Dana Impak Perdana	41	4,100,000.00
+ Dana Inovasi	5	414,000.00
+ Dana Pembangunan Penyelidikan PTJ	9	878,540.00
+ Dana Padanan Kolaborasi	6	120,000.00
+ Geran Galakan Penyelidikan	7	95,000.00
+ Dana Penyelidikan Strategik	59	1,994,900.00
+ Dana Modal Insan	19	795,000.00
+ Dana Cabaran Perdana	96	8,233,494.67
+ Geran Peneraju Cabaran Perdana	13	325,000.00

Projek Penyelidikan Tajaan Dana Universiti Penyelidikan (RU)

GERAN PENYELIDIKAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)
+ Dana Industri (Kebangsaan)	30	3,381,679.41
+ Dana Industri (Antarabangsa)	12	5,443,346.33
+ Dana Luar (Kebangsaan)	81	7,968,203.00
+ Dana Luar (Antarabangsa)	20	3,443,346.33

Projek Penyelidikan Tajaan Dana Luar Kebangsaan/Antarabangsa

GERAN PENYELIDIKAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)
+ Dalaman Universiti	539	1,500,170.13

Projek Penyelidikan Tajaan Dana Dalaman Universiti

PENYELIDIKAN CABARAN PERDANA

Cabarani Perdana merupakan salah satu penyelidikan translasi-multidisiplin bagi menghasilkan pencapaian komprehensif terhadap cabaran yang dihadapi Negara. pada masa yang sama, output projek berkenaan menyumbang kepada KPI Universiti Penyelidikan dan dimanfaatkan untuk menangani isu utama Negara.

IDEA UKM diberikan tanggungjawab untuk menguruskan satu lagi fasa Dana Cabaran Perdana (DCP) Fasa 1/2018.

Umumnya, Dana Cabaran Perdana merupakan hasil penjenamaan semula dari Projek Arus Perdana UKM yang sebelum ini telah diuruskan oleh Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) dengan menggunakan peruntukan Universiti Penyelidikan.



Cabarani Perdana	Bil. Program	Bil. Projek	Peruntukan Lulus
Akal Budi Melayu	1	3	350,000.00
Integrasi ASEAN	1	3	240,000.00
Islam Kontemporari	0	0	0
Malaysia Lestari	1	4	420,000.00
Malaysia Sihat Sejahtera	2	6	720,000.00
Pemerkasaan B40	1	4	300,000.00
Pengukuhan STEM	0	0	0

Rumusan Dana Cabaran Perdana 2018

Di samping itu, DCP bukan sahaja dilihat mampu menyelesaikan isu-isu semasa negara tetapi turut menghasilkan KPI Universiti Penyelidikan seperti penghasilan penerbitan Q1 & Q2 dan kertas polisi serta melatih sekurang-kurangnya seorang Modal Insan. DCP ini juga menyumbang secara langsung dari kepakaran penyelidikan, kemudahan dan juga sumber kewangan.

Dari keseluruhan tujuh (7) Cabaran Perdana, berikut merupakan Cabaran Perdana yang sangat aktif.

PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI

PEMERKASAAN B40

Cabaran Perdana Pemerkasaan B40 juga merupakan salah satu Cabaran Perdana yang juga turut menjalankan penyelidikan bersama-sama pihak berkepentingan. Antaranya ialah mengadakan pertemuan dan perbincangan tentang penawaran kerjasama penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia bagi menyelesaikan isu-isu kos sara hidup negara. Justeru pada 12 Mac 2018 telah diadakan perbincangan bersama Timbalan Ketua Setiausaha KPDNKK, Dato' Basaruddin Sadali di Pejabat TKSU KPDNKK. Perbincangan dihadiri oleh Pengarah Pusat IDEA Prof. Ir. Dr. Mohd Sobri Takriff, Prof. Dr. Rozmi Ismail, Prof. Dr. Azuraliza Abu Bakar, PM Dr. Mohd Azlan Shah Zaidi, PM Dr Abdul Hair Awang bagi membincangkan perkongsian kepakaran penyelidikan UKM terhadap enam (6) kluster yang diberikan penekanan oleh Majlis Tindakan Sara Hidup Negara.



“

Pertemuan dan perbincangan tentang penawaran kerjasama penyelidik Universiti Kebangsaan Malaysia bagi menyelesaikan isu-isu kos sara hidup negara.

”

Pada 9 Julai 2018, Cabaran Perdana Pemerkasaan B40 telah mengadakan Bengkel Konsortium Penyelidikan B40 yang julung-julung kali diadakan di UKM. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal ehwal Penyelidikan dan Inovasi), Prof. Dr. Mohd Ekhwan Toriman di Bangi Putrajaya Hotel.

Beberapa wakil pihak-pihak berkepentingan telah turut hadir antaranya World Bank , Yayasan Sime Darby, ISM, IDR Perak, JAKOA HQ, MCM GreenMan Group dan penyelidik UKM dari pelbagai Pusat Tanggungjawab di UKM.


Rampai Penyelidik

Rampai Penyelidik merupakan program yang menjadi platform untuk meningkatkan interaksi antara penyelidik UKM bagi merancang penyelidikan-penyelidikan rentas disiplin yang bersifat translasional dari pelbagai latar belakang dan fakulti.

Tiga (3) Siri Rampai Penyelidik melibatkan tiga (3) Cabaran Perdana telah dijalankan sepanjang 2018 seperti berikut:

Siri	Cabaran Perdana	Kerjasama	Tema
Siri 5	Cabaran Perdana Islam Kontemporari	Fakulti Pengajian Islam dan Fakulti Undang-undang	Islam dan Isu Kontemporari
Siri 6	Cabaran Perdana Pengukuhan STEM	Fakulti Pendidikan, Fakulti Sains dan Teknologi, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina serta Fakulti Sains dan Teknologi Maklumat	STEM untuk Komuniti
Siri 7	Cabaran Perdana Malaysia Sihat Sejahtera	Fakulti Perubatan, Fakulti Pergigian, Fakulti Sains Kesihatan, Fakulti Farmasi, UMBI dan i-HEARS.	Kelestarian Kesihatan dan Kesejahteraan Hidup

PUSAT KECEMERLANGAN PENGAJIAN TINGGI (HICoE)



Poster Hebahani Rampai Penyelidik Siri 5



Poster Hebahani
Rampai Penyelidik Siri 6



Poster Hebahani Rampai Penyelidik Siri 7

PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI

Institut Penyelidikan ditubuhkan untuk memberi tumpuan kepada penyelidikan dalam bidang terpilih selaras dengan kedudukan UKM sebagai Universiti Penyelidikan. Pada masa ini terdapat 13 pusat kecemerlangan penyelidikan seperti berikut:

a. **Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA)**



Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HICoE). Kedua-dua HICoE yang diiktiraf ini, seterusnya akan dipupuk dan dipandu arah melalui pemberian dana suntikan dan pemantauan berterusan untuk dilonjakkan pencapaiannya dalam bidang nice peringkat antarabangsa yang senantiasa kompetitif oleh pihak KPM. Berikut adalah dua (2) institusi penyelidikan di UKM yang telah berjaya mendapat pengiktirafan ini:

- Institut Perubatan Molekul UKM (UMBI) pada tahun 2009; dan
- Institut Kejuruteraan Mikro & Nanoelektronik (IMEN) pada tahun 2014.



Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik (IMEN)

Penyelidikan ini menghasilkan sejenis penapis yang dapat meniru fungsi buah pinggang dengan mengaplikasikan teknologi nano sepenuhnya. Sekeping silikon yang memiliki liang-liang halus, konsep yang cuba diterapkan menerusi inovasi tersebut adalah bagi menapis bahan kumuh dan mengeluarkannya daripada badan. Berbanding penggunaan mesin dialisis biasa, pesakit yang menjalani proses dialisis akan mudah penat dan tidak bermaya kerana mesin tersebut menapis dan mengasingkan segala bahan sama ada yang tidak diperlukan mahupun yang diperlukan tubuh sebagai bahan buangan. Dikenali sebagai lapisan penapis membran nano, inovasi tersebut berfungsi membantu pesakit buah pinggang melakukan dialisis secara berterusan, setiap hari tanpa perlu bergantung kepada mesin.


Penggunaan penderia berdasarkan Pemesinan Mikro (MEMS) untuk mengukur kualiti darah juga akan digunakan. Kajian tersebut bakal menawarkan pesakit buah pinggang kronik proses dialisis berterusan. Seterusnya memiliki kawalan automatik dan pengukuran yang lebih selamat hanya menerusi telefon bimbit mahupun tablet. Inovasi tersebut juga dapat memperbaiki kesihatan dan jangka hayat seseorang, mengurangkan aktiviti rawatan serta kos perubatan juga dijangka dapat dikurangkan.

BIOBANK HCTM-UMB

“

Penggunaan penderia berdasarkan Pemesinan Mikro (MEMS) untuk mengukur kualiti darah juga akan digunakan. Kajian tersebut bakal menawarkan pesakit buah pinggang kronik proses dialisis berterusan. Seterusnya memiliki kawalan automatik dan pengukuran yang lebih selamat hanya menerusi telefon bimbit mahupun tablet.

”



PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI

“

UMBI juga telah mendapat beberapa permintaan dari pihak luar negara seperti Indonesia yang ingin menempatkan pelajar dan staf mereka di UMBI untuk mempelajari mengenai sistem Biobank.

”

Biobank HCTM-UMBI terletak di aras tanah bangunan UMBI dengan keluasan 5,000 kaki persegi. Sehingga kini, sebanyak lebih 6,500 kes dari penyakit seperti kanser, obesiti, diabetis telah dikumpulkan, di mana jumlah spesimen biologi yang tersimpan di dalam biobank berjumlah 68,926 tiub (DNA, serum, plasma, tisu normal, tisu tumor, sel mononukleir dan sel darah merah). Biobank HCTM-UMBI juga dilengkapi dengan 8 unit tangki cecair nitrogen, 12 unit peti sejuk beku bersuhu -800C, pengesan kebocoran gas nitrogen, serta dipantau menggunakan sistem pemantauan suhu tanpa wayar. Semua data-data pesakit/penderma yang disimpan di dalam pangkalan data UMBI dan mempunyai sistem keselamatan yang sangat tinggi.

Biobank HCTM-UMBI juga sering dijadikan rujukan dari segi struktur organisasi, governans serta protokol yang digunakan. Sebagai contohnya, Biobank HCTM-UMBI telah dijemput untuk memberi input serta pengenalan di Bengkel Konsortium Biobank (Governance and Policy). Malahan, UMBI telah dijemput untuk menjadi ahli jawatankuasa Task Force National Biobank Consortium Malaysia yang diketuai oleh Ketua Pengarah Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. UMBI sering juga mendapat lawatan serta kunjungan dari pihak akademik dan industri yang ingin mengetahui lanjut tentang Biobank. Di samping itu, UMBI juga telah mendapat beberapa permintaan dari pihak luar negara seperti Indonesia yang ingin menempatkan pelajar dan staf mereka di UMBI untuk mempelajari mengenai sistem Biobank.



MAKMAL UKM TERAKREDITASI

UKM berjaya mengekalkan akreditasi untuk sembilan (9) buah makmal UKM telah mendapat status akreditasi daripada Jabatan Standard Malaysia. Standard yang terlibat adalah Standard MS ISO IEC 17025:2017 dan MS ISO/ IEC 15189:2012. Standard MS ISO IEC 17025:2017 adalah untuk standard makmal pengujian manakala MS ISO/IEC 15189:2012 adalah untuk makmal perubatan.

Untuk tahun 2018, sebanyak sebuah makmal telah menjalani pensijilan semula dan berjaya memperbaharui sijil tersebut. Makmal ini adalah Pusat Penyelidikan dan Analisis Air (ALIR) untuk Standard MS ISO/IEC 17025:2017. Tiada penambahan skop dibuat untuk makmal tersebut.


MS ISO/IEC 17025:2017 adalah akreditasi makmal ujian dan kalibrasi yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Akreditasi ini diurustadbir oleh Jabatan Standards Malaysia. Makmal yang telah diakreditasikan adalah makmal yang telah diperakui kompeten melaksanakan ujian makmal dan kalibrasi. MS ISO/IEC 15189:2012 adalah akreditasi makmal perubatan yang diiktiraf di peringkat antarabangsa untuk ujian klinikal.

Senarai Penuh Makmal dan Skim Akreditasi

BIL	MAKMAL	SKOP	ORGANISASI PENSIJILAN	TARIKH ISU	TARIKH SAHLAKU	TARIKH MENDAPAT AKREDITASI
1	MAKMAL BIOSERASI, CRIM (No: SAMM 479)	MS 17025	Standards Malaysia	02.09.2016	19.10.2019	19.10.2010
2	UniPeQ (No: SAMM 330)	MS 17025	Standards Malaysia	13.10.2016	03.05.2018	2005
3	THE MALAYSIAN COHORT, UMBI (No: SAMM 537)	MS 15189	Standards Malaysia	24.07.2017	01.11.2020	01.11.2011
4	JABATAN PERKHIDMATAN MAKMAL DIAGNOSTIK, PPUKM (No: SAMM 481)	MS 15189	Standards Malaysia	19.09.2016	08.11.2019	08.10.2010
5	UMBI (No: SAMM 551)	MS 17025	Standards Malaysia	28.10.2017	20.01.2020	20.03.2012
6	MAKMAL PENCIRIAN STRUKTUR MOLEKUL, CRIM (No: SAMM 602)	MS 17025	Standards Malaysia	20.07.2016	23.07.2019	23.07.2014
7	PUSAT KEJURUTERAAN TISU, PPUKM (No: SAMM 683)	MS 17025	Standards Malaysia	08.12.2017	12.12.2020	12.12.2014
8	PUSAT PENYELIDIKAN DAN ANALISIS AIR (ALIR) (No. SAMM 717)	MS 17025	Standards Malaysia	02.07.2018	08.06.2021	08.06.2015
9	MAKMAL KIMIA ANALISIS, INSTITUT BIOLOGI SISTEM (No. SAMM 768)	MS 17025	Standards Malaysia	03.05.2016	03.06.2019	03.05.2016

PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI

AKTIVITI PENYELIDIKAN



Sangkutan Penyelidikan

Antarabangsa	41
Kebangsaan	81

Pameran Penyelidikan

Antarabangsa	23
Kebangsaan	73

Kolaborasi Penyelidikan

Antarabangsa	122
Kebangsaan	314

Wacana/Simposium/Forum/Persidangan Meja Bulat

Antarabangsa	205
Kebangsaan	461

Persidangan

Antarabangsa	1,380
Kebangsaan	984

Jumlah Keseluruhan

Antarabangsa	1,771
Kebangsaan	1,913



UKM-IIC2018

UKM-IIC2018 merupakan penganjuran persidangan antarabangsa berskala besar dengan menghimpunkan pelbagai persidangan dari bebagai bidang penyelidikan di bawah satu payung. UKM-IIC2018 telah menjadi salah satu ikon utama UKM dalam usaha untuk menjadi platform bagi menggalakkan perkongsian ilmu dalam pelbagai bidang penyelidikan yang merentasi sempadan. Penganjuran UKM-IIC2018 melibatkan 16 persidangan antarabangsa dengan penyertaan seramai 1500 peserta dari dalam dan luar negara.

Bertemakan Inclusivity and Sustainability In The Era of The Fourth Industrial Revolution, UKM-IIC2018 memberi peluang dan ruang kepada penyelidik UKM untuk mengenangkan idea dalam penghasilan penyelidikan dan produk yang berpotensi untuk tujuan pengkomersialan. Di samping itu, persidangan ini diharap dapat menghasilkan penyelidikan yang menyumbang kepada pembangunan teknologi baru seiring dengan era revolusi industri 4.0 (4IR). UKM-IIC2018 mengangkat tujuh (7) Cabaran Perdana UKM untuk dijadikan subjek penyelidikan iaitu Malaysia Sihat Sejahtera, Islam Kontemporari, Akal Budi Melayu, Pemerksaan B40, Malaysia Lestari, Pengukuhan STEM dan Integrasi ASEAN.



Duli Yang Teramat Mulia Tengku Puan Pahang Tunku Hajah Azizah Aminah Maimunah Iskandariah Binti Almarhum AlMutawakkil Alallah Sultan Iskandar AlHaj dan Prof. Dr. Peter Robinson (Professor of Computer Technology, University of Cambridge) merupakan dua tokoh pengucaptama tersohor yang dijemput menyampaikan ucaptama pada UKM-IIC2018. Selain itu, UKM-IIC2018 turut menampilkan kelainan dengan mengadakan pelbagai sesi ilmu seperti sesi forum, sesi perkongsian ilmu, sesi ulasan buku dan pameran penyelidikan gabungan dari pelbagai cabang ilmu termasuk ahli akademik, ahli korporat, usahawan dan penerbit filem. Majlis perasmian UKM-IIC2018 telah disempurnakan oleh YAM Tunku Laxamana Tunku Dato' Seri Utama Naqiyuddin Ibni Almarhum Tuanku Ja'afar, Pro-Canselor UKM.

PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI

PENGURUSAN PERLINDUNGAN DAN PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK

Perlindungan Harta Intelek

Pengurusan perlindungan harta intelek merupakan elemen penting dalam proses pemindahan teknologi bagi membangunkan produk penyelidikan untuk manfaat ekonomi dan masyarakat. Pusat perkhidmatan UKM yang menguruskan perlindungan harta intelek UKM secara komprehensif dan pengkomersialan harta intelek Universiti (melalui anak syarikat UKM iaitu UKM Technology Sdn Bhd), Pusat Inovasi Kolaboratif juga berperanan membudayakan budaya inovasi kepada seluruh warga Universiti dan bertanggungjawab dalam pembangunan governan yang melibatkan pengurusan perlindungan harta intelek dan pengkomersialan harta intelek seperti pembangunan sistem permohonan perlindungan harta intelek atas talian, pembangunan, penerbitan dan semakan Dasar Harta Intelek serta Dasar Pengkomersialan Harta Intelek seterusnya pembangunan garispanduan dan prosedur yang diguna pakai oleh seluruh warga UKM.

Melalui pusat ini juga, UKM menyediakan platform bagi

pengurusan pendedahan rekacipta, *due diligence*, audit dan perdaftaran harta intelek dan pengurusan port folio harta intelek secara strategik, pembangunan perniagaan berdasarkan teknologi (*market intelligence*, pembangunan perniagaan, saringan teknologi, rangkaian kolaborasi dengan industri dan pameran perdagangan), pengurusan pemindahan teknologi (pengurusan pra pengkomersialan, pembangunan prototaip, pengurusan dana, kerjasama industri dan pemadanan perniagaan) dan pengurusan pembangunan program kapasiti (program kesedaran harta intelek, program keusahawanan akademik, enterpreneur-in-residence, bootcamp pembangunan kapasiti dan program permentoran).

Sebanyak 1691 harta intelek UKM telah dilindungi dengan pecahan terbanyak ialah hakcipta, paten dan cap dagangan. Terdapat 292 permohonan mengikut pecahan Pusat Tanggungjawab (PTj) seperti berikut:

Bil	Pusat Tanggungjawab	Bilangan Permohonan	Bilangan Permohonan
		2017	2018
1.	Canselor	2	5
2.	Fakulti Ekonomi dan Pengurusan	2	20
3.	Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina	15	28
4.	Fakulti Farmasi	0	7
5.	Fakulti Pendidikan	3	9
6.	Fakulti Pengajian Islam	27	19
7.	Fakulti Pergigian	2	6
8.	Fakulti Perubatan	10	16
9.	Fakulti Sains dan Teknologi	33	55
10.	Fakulti Sains Kesihatan	14	35
11.	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan	9	13
12.	Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat	16	18
13.	Fakulti Undang-Undang	0	3
14.	Hospital Universiti Kebangsaan Malaysia	2	2
15.	Institut Alam & Tamadun Melayu	6	6
16.	Institut Alam Sekitar dan Pembangunan	1	1
17.	Institut Biologi Sistem	3	4
18.	Institut Informatik Visual	2	8
19.	Institut Kejuruteraan Mikro dan Nanoelektronik	4	12

Bil	Pusat Tanggungjawab	Bilangan Permohonan	
		2017	2018
20.	Institut Penyelidikan Tenaga Suria	2	7
21.	Institut Perubahan Iklim	2	2
22.	Institut Perubatan Molekul	0	3
23.	Institut Sel Fuel	2	3
24.	Institut Telinga, Pendengaran dan Pertuturan (HEARS)	1	0
25.	PTSL	0	2
26.	Pusat Permatapintar Negara	10	8
	Jumlah	168	292

Pemfailan harta intelek bagi tahun 2018 adalah sebanyak 207 iaitu jenis perlindungan tertinggi adalah hak cipta iaitu sebanyak 154 diikuti perlindungan jenis paten sebanyak 42. Berikut merupakan pecahan pemfailan bagi keseluruhan harta intelek bagi tahun 2018:

Bil	Jenis Harta Intelek	Bilangan Pemfailan	
		2017	2018
1.	Paten	27	42
2.	Hak Cipta	84	154
3.	Cap Dagangan	7	6
4.	Perbaharuan Utiliti	1	2
5.	Rekabentuk Industri		3
	Jumlah	119	207


Pencapaian bagi pemfailan paten dan hak cipta mengikut PTj adalah seperti berikut:

Pemfailan Paten



PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI

Pengkomersialan Harta Intelek






Pencapaian Pengkomersialan Harta Intelek

Jumlah pengkomersialan kumulatif sehingga tahun 2018 adalah 78 produk berjaya dilesenkan dan 71 produk berjaya dikomersialkan, dengan jumlah pendapatan terkumpul dari pelesenan teknologi, pengkomersialan produk sehingga tahun 2018 adalah sebanyak RM6.037 juta. Sebanyak 12 projek Dana Inovasi bagi tahun 2018 sedang berjalan di mana setiap projek melibatkan kolaborasi bersama pihak industri. Pengkomersialan produk mengikut Pusat Tanggungjawab bagi tahun 2018 dan 2017:

Bil	Pusat Tanggungjawab	Pendapatan (RM)	
		2017	2018
1.	Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina	86,340.00	92,265.00
2.	Fakulti Farmasi	0	10,000.00
3.	Fakulti Pengajian Islam	7,950.00	12,722.00
4.	Fakulti Perubatan	42,400.00	191,410.00
5.	Fakulti Sains dan Teknologi	92,280.00	102,270.00
6.	Fakulti Sains Kesihatan	14,803.00	216,373.00
7.	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan	63,000.00	11,540.00
8.	Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat	24,280.00	29,280.00
9.	Lestari	25,600.00	19,200.00
10.	SERI	9,600.00	0
11.	PTSL	31,400.00	15,400.00

Penghasilan Harta Intelek



PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI

PERJANJIAN PELESENAN TEKNOLOGI



MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PELESENAN TEKNOLOGI (TLA) ANTARA UKM TEKNOLOGY SDN. BHD DAN LANGIT EDUCATION & CONSULTANCY PLT, RM36,000.00 bagi produk *The validation of the Malay Preschool Language Assessment Tool (MPLAT)*, Prof. Madya Dr. Rogayah Binti A Razak, Fakulti Sains Kesihatan.

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PELESENAN TEKNOLOGI (TLA), RM55,000.00 bagi produk *Module Of Edible Bird Nest (EBN)*, Dr. Lim Seng Joe, Fakulti Sains Kesihatan.



MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN DI ANTARA UKM TECH SDN. BHD. DENGAN INSTITUT SUKAN, RM90,000.00 bagi produk *DIETSCORE*, Prof. Madya Dr. Nik Shanita Safii, Fakulti Sains Kesihatan.



MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PELESENAN TEKNOLOGI (TLA) DI ANTARA UKM TECHNOLOGY SDN. BHD. DENGAN INTERNATIONAL SWIFTLET ACADEMY SDN. BHD., RM55,000.00 bagi produk *Module Of Edible Bird Nest (EBN)*, Dr. Lim Seng Joe, Fakulti Sains Kesihatan.

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PELESENAN TEKNOLOGI (TLA) ANTARA UKM TECH SDN BHD DAN ISTIDAMAH RESOURCES SDN. BHD., RM80,000.00, bagi produk *INNOQIBLA*, Prof. Madya Ir. Dr. Norhana Arsad, Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina.

PERJANJIAN PERSEFAHAMAN



MALIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA) DI ANTARA UKM TECHNOLOGY SDN. BHD. DENGAN EARTISTIC SDN. BHD., RM75,000.00, bagi produk i-AHEAD, Prof. Madya Dr. Cila Umat, Fakulti Sains Kesihatan.



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA) ANTARA UKM TECHNOLOGY SDN. BHD. DAN LINACO FOOD INDUSTRIES SDN. BHD., RM10,000.00, bagi Coconut Oil Based Mayonnaise, Dr. Lim Seng Joe, Fakulti Sains dan Teknologi.

PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA) DI ANTARA UKM TECHNOLOGY SDN. BHD. DENGAN S-CORE IT SOLUTIONS SDN. BHD., RM10,000.00 bagi produk Integrated Veterinary Management System (V-MAGSYS), Dr. Faiz bin Daud, Fakulti Perubatan.



MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA) ANTARA UKM TECHNOLOGY SDN. BHD. DENGAN COMMTEQ (M) SDN. BHD., RM9,800.00, bagi produk Development of a 300 W Wind Turbine, Prof. Dr. Sohif Bin Mat, Institut Penyelidikan Tenaga Suria (SERI).



MEMORANDUM PERJANJIAN (MoA) DI ANTARA UKM TECHNOLOGY SDN. BHD. DENGAN LANGIT EDUCATION CONSULTANCY, RM5,000.00 bagi produk JAWI APPS Prof. Dr. Nor Azan Binti Mat Zin, Fakulti Teknologi Sains Maklumat



MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERJANJIAN (MOA) DI ANTARA UKM TECHNOLOGY SDN. BHD. DENGAN INTEGRASI ERAT SDN. BHD., RM8,410.00 bagi produk VR in Total Ankle Replacement in Surgery, Prof. Madya Dr. Mohd Yazid Bajuri, Fakulti Perubatan.

INISIATIF KE ARAH PENGKOMERSIALAN


Dalam memastikan hasil penyelidikan penyelidik UKM mengikut kehendak pasaran, Garis Panduan Dana Inovasi dan Geran Lab2Market telah ditambah baik dengan penglibatan syarikat dan industri dalam pembangunan prototaip (Dana Inovasi) serta analisis pasaran (Geran Lab2Market).

Skim Geran Penyelidikan Pembangunan Prototaip (PRGS) merupakan dana daripada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi pembangunan prototaip untuk merapatkan jurang di antara penemuan makmal/penyelidikan sehingga sebelum pra-pengkomersialan. Ini termasuk pembuktian konsep (*proof of concept*), penilaian (*evaluation*), skala naik (*up-scaling*), ujian pra-klinikal (*pre-clinical testing*) dan ujian lapangan (*field testing*).



PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI

PENGKOMERSIALAN HARTA INTELEK



Pengiktirafan Pusat Pengajar Kursus Peraturan CLASS 2013 & ICOP 2014.

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) adalah universiti pertama yang telah menfaikan harta intelek iaitu penentu arah kiblat mudah alih dengan inovasi terkini yang dinamakan InnoQibla.



MyDerm®

Stemness Gene Detection and Method thereof






Bengkel "Kaunseling Islam
Menurut Al-Ghazali"



Modul Sukarelawan dan Alat
Pengiktirafan Pusat Pengajar
Psikometrik WoW UFactor



An Automated
Hearing Screening
System



Dermal Fibroblast Sera for Skin Rejuvenation
And Wound Healing



A Composition for
Repelling Insects

PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI




Caiser™



CiliBangi



Da's Beauty



Kana



Primera



Ecoboard



Jejakalori



JetP dan iQuest

UKM Menjadi Sumber Rujukan Bagi Pengurusan Perlindungan Dan Pengkomersialan Harta Intelek

UKM telah menerima kunjungan lawatan penandaarasan dari Universiti Antarabangsa, Universiti Awam, Swasta dan agensi kerajaan seperti berikut:



Yunnan IP Office
Kunming, China



Dongseo University
Korea



University of
Philippines Los
Banos



University of
Chieng Mai,
Vietnam



Universiti
Teknologi
Malaysia



Universiti Malaysia
Sabah



Universiti Malaysia
Sarawak



Universiti Islam
Antarabangsa



Universiti
Teknologi MARA



Unit Inovasi dan
Penyelidikan MARA

PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI

Inisiatif Menggalakkan Perlindungan Dan Pengkomersialan Harta Intelek



Pentaulahan sijil Kepimpinan Keusahawanan (CEL) daripada University of Swansea melalui biasiswa yang dianugerahkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia

PIK menghantar penyertaan penyelidik ke MCY anjuran MESTECC dan 2 terpilih sebagai finalis iaitu inovasi Innoqibla dan inovasi Ecoboard.



IP Awareness dan IP Mining

Research Outcome Opportunity Workshop (ROOW)



Bengkel Carian Noveliti

Minggu Mesra Mahasiswa UKM 2018
(Domain Inovasi)



Anugerah Harta Intelek
Negara (AHIN) 2018



Hari Inovasi dan Keusahawanan (HIKe)



Integrated International Conference 2018



Program kerjasama bersama Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) PIK diiktiraf daripada TISC (*Technology Innovation Service Center-2016*) ke SPOKE WIPO (Oktober 2018). Pengarah PIK telah dijemput membentangkan halatuju Pengurusan IP, Pemindahan Teknologi dan Pelesenan Produk/Teknologi di Okinawa Jepun melalui penajaan oleh WIPO (World Intellectual Property Organization).



Bengkel National Workshop on Technology Transfer Office and IP Management



Technology Assessment Forum bersama World Intellectual Property Organization (WIPO) on Enabling IP Environment



Bengkel What Is Your IP Worth?

PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI



Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism Show (MAHA 2018)



Ahli Jawatankuasa Garis Panduan Penglibatan/Pemilikan Syarikat



Pemantapan ilmu melalui penyertaan dalam kursus RTTP (Registered Technology Transfer Practitioner) yang dibiayai melalui Biasiswa Newton Ungku Omar dan dianugerahkan oleh Oxentia (Oxford University)



Juri Hari Inovasi di Kolej MARA Banting

Senarai Projek Dana Inovasi

Bil	Kod Projek	Tajuk Projek	Ketua Projek	Syarikat Kolaborasi
1	Inovasi-2018-001	Producing TP 3-in-1 Polyphenols Rich Tropical Fruit Juices to Meet Quality Assurance, Market Demand and Consumer Satisfaction	Prof. Dr Suzana Shahar	El Fresco Marketing Sdn Bhd
2	Inovasi-2018-002	Integrated Veterinary Management System	Dr. Faiz bin Daud	S-Core IT Solutions Sdn Bhd
3	Inovasi-2018-003	Virtual Reality In Total Ankle Replacement Surgery	Prof. Madya Dr Mohd Yazid bin Bajuri	Integrasi Erat Sdn. Bhd.
4	Inovasi-2018-004	Development of Innovative Coconut Oil-based Mayonnaise	Dr . Lim Seng Joe	Linaco Food Industries Sdn Bhd
5	Inovasi-2018-005	GPS-Based Bus Tracking System - BasKita V2.0.	Prof. Dr Haslina Bt. Arshad	Examedia Solution Sdn Bhd

Senarai Projek Geran Lab2Market

Bil	Kod Projek	Tajuk Projek	Ketua Projek
1	L2M-2018-001	Dermal Fibroblast Sera for Skin Rejuvenation	Dr. Shiplu Roy Chowdhury

PENERBITAN PENYELIDIKAN

Fokus penerbitan pada tahun 2018 adalah kepada jenis jurnal terindeks yang merupakan salah satu kriteria penting dalam penarafan Malaysia Research Assessment (MyRA®). Penulisan hasil penyelidikan melalui jurnal terindeks pada tahun 2018 telah meningkat kepada 3017 berbanding 2846 pada tahun 2017 seperti Jadual di bawah:

Perbandingan Bilangan Penerbitan Tahun 2016, 2017 dan 2018

Bil	Jenis Penerbitan	Bilangan		
		2016	2017	2018
1	Jurnal Terindeks	2433	2846	3017
2	Prosiding Terindeks	323	491	510
3	Jurnal Tidak Terindeks	863	1146	1151
4	Buku Penyelidikan	79	86	121
5	Bab Dalam Buku	163	248	489
6	Kertas Polisi	24	19	30
7	Lain-lain Penerbitan	1348	4578	3807
	JUMLAH	5233	9414	9125

* sumber: data eMyRA 2016/2017

** Data 2018 (sehingga 14.3.2019)

PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI

Penerbit UKM telah menerbitkan sejumlah 184 judul buku penyelidikan pada tahun 2018. Berikut adalah sembilan judul buku terlaris 2018. Hasil jualan merangkumi 41% daripada keseluruhan hasil jualan buku terbitan tahun 2018.

Buku Terlaris 2018

Anugerah Buku dan Jurnal Penerbit UKM

UKM memenangi beberapa anugerah penerbitan sepanjang tahun 2018 seperti berikut:



Anugerah Buku dan Jurnal Penerbit UKM

UKM memenangi beberapa anugerah penerbitan sepanjang tahun 2018 seperti berikut:

1. Anugerah Buku Negara 2018

30 April 2018 – PWTC Kuala Lumpur

Kategori Anugerah Pengajian Tinggi - Buku Islamik Terbaik

Judul: *Makanan Ubah Suai Genetik (GMF) Menurut Islam*

Pengarang: Dato' Dr. Mohd. Izhar Ariff Mohd. Kashim

Kategori Anugerah Industri Buku - Buku Umum Terbaik (Teknologi Maklumat dan Pembangunan Persekitaran)

Judul: *Bandaraya Bestari: Sistem Kerajaan Elektronik dan Masyarakat Global Bermaklumat*

Pengarang: Prof. Madya Dr. Jalaluddin Abdul Malek

Kategori Anugerah Industri Buku - Buku Umum Terbaik (Linguistik)

Judul: *Bahasa Melayu Moden Awal dan Analisis Dua Kata Kopula*

Pengarang: Dr. Ismail Salleh

Kategori Anugerah Industri Buku - Buku Umum Terbaik (Sejarah)

Judul: *Biografi Tengku Abdul Kadir Kamaruddin: Raja Patani Terakhir*

Pengarang: Mohd. Zamberi Abdul Malek

2. Anugerah MAPIM-KPT 2017

29 April 2018 – Seri Pacific Hotel, Kuala Lumpur

Karya Suntingan Terbaik (Saguhati)

Judul: *Making the Past Present for the Future Integrated Heritage Conservation through Geopark Model*

Disunting oleh: Prof. Dr. Rahimah Abdul Aziz, Prof. Dr. Ong Puay Liu dan Dr. Sarah Aziz

3. Pengiktirafan Jurnal CREAM 2018 oleh Kementerian Pendidikan Malaysia

GEMA Online Journal

3L: Language, Linguistics and Literature

Jurnal Sains Malaysiana

Jurnal Komunikasi

Jurnal Akademika

PENYELIDIKAN BERIMPAK TINGGI

Penyelidikan dan inovasi menyokong bidang Keberhasilan Utama Universiti (KRA 2). Kepakaran dan hasil penyelidikan UKM menyumbang secara signifikan kepada pembangunan ekonomi dan sosial melalui ekosistem yang dapat memupuk penemuan intelek, inovasi, penyebaran dan penggunaan ilmu. UKM memupuk, menghasil, menarik dan mengekalkan individu dan pasukan sarjana yang tersohor, memacu penyelidikan dan menawarkan penyelesaian berimpak tinggi untuk negara, industri dan masyarakat.

UKM menjana ilmu baru dan menawarkan penyelesaian unik dan berdaya saing serta menjadi rujukan dalam kalangan ilmuwan, industri, komuniti dan pihak berkepentingan yang lain. UKM menghasilkan penyelidikan yang mempunyai kepakaran dan beretika yang menyumbang kepada proses pengembangan, pengaplikasian ilmu dan inovasi bernilai tinggi.

IMPAK HASIL PENYELIDIKAN TERPILIH 2018

PENYELIDIKAN ARKEOLOGI MARITIM DI PULAU BIDONG, TERENGGANU 2017-2018

Penemuan sebuah kapal karam yang terletak lebih kurang 2 batu nautika dari perairan Pulau Bidong dan 30 batu nautika dari Kuala Terengganu telah memangkin kepada tercetusnya kajian arkeologi maritim di Malaysia. Kajian ini diketuai oleh Prof. Madya Dr. Asyari Muhamad, Felo Penyelidik Kanan dari ATMA, UKM dengan kerjasama pasukan penyelidik dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT), UZMA dan Jabatan Warisan Negara (JWN). Ia dilakukan dengan kerja-kerja survei saintifik yang melibatkan peralatan saintifik seperti ROV, Multi-Beam Sonar, dan Sub-Bottom Profiler. Seterusnya kajian berbentuk salvaj dan disusuli dengan ekskavasi di kawasan terbabit. Peruntukan dana kewangan dari dua sumber iaitu dari UMT serta sebuah syarikat swasta iaitu UZMA lebih kurang RM400,000.00 telah diperuntukan untuk kajian awalan ini. Sehingga kini, kajian masih peringkat awalan dan kerja-kerja salvaj serta ekskavasi arkeologi bawah air belum dilaksanakan lagi atas faktor kewangan.

Kajian ini dilakukan untuk melihat asal usul kapal karam,



Kajian survei arkeologi bawah air sedang dilakukan.

jenis, saiz dan bentuk kapal karam tersebut, artifak yang terdapat di dalam kapal itu demi menambah dan melengkapkan data berkaitan sejarah perdagangan awal sekitar abad 15 - 19 Masihi di Alam Melayu. Kajian ini juga dijangka dapat mencungkil banyak maklumat berhubung dengan Sejarah pelayaran kapal, teknologi pembuatan kapal itu serta barang kargo yang dibawa oleh kapal karam tersebut. Kaedah yang digunakan untuk menyelidik sejarah dan usia kapal ialah melalui pentarikan relatif berdasarkan kepada penemuan artifak yang dibawa oleh kapal tersebut. Antara penemuan artifak yang ditemui di sekitar kapal karam itu ialah seramik sekitar abad ke 16 - 17 masih yang berasal dari negara Thailand yang dikenali sebagai Sawankhalok. Selain itu, ditemui juga pelbagai jenis dan bentuk artifak yang lain seperti patung berbentuk manusia, haiwan, bahan yang diperbuat daripada logam seperti paku kapal serta kayu yang digunakan untuk membuat kapal tersebut. Secara kasarnya saiz kapal tersebut sebesar 25 meter pajang dan 10 meter lebar. Penemuan kapal karam yang dinamakan sebagai 'The Bidong Shipwreck' ini, telah membuka beberapa lembaran baru terhadap sejarah penyelidikan kapal karam di Malaysia. Antaranya menambah maklumat berkaitan dengan jumlah kapal karam di perairan Laut China Selatan, punca kapal itu karam, teknologi pembuatan kapal dan destinasi awal dan hala tuju kapal tersebut. Kajian ini mengandaikan kapal karam itu kemungkinan berasal dari kawasan tengah Thailand sama ada dari Sukhothai, Chonburi atau daerah lain di Thailand berdasarkan artifak yang ditemui. Ia karam kemungkinan akibat faktor cuaca atau mengalami kerosakan.

SRI GUMUM CYBER CUBE DI PUSAT PENYELIDIKAN TASIK CHINI (PPTC)

PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI

Celcom Axiata Berhad menyumbangkan Sri Gumum Cyber Cube di Pusat Penyelidikan Tasik Chini (PPTC), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang digunakan oleh komuniti masyarakat orang Asli Tasik Chini. Selain itu, Celcom turut juga melancarkan Pribumi Mall, sebuah portal jualan dalam talian bagi memasarkan produk keluaran orang Asli selain menanam semula seribu pokok di kawasan PPTC UKM Rizab Biosfera UNESCO. Program adalah cetusan idea daripada jalinan strategik antara PPTC UKM dan Celcom sebagai satu program khidmat masyarakat bagi kedua-dua organisasi untuk masyarakat orang Asli di Tasik Chini.

PPTC UKM dan Celcom telah menyediakan kemudahan capaian 4G yang menyeluruh dan dipercayai di kawasan Tasik Chini dalam mendigitalkan kawasan berkenaan.

membolehkan penyelidik



UKM khususnya dalam pemonitoran kualiti air di tujuh stesen persampalena di sekitar Tasik Chini. Pusat ini juga bakal menyediakan kemudahan e-tuisyen dalam bidang STEM dalam kelas maya fardhu ain selain sebagai pusat Training of Trainers di kalangan masyarakat orang Asli dalam pendidikan secara talian oleh penyelidik di Hospital UKM (HUKM). Kemudahan yang dibangunkan ini dapat memperkasa masyarakat orang Asli bagi membangunkan produk mereka di pasaran digital selain menyediakan pusat latihan bagi usahawan dalam talian. Usahasama antara Celcom dan UKM wajar diberi pujian kerana ia menjadi contoh kemampuan sebuah jalinan institusi pendidikan dan swasta melaksanakan agenda kesejahteraan masyarakat.

Muhriz (HCTM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang diketuai oleh Pensyarah Kanan dan Pakar Ortopedik & Arthroskopi, Dato' Dr. Badrul Akmal Hisham Md Yusoff telah berjaya mempelopori rawatan arthritis lutut menggunakan sel stem mesenkima yang diperoleh daripada tali pusat. Kajian sejak 2016 itu membabitkan rawan sendi terbentuk semula sepenuhnya selepas setahun. Tali pusat yang digunakan untuk rawatan tersebut adalah tali pusat yang didermakan oleh pesakit yang telah melalui saringan dan ujian darah yang tertentu bagi memastikan tisu yang diperoleh mengikut piawaian yang ditetapkan dan disahkan selamat. Sel stem itu akan dikulturkan dan dibiakkan di dalam makmal yang disertifikasi oleh Agensi Pengawalan Famaseutikal Kebangsaan. Sel-sel tersebut kemudiannya dimasukkan ke dalam sendi lutut pesakit menggunakan kaedah intra-articular injection. Semua pesakit dalam kajian tersebut telah menunjukkan peningkatan positif yang signifikan seawal bulan ketiga dan tidak menunjukkan tanda-tanda kesan sampingan.

Pasukan penyelidik bersama Cytopeutics Sdn Bhd menyaring pesakit terlebih dahulu, menjalankan pemeriksaan dan uji kaji serta pengimejan sebelum pembedahan artoskopi lutut dilakukan. Sel stem akan



dimasukkan ke dalam sendi lutut dan pesakit menjalani rawatan susulan selama 12 bulan. Keseluruhan proses ini disahkan patuh syariah oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM). Sebagai penyelidikan translasi klinikal pertama yang menggunakan sel stem alogenik ke atas pesakit ortopedik di HCTM, ia telah mengorak langkah untuk lebih banyak lagi kajian klinikal seumpamanya dijalankan memandangkan aspek kesesuaian, keselamatan serta tanpa kesan mudarat.



PENYELIDIKAN DAN INOVASI BERIMPAK TINGGI



PENYELIDIK UKM TEMUI RANGKA MANUSIA PRASEJARAH

Rangka manusia prasejarah yang hampir lengkap yang dianggarkan berusia 6,000 hingga 8,000 tahun lalu telah ditemui oleh sekumpulan penyelidik dari Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Zuliskandar Ramli bersama penyelidik dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) dan Jabatan Warisan Negara (JWN) di Gua Chawan, Lembah Nenggiri, Ulu Kelantan. Penemuan rangka manusia itu adalah penemuan penting bagi arkeologi negara kerana dapat memberi fakta baharu terhadap amalan pengkbumian dan budaya kehidupan zaman prasejarah di Malaysia. Data yang paling awal kita dapat pentarikhan di Gua Kecil dan Gua Kubang Kelawar di Bukit Batu Tambah menunjukkan bahawa masyarakat yang terawal tinggal di kawasan itu adalah 13,000 tahun lalu iaitu pada zaman Hoabinh, Mesolitik, Neolitik dan zaman logam hingga ke masyarakat orang asli sekarang yang ada di situ iaitu suku kaum Temiar. Kajian ini tidak tertumpu di kawasan Gua Chawan sahaja tetapi merangkumi 12 gua dalam radium 20 kilometer persegi.

Menerusi hasil penyelidikan, dipercayai bahawa rangka ini

APLIKASI TELEFON PINTAR DIETSCORE MEMBANTU ATLET MENINGKATKAN AMALAN PEMAKANAN

Fakulti Sains Kesihatan (FSK) berjaya menghasilkan aplikasi telefon pintar Dietscore yang dapat membantu atlet dalam meningkatkan amalan pemakanan. Aplikasi yang dihasilkan oleh kumpulan penyelidikan diketuai Prof. Madya Dr. Nik Shanita Safii mampu memantau keperluan pemakanan atlet dengan lebih mudah seperti yang disarankan oleh Institut Sukan Negara (ISN). Kejayaan tersebut telah membuka peluang kepada UKM untuk menerima geran penyelidikan daripada ISN berjumlah RM90,000.00 bagi tujuan mengembangkan teknologi untuk membantu atlet dan pakar diet ISN.

Penyelidikan tersebut dimulakan pada 2016 dengan pembangunan prototaip Dietscore 1.0.

ialah remaja perempuan yang berumur 25 hingga 30 tahun berdasarkan tulang pelvis rangka tersebut. Ia dikebumikan dengan bahagian kaki kepala dilapikkan dengan batu kapur. Rangka manusia itu ditanam dalam keadaan sedikit melipat dengan bahagian muka menghala ke arah utara, manakala bahagian lutut menghala ke bahagian selatan dan posisi rangka tersebut menghadap ke bahagian kanan. Tangan kanan memegang makanan berupa siput serta alat repeh. Sampel gigi dan cengkerang siput akan dihantar ke Beta Lab, Florida, Amerika Syarikat untuk memperoleh pentarikhan kronometrik. Terdapat juga batu pengisar-memukul (grandstone-pounder) yang diletakkan di bahagian kaki sebagai alat iringan simati.

Antara artifak lain yang ditemui bersama rangka tersebut ialah alat litik, sisa makanan berupa tulang binatang, cengkerang siput, brutia costula dan serpihan tembikar. Alat litik yang ditemui termasuklah alat pengetuk (hammerstone), alat batu pengisar (grindstone), batu pelandas (anvil), alat batu unifas, alat batu bifas, batu pahat mata lembing dan repeh.





NANOPARTIKEL EMAS CENDAWAN SUSU RIMAU BERPOTENSI RAWAT KANSER PAYUDARA

Penyelidikan nanopartikel emas cendawan susu rimau yang diketuai Prof. Madya Dr. Haliza Katas, Fakulti Farmasi bersama Syarikat Lignas Bio Synergy menggunakan ekstrak cendawan tersebut berpotensi menjadi agen merawat kanser payudara. Melalui teknologi nano, rawatan kanser payudara boleh diberi melalui terapi transdermal setempat. Kajian ini membuktikan dapat mengurangkan kesan sampingan berbanding rawatan kanser payudara sedia ada..

Kaedah sedia ada melalui rawatan kimoterapi atau suntikan ke dalam darah menyebabkan kesan sampingan yang teruk, perubahan penampilan dan ketidakselesaan. Oleh itu, penyelidik telah membangunkan terapi transdermal setempat untuk menghantar nanopartikel ke sel kanser payudara. Terdapat kajian menunjukkan bahawa cendawan susu rimau boleh membunuh sel kanser termasuk sel kanser payudara. Penyelidik telah mereka bentuk nanopartikel supaya rawatan boleh dibuat melalui kulit sahaja. Penyelidik juga akan menjalankan kajian lanjut tentang potensi cendawan susu rimau dengan mengaplikasi teknologi nano dalam merawat pelbagai penyakit lain. Hasil penyelidikan tersebut telah berjaya memenangi Anugerah Khas Tech Plan Demo Day di Malaysia dan menarik minat syarikat dari Jepun, JT Company untuk menggunakan cendawan tersebut sebagai sampel kajian.

BERAS MERAH PRIMERATM

UKM dan Intitut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) telah menghasilkan pelbagai jenis beras berkualiti tinggi dengan kaedah kacukan biak baka, iaitu padi moden dan beras liar tempatan. Beras merah PRIMERATM dikenali sebagai UKMRC9 (Variasi G33) mempunyai indeks glycemic yang rendah sesuai bagi penghidap diabetes dan obesiti serta kaya dengan anti-oksida. Antara kelebihan produk ini ialah hasil tinggi bagi jenis merah, tahan penyakit dan enak untuk dimakan. Antara pengguna yang berpotensi untuk mengambil produk ini ialah agensi pertanian atau pelesen, petani, penternak dan orang awam dari pelbagai lapisan umur yang mementingkan gaya hidup sihat. Maklum balas pengguna dan industri ialah mempunyai rasa yang sedap, mudah ditanam, hasil yang tinggi, tahan terhadap penyakit

dan petani memperoleh pendapatan lebih tinggi berbanding beras biasa. Produk beras merah ini berpotensi untuk dieksport ke luar negara dan penyelidik berharap beras ini akan dikategorikan di bawah beras istimewa, memandangkan kini hanya beras wangi dan beras perang sahaja yang dikategorikan di bawah beras istimewa.

ANALISIS PENYELIDIKAN

Jumlah Dana Universiti Penyelidikan yang diterima pada tahun 2018 adalah menurun berbanding tahun 2017. Walau bagaimanapun, penulisan hasil penyelidikan melalui penerbitan jurnal terindeks, prosiding terindeks, jurnal tidak terindeks, buku, bab dalam buku dan kertas polisi adalah meningkat.

Penerimaan geran luar kebangsaan/antarabangsa adalah menurun dan sebagai strategi meningkatkan dana industri, CRIM akan memperkenalkan insentif potongan cukai dua (2) kali kepada pihak industri.

Cabarhan Perdana perlu diperkuuhkan dari segi governan dan hasil penyelidikan. Analisis keberhasilan keseluruhan bagi 127 buah projek tersebut pada ketika ini menunjukkan tahap yang rendah, iaitu tidak berada di aras yang diharapkan dan yang dipersetujui oleh ketua projek masing-masing dengan pihak IDEA.

Pusat Kecemerlangan Pengajian Tinggi (HiCoE) iaitu UMBI menunjukkan kecemerlangan dengan penubuhan biobank terbesar di Asia Tenggara yang menyimpan spesimen darah dan urin untuk tujuan penyelidikan.

Sasaran penerbitan sebanyak 300 buah buku ilmiah tidak dapat dicapai pada 2018. Penerbit akan menubuhkan Unit Lonjakkan Penerbitan dan Jawatankuasa Sidang Pengarang II bertujuan meningkatkan penerbitan tesis kepada buku ilmiah.

Peningkatan 74% bagi perlindungan harta intelek pada 2018 berbanding 2017. Walau bagaimanapun Pensijilan Harta Intelek mengalami penurunan sebanyak 29% di mana proses ini adalah bergantung kepada Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO).



KRA3

Perkongsian Pintar dan Keterlibatan Strategik

PERKONGSIAN PINTAR DAN KETERLIBATAN STRATEGIK

“

Perkongsian Pintar dan Keterlibatan Strategik UKM yang menekankan jalinan bersifat quadruple helix antara pihak universiti, kerajaan, industri dan komuniti merupakan elemen penting yang berupaya menyumbang kepada kecemerlangan dan keunggulan universiti. Selain itu, KRA#3 juga berperanan sebagai penggenap yang saling menyokong sinergi antara bidang keberhasilan yang lain merentasi pendidikan, penyelidikan dan khidmat.”

”



Rakan Industri



PERKONGSIAN PINTAR DAN KETERLIBATAN STRATEGIK

INDUSTRI

Sebagai jambatan utama universiti dengan pihak industri, Pejabat Hubungan Industri (PHI) berperanan membina dan meluaskan jaringan industri yang berkualiti dengan syarikat tersohor bagi mempromosikan kepakaran UKM. PHI menjadi platform dalam rancangan pertukaran untuk berkongsi pendapat serta membina rangkaian antarabangsa. Usaha ini dapat diperkasakan apabila UKM menjadi ahli Malaysian International Chamber of Commerce and Industry (MICCI) dan Bangi Industry Administrative Association (BIAA).



Penglibatan aktif UKM dalam program anjuran BIAA sejak akhir 2014 telah dihargai dan dipandang tinggi oleh ahli-ahli BIAA. UKM telah dipilih sebagai Naib Pengurus.

Selain menghadiri mesyuarat ahli dan jawatankuasa BIAA, UKM juga mengambil inisiatif berkongsi kepakaran dengan ahli-ahli BIAA melalui pengajuran taklimat "Electronic Waste" (e-Waste), ceramah "Energy Saving Tips for Workplace", serta seminar "Compliance to Occupational Safety and Health (OSHA) 1994 Regulations" di bawah inisiatif "Bangi Industry for Collaboration" (Bangi IFC).



KOMUNITI

Pusat Pendidikan Komuniti UKM - CIMB Islamic

Pusat Pendidikan Komuniti UKM - CIMB Islamic Pos Gob, Gua Musang merupakan sebuah projek yang bersifat holistik berteraskan tiga perkara utama iaitu pendidikan, sosioekonomi dan kesihatan. Model yang dibangunkan UKM ini adalah yang pertama dan ia selaras dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam memperkasakan pendidikan orang Asli. Pos Gob terletak 95 kilometer dari Gua Musang, Kelantan dan penyelidik perlu merentasi banjaran Titiwangsa dalam memastikan objektif yang disasarkan tercapai.

Kelangsungan Pusat Pendidikan Komuniti UKM - CIMB Islamic Pos Gob diteruskan pada 2018 dengan penglibatan 38 orang murid antara umur 7-12 tahun bagi meneruskan pembelajaran di sini. Jumlah ini menunjukkan peningkatan sebanyak 63% dari jumlah murid pada 2017. Sumbangan kewangan CIMB Islamic bernilai RM1,573,000.00 adalah antara faktor pendorong kepada kelangsungan projek ini.

UKM mengambil inisiatif melatih lapan orang belia komuniti tempatan sebagai tenaga pembimbing yang menjadi kunci kepada perubahan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang baik di Pusat Pendidikan Komuniti. Pendekatan ini sangat berbeza jika dibandingkan dengan sekolah kebangsaan di luar.

Pemerkasaan operasi dan jalinan kerjasama dengan pelbagai pihak berkepentingan merupakan agenda utama bagi memastikan kelestarian Pusat Pendidikan Komuniti UKM-CIMB Islamic Pos Gob. UKM berkeyakinan model ini akan menjadi pendekatan terbaik dalam memperkasakan komuniti orang Asli.



Pusat Komuniti Bestari Samsung

Kejayaan Pusat Pendidikan Komuniti UKM-CIMB Islamic Pos Gob menyakinkan Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) untuk bekerjasama dengan Samsung Malaysia Electronics dan Universiti Teknologi Petronas (UTP) bagi menubuhkan Pusat Komuniti Bestari Samsung. Pusat ini juga dikenali sebagai Samsung Smart Community Centre yang pertama di Malaysia bagi menangani isu-isu keciciran pendidikan orang Asli.

Kecanggihan teknologi di dalam tablet Samsung yang dilengkapi dengan aplikasi pendidikan UKM membolehkan 4,700 penduduk tempatan menimba ilmu dengan cara yang menarik dan menyeronokkan dan seterusnya meningkatkan taraf pendidikan kaum minoriti ini.

Majlis pelancaran program ini disempurnakan oleh Menteri Besar Perak, Y.A.B. Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu pada 28 Julai 2018 di kawasan pedalaman RPS Legap Sungai Siput, Kuala Kangsar, Perak.

Isu sosioekonomi dan kesihatan penduduk tempatan juga merupakan fokus UKM di Pusat Komuniti Bestari Samsung.

Pada 5-7 Oktober 2018, bengkel "Business Start Up & e-Usahawan" dan ToT saringan penglihatan orang Asli telah dijalankan bertujuan melatih komuniti untuk menjadi usahawan. UKM juga prihatin tentang kesihatan komuniti ini. Seramai 100 orang dari 13 buah kampung RPS Legap, Pos Yum dan Pos Kuala Mu menjalani pemeriksaan mata dan berjaya mengenal pasti 62 orang yang memerlukan bantuan cermin mata.



PERKONGSIAN PINTAR DAN KETERLIBATAN STRATEGIK

Kembara UKM-Pondok Bantan

Maahad Misbahuddin (Prateepsasana Islamic School) yang lebih dikenali sebagai Pondok Bantan di Nakhon Si Thammarat didirikan oleh Tuan Guru Haji Yaakob Pitsuwan @ Haji Yaakob Muda pada 80 tahun yang lalu. Ikon pembangunan dan transformasi pondok ini ialah Tan Sri Dr. Surin Pitsuwan. Beliau bertanggungjawab menghubungkan Pondok Bantan dengan UKM.

Program Kembara UKM-Pondok Bantan digerakkan pada Mac 2018 bertujuan untuk meneroka bidang kerjasama antara kedua-dua pihak serta mengenali masyarakat Melayu Muslim Nakhon secara lebih dekat. Program ini merupakan kerjasama strategik di antara UKM dengan Pondok Bantan yang julung-julung kalinya melibatkan delegasi seramai lebih 100 orang terdiri daripada kakitangan, ahli akademik dan pelajar UKM.

Antara pengisian program termasuklah kegiatan pengajaran dan pembelajaran agama serta penyelidikan bahasa Melayu. Ekoran daripada itu, UKM telah menghantar pelajar bagi mengajar bahasa Melayu di Pondok Bantan sebagai sebahagian daripada latihan industri selama dua bulan. Bagi mengeratkan hubungan kerjasama ini, sambutan ulang tahun ke-80 bagi Pondok Bantan pada tahun 2019 akan dianjurkan secara bersama.



Bil.	Organisasi
1.	Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC) UKM
2.	Pondok Bantan, Nakhon Si Thammarat, Thailand
3.	Komuniti Kampung Kedahan, Nakhon Si Thammarat, Thailand
4.	Pejabat Canselor UKM
5.	Kementerian Luar Negeri Malaysia
6.	Unit Kenderaan, Jabatan Pendaftar UKM
7.	Jabatan Bendahari UKM
8.	Pusat Pembangunan Mahasiswa dan Perhubungan Alumni (PPMPA) UKM
9.	Kolej-kolej Kediaman UKM
10.	Bahagian Keselamatan, Jabatan Pendaftar UKM
11.	Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) UKM
12.	Fakulti Pengajian Islam (FPI) UKM
13.	Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK) UKM
14.	Fakulti Pendidikan (FPEND) UKM
15.	Fakulti Perubatan (FPER) UKM

Bil.	Organisasi
16.	Fakulti Kejuruteraan dan Alam Bina (FKAB) UKM
17.	Hospital Canselor Tuanku Mukhriz (HCTM)
18.	Pusat Komunikasi Korporat (PKK) UKM
19.	Pusat Islam UKM
20.	Poliklinik UKM
21.	Pusat Kesihatan UKM
22.	Harian Metro
23.	Utusan Malaysia
24.	Kiffah Travel & Tours Sdn. Bhd.
25.	Jabatan Kastam Negeri Kedah
26.	Jabatan Imigresen Negeri Kedah
27.	Polis Diraja Thailand
28.	Imigresen Thailand
29.	Hotel Radina Residence, Nakhon Si Thammarat, Thailand
30.	Hotel Twin Lotus, Nakhon Si Thammarat, Thailand



Maxis eKelas

Maxis eKelas adalah inisiatif pembelajaran digital selepas waktu persekolahan yang bertujuan meningkatkan prestasi akademik pelajar dalam kalangan masyarakat luar bandar dan bandar. Fokusnya adalah kepada tiga subjek - Sains, Matematik dan Bahasa Inggeris - dari Tahun 6 hingga ke Tingkatan 5.

Pelajar didedahkan kepada pembelajaran digital interaktif iaitu sesi tutorial secara langsung bersama guru, projek kumpulan, video dan pertandingan yang seiring dengan sukanan pendidikan Malaysia. Maxis mengenal pasti UKM sebagai rakan strategik dengan menyediakan isi kandungan pengajaran dan pembelajaran serta menganjurkan program Maxis eKelas Holiday Camp 2018.

PERKONGSIAN PINTAR DAN KETERLIBATAN STRATEGIK



Sekolah@UKM

Pada 2018, sebanyak 48 program di bawah inisiatif Sekolah@UKM telah diadakan termasuklah Program Usahawan Cilik anjuran FEP, "Mulut Sihat, Minda Cerdas" (Healthy Mouth, Healthy Mind) anjuran FGG, Profesor ke Desa anjuran FKAB dan Gema Ilmu Sekolah@UKM. Seramai 5,000 pelajar yang berumur antara 4-19 tahun dan guru telah dimanfaatkan melalui sumbangan kepakaran warga UKM kepada sekolah yang terlibat.



Buat pertama kalinya, program Gema Ilmu Sekolah@UKM telah diadakan untuk memperkenalkan serta mempromosi aktiviti/program/projek di bawah Sekolah@UKM kepada sekolah-sekolah di seluruh Malaysia. Program Gema Ilmu Sekolah@UKM ini berkolaborasi dengan Sekolah Kebangsaan Jalan Empat, Bandar Baru Bangi. Sekolah Kebangsaan Jalan Empat adalah penganjur kepada Karnival MATHsTARI peringkat kebangsaan.

Karnival yang ditindik bersama Program Gema Ilmu Sekolah@UKM ini merupakan contoh terbaik jalinan kerjasama yang termeterai selama tiga tahun berturut-turut. Impak pelaksanaan program ini telah membantu Sekolah Kebangsaan Jalan Empat dalam melestarikan pembangunannya sebagai sekolah kluster kecemerlangan UKM.

Selain itu, program ini juga bertujuan meningkat dan memperkuatkan jaringan kerjasama antara UKM dengan pelbagai pihak berkepentingan termasuk masyarakat, industri dan sebagainya melalui pelbagai program dan aktiviti yang berimpak tinggi.



UKM4Bangi - Anjung Santai

Anjung Santai adalah salah satu inisiatif UKM4Bangi yang berperanan sebagai medan perkongsian kepakaran dan keilmuan antara UKM dengan masyarakat melalui pelbagai bentuk aktiviti/program yang dijalankan di Pusat Perniagaan Kipmall, Bangi. Inisiatif ini turut disokong oleh Johor Corporation dan Perbadanan Perpustakaan Negeri Selangor (PPAS).

Anjung Santai bertujuan menggalakkan budaya cinta ilmu dan pembacaan dalam masyarakat seiring dengan usaha Menteri Pendidikan untuk menjadikan Malaysia sebagai Negara Membaca menjelang 2030 di samping mendekatkan UKM dengan komuniti Bangi.

Beberapa aktiviti selingan diadakan sempena program ini untuk menarik perhatian pengunjung, antaranya aktiviti termasuk pertandingan *The Loudest Exzos*, *Bikes Cun Contest*, *Arm Wrestling*, pameran Kenali Ubat Anda, pemeriksaan kesihatan percuma dan *Charity Ride to Community*.



360° Kampung Angkat UKM

Kampung Angkat UKM adalah inisiatif UKM untuk merapatkan jurang di antara masyarakat dengan universiti, sesuai dengan sejarah penubuhan UKM. Projek 360° Kampung Angkat UKM ini terdiri daripada tiga kampung perintis iaitu Kg. Pulau Manis, Pekan, Pahang dan Kg. Sungai Buah (Orang Asal Bangi), Dengkil, Selangor dan Kg. Baru Seberang Takir, Kuala Terengganu, Terengganu.

UCTC UKM dengan kerjasama Fakulti Pengajian Islam (FPI), Pusat Islam dan Unit Zakat mengadakan program keagamaan bersama penduduk kampung angkat. Penglibatan pengurusan universiti dan pensyarah mempamerkan komitmen yang tinggi dalam menjayakan program ini.

PERKONGSIAN PINTAR DAN KETERLIBATAN STRATEGIK

ANTARABANGSA

Bagi mencapai keunggulan global, jaringan dengan pelbagai badan kerajaan, institusi penyelidikan serta jaringan antarabangsa adalah antara pendekatan yang digunakan oleh UKM untuk meningkatkan nama UKM kepada persada antarabangsa.

Di rantau Asia, UKM menyertai lima jaringan yang bertujuan untuk mengukuhkan jaringan penyelidikan, mendukung mobiliti kakitangan dan pelajar serta perkongsian teknologi dan kepintaran dalam kalangan ahlinya. Jaringan seperti berikut:

1. University Mobility in Asia and the Pacific (UMAP);
 2. ASEAN University Network (AUN);
 3. ASEA-Europe University Network (ASEA-UNINET);

4. The Association of Universities of Asia and the Pacific (AUAP);
 5. The Association of Southeast Asia Institutions of Higher Learning (ASAIHL).


Sekretariat AUN telah memberi kepercayaan kepada UKM yang dipilih antara 30 ahli untuk menerajui dua jaringan bertema dalam AUN iaitu *AUN University Social Responsibility and Sustainability* (AUN USR&S) dan *AUN-ASEAN Economic Community* (AUN - AEC).

Susulan itu, 95 lawatan antarabangsa oleh rakan strategik dari seluruh dunia telah diterima oleh UKM sepanjang 2018. Sebahagian besar daripada lawatan tersebut (72 lawatan) adalah rakan strategik dari negara-negara Asia seperti Thailand, Indonesia, Korea Selatan dan Brunei.




Jaringan global telah dimantapkan lagi menerusi memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA) bersama universiti luar negara di. UKM telah menandatangani sebanyak 174 perjanjian kerjasama di pelbagai peringkat dengan rakan strategik dari seluruh dunia pada tahun 2018. Sehingga kini, jumlah keseluruhan perjanjian kerjasama yang masih aktif di UKM adalah sebanyak 851.

Dalam usaha meningkatkan UKM dan Malaysia sebagai hab kecemerlangan pendidikan tinggi antarabangsa, diwujudkan pula program antarabangsa seperti program mobiliti inbound dan outbound, ASEAN Youth Volunteer Programme (AYVP), serta CIMB Young ASEAN Leader (CYAL).



PERKONGSIAN PINTAR DAN KETERLIBATAN STRATEGIK



INBOUND

Pada tahun 2018, seramai 321 orang pelajar antarabangsa mengikuti program pertukaran di UKM. Program yang diikuti oleh pelajar selama 1 atau 2 semester terdiri daripada program mobiliti berkredit, mobiliti jangka pendek dan internship. Program yang dijalankan merupakan kerjasama strategik UKM dengan rakan universiti antarabangsa selaras dengan hasrat pengantarabangsaan UKM dalam merealisasikan *Internationalization at Home*.



OUTBOUND

Pelajar UKM yang mengikuti program mobiliti berkredit ke luar negara adalah seramai 164 orang. Kebanyakan program pertukaran pelajar yang dijalankan pada 2018 ini adalah melalui kerjasama pintar fakulti-fakulti dengan rakan universiti di luar negara. Selain itu, program pertukaran pelajar ini juga disokong oleh keanggotaan UKM dalam Pertubuhan pada peringkat antarabangsa seperti ASEAN University Network (AUN), University Mobility for Asia and the Pasific (UMAP), di samping program di bawah tajaan Kementerian Pendidikan Tinggi di bawah ASEAN International Mobility for Students (AIMS), European Union (EU-SHARE) dan lain-lain.

PERKONGSIAN PINTAR DAN KETERLIBATAN STRATEGIK



ASEAN Youth Volunteer Programme (AYVP)

UKM dengan sokongan Sekretariat ASEAN, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) dan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) telah menganjurkan ASEAN Youth Volunteer Programme (AYVP) Malaysia 2018 yang bertemakan *Protecting ASEAN's Natural Heritage* di UKM dan Pulau Langkawi, Kedah pada 24 Julai 2018 sehingga 20 Ogos 2018.

AYVP keenam ini berperanan mempromosikan sukarelawan belia melalui pemerkaan persefahaman silang budaya dan pembangunan identiti serantau sementara menggalakkan belia ASEAN untuk menyumbang kepada pembangunan sosial, ekonomi, dan alam sekitar komuniti ASEAN. Pelan Kerja ASEAN mengenai "Belia (ASEAN Work Plan on Youth)" 2016-2020 telah menggariskan AYVP sebagai agenda penting. UKM adalah satu-satunya universiti di ASEAN yang memikul agenda sukarelawan dalam pelan kerja ini.

Pada minggu pertama dan kedua, 50 sukarelawan belia berumur antara 18-30 tahun yang terpilih dari Malaysia dan negara-negara ASEAN diberi pendedahan tentang kewarganegaraan ASEAN, keusahawanan sosial, pembangunan edupelancongan, pengurusan projek serta warisan semula jadi dan budaya. Pada minggu ketiga dan keempat, mereka ditempatkan di Kampung Kilim, Pulau Langkawi untuk tugas di lapangan.

Kumpulan sukarelawan belia ini juga diberi mandat untuk membantu Koperasi Komuniti Kampung Kilim Langkawi Berhad membangunkan pakej edupelancongan yang berasaskan komuniti bagi menyokong persediaan penilaian semula Langkawi Global Geopark kali ketiga oleh UNESCO pada tahun 2019.

AYVP 2018 juga membantu meningkatkan kesedaran awam mengenai komuniti ASEAN melalui penganjuran ASEAN Unity Run yang melibatkan lebih 700 orang peserta dari 14 negara dan pelbagai agensi kerajaan di Pulau Langkawi.





CIMB Young ASEAN Leaders (CYAL)

Matlamat utama program ini adalah untuk menyokong pertukaran idea, pembelajaran serta pengalaman merentas budaya di kalangan pemimpin belia ASEAN, dan meningkatkan kualiti hidup rakyat ASEAN melalui aktiviti yang menggalakkan pembangunan mapan serta menyumbang kepada pembinaan asas yang kukuh untuk pemahaman, kejiranan dan kemasyarakatan yang lebih baik dalam kalangan negara ASEAN.

Pada tahun 2018, sekali lagi Yayasan CIMB dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) bekerjasama bagi penganjuran CYAL 2018 di UKM buat kali ke empat yang bermula pada 19-24 Oktober 2018. Tema CYAL-UKM 2018 yang dipilih pada tahun ini adalah *Resilience and Innovation towards a Green, Prosperous Lifestyle: Smart City*. Pengisian program seperti syarahan, bengkel dan forum mengenai identiti ASEAN, kepimpinan dalam tema yang dipilih serta aktiviti lain yang dirangka bagi meningkatkan kesedaran yang berkenaan kepada bakal pemimpin ASEAN.

Seramai 1,217 belia ASEAN memohon untuk menyertai program ini. Selepas proses tapisan melalui penilaian dan temuduga telefon, 50 belia ASEAN dipilih sebagai delegasi untuk mewakili kesemua 10 negara ASEAN.



“

Seramai 1,217 belia ASEAN memohon untuk menyertai program ini. Selepas proses tapisan melalui penilaian dan temuduga telefon, 50 belia ASEAN dipilih sebagai delegasi untuk mewakili kesemua 10 negara ASEAN.

”

PERKONGSIAN PINTAR DAN KETERLIBATAN STRATEGIK



The 4th AsiaEngage Regional Conference 2018, Chiang Mai, Thailand

Platform serantau yang dianjurkan setiap dua tahun ini bagi tujuan penyelidikan dan pendidikan. Misi penglibatan institusi pendidikan tinggi sekaligus bagi mewujudkan kerjasama yang memberi manfaat antara pemegang taruh di pelbagai sektor - institusi pendidikan tinggi, masyarakat, industri, kerajaan, agensi antarabangsa, yayasan dan NGO dalam usaha meningkatkan kualiti kehidupan rakyat di seluruh ASEAN dan Asia.

UKM selaku pemilik jenama AsiaEngage bekerjasama dengan Chiang Mai University untuk menganjurkan the 4th AsiaEngage Regional Conference 2018 dengan jayanya bermula dari 25-28 November 2018 di Chiang Mai Thailand. Persidangan yang bertemakan *Rising to the Challenges of the SDGs in Asia through University Engagement*. Ini adalah inisiatif baharu di bawah *The ASEAN University Network thematic network for University Social Responsibility & Sustainability (AUN USR&S)*

Persidangan tahun ini bertujuan membawa semua pihak berkepentingan untuk membincangkan SDG melalui dialog, pembelajaran bersama dan perkongsian antara sektor yang berbeza dalam menangani cabaran. Pada masa yang sama berusaha menonjolkan bagaimana universiti boleh bekerjasama dengan komuniti, masyarakat awam, kerajaan, industri dan perniagaan, dan organisasi antarabangsa, secara kolektif dan bertindak-balas dengan cepat bagi menyahut cabaran SDG.

Seramai 200 peserta mendaftar, sebanyak 100 artikel yang meliputi kelima-lima subtema dibentangkan dan lima sesi selari yang meliputi 16 SDGs dibincangkan. Dalam persidangan, diadakan juga mesyuarat AUN USR&S *Steering Committee* dan antara yang telah dibincangkan adalah aktiviti AUN USR&S, pelaporan AUN USR&S dalam *Matrix of Priority 2.3 ASEAN+3 Plan of Action for Education 2018-2025* dan UKM sebagai tuan rumah 5th AsiaEngage Regional Conference 2020.



INTEGRASI ASEAN

Penyelidikan Cabaran Perdana Integrasi ASEAN merupakan salah satu bidang penyelidikan yang mampu mengangkat kecemerlangan dan kegiatan penyelidik bersama pihak berkepentingan dalam menyampaikan penyelidikan translasi-multidisiplin.

Integrasi ASEAN banyak menjalankan kerjasama dengan rakan industri dari peringkat antarabangsa dan kebangsaan antaranya ialah mengkaji trend ekonomi ASEAN di samping mengkaji hubungan diplomasi dan keselamatan siber di antara negara-negara ASEAN. Integrasi ASEAN juga berjaya mendapat sokongan penuh dari MITI dan menyokong UKM mewujudkan semula Pusat Kajian APEC memandangkan Malaysia merupakan hos APEC bagi tahun 2020. Pusat Kajian ini menumpukan kajian merangkumi WTO dan ASEAN yang berkaitan dengan isu-isu perdagangan dan pelaburan.

Melalui kajian peningkatan ekonomi Homestay Tradisi ASEAN melalui Pembangunan Keusahawanan, penyelidik berjaya mengumpulkan dapatan kajian yang berfungsi dalam menambah baik sistem sedia ada bagi meningkatkan taraf ekonomi pengusaha homestay yang terdiri dari penduduk luar bandar. Pembentukan dasar polisi integrase pelancongan homestay peringkat ASEAN juga akan dibangunkan sebaik sahaja apabila Dana Cabaran Perdana ini selesai.

Integrasi ASEAN juga menekankan penglibatan penyelidik UKM dalam industri penerbangan dan mengkaji impaknya terhadap Ekonomi ASEAN dengan kerjasama Air Asia Berhad. Kerjasama ini melibatkan penilaian kertas polisi Aviation Act di Malaysia dengan perbandingan merujuk kepada negara-negara ASEAN lain seperti Indonesia, Filipina, Thailand dan Singapura dalam bidang ekonomi, kesan kepada syarikat penerbangan, perdagangan antarabangsa, sektor pelancongan dan urus tadbir industri penerbangan di Malaysia. Hasil kajian ini dapat memberi panduan dalam merubah dan menambahbaik industri penerbangan di Malaysia termasuk isu keselamatan, perundangan dan penarafan penerbangan yang terbaik di peringkat ASEAN.



PERKONGSIAN PINTAR DAN KETERLIBATAN STRATEGIK

JARINGAN STRATEGIK


MoU/MoA merupakan satu medium dalam pembinaan jaringan strategik antara UKM dengan pihak berkepentingan di dalam dan luar negara. Pada 2018, peningkatan sebanyak 17% berbanding dengan tahun 2017 atau jumlah keseluruhan sebanyak 172 MoU dan MoA telah ditandatangani.

GERAN PENYELIDIKAN	BIL. PROJEK	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM)
+ Dana Industri (Kebangsaan)	30	3,381,679.41
+ Dana Industri (Antarabangsa)	12	5,443,346.33
+ Dana Luar (Kebangsaan)	81	7,968,203.00
+ Dana Luar (Antarabangsa)	20	3,443,346.33


JARINGAN MEDIA MASSA

Media massa merupakan medium terbaik dalam menzahirkan kesiaran dan maklumat terkini universiti untuk dikongsi dengan masyarakat dan juga pemegang taruh.

Perkongsian pintar dan berimpak antara UKM dengan pihak media adalah saling memanfaatkan dan mengukuhkan tawaran nilai UKM dari pendidikan, penyelidikan dan khidmat universiti pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Jaringan ini amat penting dalam pembinaan persepsi pihak berkepentingan (industri/



PAPARAN UKM DI AKHBAR UTAMA MALAYSIA, 2018



komuniti/institusi) ke atas sumbangan UKM secara keseluruhannya

Sepanjang 2018, sebanyak 7,028 atau 91% berita tentang UKM mendapat liputan di media massa cetak dan elektronik berbanding televisyen 473 dan majalah 184.

Dari segi liputan di media dalam kalangan 11 akhbar, Sinar Harian mendominasi berita yang keluar dengan 592, diikuti berita di Sin Chew Daily (571), Berita Harian (562), China Press (549), Utusan Malaysia (540), Harian Metro (393), See Hua Daily News (392), Kosmo (389), The Star (305), Oriental Daily News (320), dan The New Straits Times (271).



Selaras dengan matlamat meningkatkan keserlahan di media, UKM telah membelanjakan sebanyak RM60,283.20 dengan membeli RUANG di akhbar, merencanakan berita penyelidikan serta mendapatkan slot khas di program TV yang bersesuaian.



Namun demikian, ia adalah pelaburan yang baik kerana melaluiuknya UKM berjaya mendapat PR value sepanjang tahun 2018 hampir RM64 juta, peningkatan nilai sebanyak RM 2 juta berbanding dengan tahun 2017. PR nilai tertinggi adalah pada bulan Januari dan Oktober iaitu permulaan tahun dan sewaktu Majlis Konvokesyen UKM.

Kecemerlangan sesebuah organisasi bukan sahaja dinilai dari segi kewangan dan kedudukan dalam penarafan malah ia juga dinilai dengan melalui kepakaran dirujuk oleh khalayak umum dan media. Kepakaran UKM dan produk penyelidikan yang menyeluruh dari segi holistik dan saintifik seringkali dirujuk dan mendapat liputan yang baik dari pihak media.

Secara keseluruhannya, liputan UKM di media massa yang berterusan untuk menggambarkan pembinaan citra, imej dan reputasi UKM pada mata masyarakat, pemegang taruh dan kewibawaan sarjana dan warga UKM.

PERKONGSIAN PINTAR DAN KETERLIBATAN STRATEGIK

JARINGAN ALUMNI

Jaringan kerjasama strategik dengan industri dapat dibina melalui jaringan UKM dan alumni UKM yang berpengaruh dalam sektor industri dan kerajaan. Kolaborasi tersebut memberi manfaat kepada universiti dari segi pewujudan peluang pekerjaan, membantu dalam peningkatan kemahiran insaniah pelajar dan juga keterlibatan dalam penyelidikan serta pendidikan. Universiti Kebangsaan Malaysia telah melaksanakan beberapa inisiatif jaringan bersama alumni bagi memastikan hubungan universiti-alumni sentiasa kekal utuh. Antara program-program jaringan yang telah diadakan sepanjang tahun 2018 adalah:

MAJLIS DAN PERJUMPAAN

Perjumpaan dan aktiviti para alumni mengikut kumpulan sememangnya sentiasa diadakan antara para alumni. Antara aktiviti perjumpaan alumni yang melibatkan universiti sepanjang tahun 2018 adalah:



13 Januari 2018 - Majlis Pertemuan Jejak Kasih 2 Alumni UKM 70 bertempat di Hotel Kinta Riverfront Ipoh, Perak



21 April 2018 - Graduan Sulung UKM 1970 telah mengadakan Program "Indahnya Silaturrahim" yang bertempat di Kompleks Islam Jubli Perak Sultan Ismail Petra Panji, Kota Bharu, Kelantan. Diantara program yang dijalankan adalah menyantuni anak-anak Darul Aitam dan pelajar-pelajar Tahfiz Al-Quran disamping Bicara Santai Ilmu dan Pengalaman Graduan Sulong



22 September 2018 - KOR-SUKSIS UKM telah menganjurkan buat pertama kalinya Majlis Hi Tea Alumni KOR-SUKSIS bertempat di Arina Skyview Kuala Lumpur. Majlis ini bertujuan untuk mengumpul kembali alumni SUKSIS dan membincangkan aktiviti-aktiviti bersama alumni yang dapat membantu pembangunan universiti dan memperkasa alumni UKM.



3 Mac 2018 - Program Gotong Royong Perdana dan Taklimat Bersama Alumni UKM anjuran Kolej Tun Syed Nasir di Dewan Tun Syed Nasir, Kolej Tun Syed Nasir UKM. Alumni hebat yang sudi memberi taklimat dan berkongsi pengalaman kepada pelajar ialah Puan Norimanah Seman(Fakulti Sains Sosial Kemanusiaan 2011) yang kini bertugas sebagai Penolong Pengarang Al-Islam di Utusan Karya Sdn Bhd.

PROGRAM INTERAKSI

Program ini diadakan untuk mempertemukan Pengurusan Universiti sama ada Naib Canselor atau/dan Timbalan-timbalan Naib Canselor bersama alumni hebat UKM. Melalui program ini, perbincangan dua hala diadakan bagi membincangkan isu-isu dan memperkasa pembangunan universiti. Sepanjang tahun 2018, Program Interaksi telah diadakan sebanyak 2 kali pada 7 Mei dan 3 Julai 2018.



PENERBITAN

Bagi memastikan alumni sentiasa dikemaskini dengan berita dan maklumat terkini universiti, dua penerbitan berkala diwujudkan iaitu:



Majalah SENADI – diterbitkan setahun dua kali yang memaparkan kisah-kisah alumni dan program-program bersama alumni yang dianjurkan universiti.



UKM2U – dihebahkan dua bulan sekali melalui e-mel dan dijadikan medium ringkas hebabkan maklumat alumni kepada alumni.

PROGRAM INTERAKSI

Program ini mula dilaksanakan pada bulan Ogos tahun 2018 dan diadakan khas untuk Pusat Perhubungan Alumni menjelaki dan berjumpa dengan para alumni secara lebih dekat. Melalui program ini, sesi temu bual santai diadakan bagi mendapatkan cerita-cerita menarik alumni sepanjang pengajian dan perjalanan karier mereka. Berikut adalah alumni yang telah dihubungi bagi program ini:



Dato' Ir. Muhamad Guntor Mansor Tobeng (FKAB 1987), Pengarah Urusan, Gading Kencana Sdn. Bhd.

Dr. Haji Ahmad Kamal Zakaria (FEP 1987), Ketua Pengarah Eksekutif, Tele-Flow Corporation Sdn. Bhd.

Puan Rodziah Zainudin (FUU 1994), Head of Legal Department, Shell Malaysia Limited.

PELANTIKAN ALUMNI KE JAWATAN PENTING



01



02



03



04



05



06



07



08



09



10



11



12



13



14



15



16



17



18

01 Dato' Dr. Hussamuddin Yaacub
Fakulti Ekonomi 1978
Ijazah Kehormat Doktor Falsafah
Komunikasi Universiti Selangor (UNISEL) dan Penggerusi TV Al Hijrah

02 Senior Asisten Komisioner Azman Ayob
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan 2010
Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Ibu Pejabat Polis Kontingen (IPK) Johor

03 Datuk Zuki Ali
Fakulti Ekonomi dan Pengurusan 1986
Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri

04 Datuk Jilid Kuminding
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan 1984

05 Dato' Seri Mohamad Fuzi Harun
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan 1994
Ketua Polis Negara ke-11 dan Pengurniaan Darjah Kebesaran Panglima Mangku Negara (PMN)

06 Encik Saat bin Esa
Fakulti Pengurusan Perniagaan 1983
Akauntan Negara Malaysia

07 Tan Sri Dato' Hj Alimuddin Hj Mohd Dom
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan 1976
Pro Canselor Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI)

08 Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah
Fakulti Perubatan 1988, 1994
Pengerusi Jawatankuasa Pembedahan Global, Persatuan Pembedahan Antarabangsa (ISS) dan Penganugerahan Fellowship Ad Hominem Royal College of Surgeons of Edinburgh, Scotland

09 Dato' Zamimi Awang
Fakulti Pengurusan Perniagaan 1984
Timbalan Akauntan Negara Malaysia

10 Puan Masnizam Hisham
Fakulti Undang-Undang 1996
Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prasarana Malaysia Berhad

11 Dato' Narander Singh A/L Chand Singh
Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan 1987

12 Datuk Haji Mohamad Nordin Ibrahim
Fakulti Pengajian Islam 1982
Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

13 Dato' Sri Mohd Syukri Abdull
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan 1984
Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia

14 YB Anthony Loke Siew Fook
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan 2000
Menteri Pengangkutan Malaysia

15 Dato' Halimi Abd Manaf
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan 1981
Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan Malaysia

16 Dato' Tan Yew Chong
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan 1991
Ketua Setiausaha Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli

17 Tan Sri Zainal Rahim Seman
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan 1982
Pengerusi Suruhanjaya Perkhidmatan Awam

18 Tuan Saidi Yaacub
Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan 1993
Ketua Pegawai Eksekutif TV Al Hijrah

WALL OF FAME

Sebagai menghargai dan merai para alumni hebat UKM, foto-foto alumni dipaparkan di sekitar UKM dengan tujuan untuk memaparkan pencapaian dan sumbangan cemerlang mereka kepada masyarakat yang dapat memberi inspirasi kepada warga universiti, pelajar khususnya. Antara lokasi Alumni Wall of Fame adalah seperti berikut:

01



03

02



01

Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan **FSSK**

02

Pusanika **PUSANIK**A

03

Fakulti Ekonomi dan Pengurusan **FEP**



UNIVERSITI KEBANG



KRA4

Pengurusan Sumber Manusia dan Institusi Cemerlang



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INSTITUSI CEMERLANG

SUMBER MANUSIA DAN INSTITUSI CEMERLANG


“

Penyediaan perkhidmatan yang sistematik dan telus melalui tadbir urus terbaik adalah amat penting untuk menjadikan UKM sebuah institusi cemerlang. Ia menuntut kecekapan sumber manusia yang kreatif dan berinovasi demi memastikan penyampaian perkhidmatan sentiasa relevan dengan tuntutan semasa.”

”

Data sehingga Disember 2018 menunjukkan UKM mempunyai 9,479 orang staf yang terdiri daripada staf akademik, pengurusan & profesional (P&P) dan pelaksana. Jumlah ini merangkumi Kampus Bangi dan Kuala Lumpur, termasuk Hospital Pengajar iaitu Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) dan Hospital Pakar Kanak-kanak (HPKK).

Jumlah Staf UKM mengikut Kampus



*Sumber Data: SMKV11

Catatan: Jumlah staf termasuk kakitangan lantikan kontrak, kontrak selepas bersara dan sementara.

Jumlah Keseluruhan Staf UKM mengikut Tahun



*Catatan : Jumlah keseluruhan staf UKM termasuk Kampus Bangi dan Kampus KL (termasuk HCTM)

Pada tahun 2018, terdapat penurunan jumlah staf UKM berbanding tahun 2017 sebanyak 1.5% bersamaan 138 orang. Ini disebabkan faktor persaraan, perletakkan jawatan dan peminjaman perkhidmatan ke agensi lain.

PERJAWATAN

Pada tahun 2018, UKM telah melantik 186 staf baharu bagi menampung keperluan sumber manusia di setiap Pusat Tanggungjawab (PTj). Seramai 82 orang daripada jumlah tersebut adalah staf akademik dan 104 staf P&P dan pelaksana (Jadual ?). Kelulusan pengisian jawatan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam kepada UKM bagi tahun 2018 menunjukkan pengurangan sebanyak 1.6% berbanding tahun sebelumnya.


Jumlah Pengisian Jawatan mengikut Tahun

Perkara	2016	2017	2018
+ Staf Akademik	73	114	82
+ Staf Pengurusan dan Profesional	17	30	23
+ Staf Pelaksana	144	45	81
+ JUMLAH	234	189	186


PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INSTITUSI CEMERLANG

Pelantikan 2018 mengikut gred jawatan adalah seperti berikut:

Lantikan Staf Akademik mengikut Gred




Lantikan Staf Pengurusan & Profesional dan Pelaksana mengikut Kumpulan Perkhidmatan



KENAIKAN PANGKAT

UKM menyokong kemajuan kerjaya staf melalui peluang kenaikan pangkat. Kenaikan pangkat staf akademik diukur melalui lajur kecemerlangan pengajaran & pembelajaran, penyelidikan, kepimpinan dan profesional. Kenaikan pangkat staf P&P dan pelaksana ditentukan mengikut syarat dalam skim perkhidmatan dan prestasi cemerlang.

Kenaikan Pangkat mengikut Kategori



Pecahan bilangan staf mengikut jenis kenaikan pangkat adalah seperti berikut;


Perkara	Bilangan
+ Staf Akademik	
+ Prof. Madya	13
+ Prof	18
+ Laluan Kerjaya (Profesional)	5
+ Gred 52	5
+ Staf Pengurusan dan Profesional	
+ Guru Bahasa	6
+ Merit	32
+ Fleksi	21
+ Staf Pelaksana	
+ Merit	75
+ Fleksi	34
JUMLAH KESELURUHAN	209

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INSTITUSI CEMERLANG

PERSARAAN

Pada tahun 2018, terdapat pengurangan sebanyak 5.3% staf yang bersara di UKM berbanding tahun sebelumnya. Persaraan ini melibatkan staf yang bersara wajib, bersara pilihan, pencen terbitan dan dibersarakan atas sebab kesihatan..

Maklumat terperinci data persaraan adalah seperti berikut:



Data bagi staf bersara pilihan menunjukkan peningkatan sebanyak 5.7% berbanding tahun sebelumnya. Kumpulan Pelaksana adalah yang tertinggi jumlahnya jika dibandingkan dengan kumpulan P&P dan Akademik iaitu seramai 36 orang. Faktor utama bersara pilihan disebabkan keperluan peribadi dan faktor kesihatan. Majoriti kumpulan akademik memilih bersara pilihan disebabkan alasan peribadi dan bertukar kerjaya. Universiti sedang berusaha ke arah mengukuhkan pelan pewarisan bagi menangani senario ini.

Butiran lanjut seperti di bawah:

Kumpulan	Sebab	2017	2018
PELAKSANA	+ Kesihatan	8	8
PELAKSANA	+ Peribadi	36	27
PELAKSANA	+ Kerjaya Baharu	1	1
PENGURUSAN & PROFESIONAL	+ Kesihatan	0	3
PENGURUSAN & PROFESIONAL	+ Peribadi	1	4
PENGURUSAN & PROFESIONAL	+ Kesihatan	1	3
AKADEMIK	+ Peribadi	4	7
AKADEMIK	+ Kerjaya Baharu	2	3
JUMLAH		53	56

UKM menghargai jasa dan budi pesara melalui Majlis Sanjungan Budi yang dilaksanakan dua kali setahun. Majlis ini adalah sebagai salah satu penghargaan terhadap bakti yang mereka telah curahkan secara langsung atau tidak langsung dalam membangunkan UKM sehingga terus utuh sebagai sebuah Universiti yang dikenali dalam memartabatkan Bahasa Melayu dan Universiti Penyelidikan di Malaysia.



“
Sebagai tanda apresiasi universiti terhadap jasa dan bakti pesara UKM, majlis ini turut dihadiri oleh Pengurusan Tertinggi Universiti.
”




PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INSTITUSI CEMERLANG

CUTI BELAJAR DAN CUTI SABATIKAL

UKM menyediakan kemudahan cuti belajar dan sabatikal bagi memastikan kelayakan akademik dan kompetensi warga berada pada tahap tinggi. Pada tahun 2018, UKM meluluskan 28 permohonan cuti belajar untuk 23 staf akademik, empat orang daripadanya melanjutkan pengajian di luar negara dan 19 orang dalam negara, manakala lima staf P&P diluluskan bagi melanjutkan pengajian dalam negara.

Staf yang diluluskan cuti belajar mengikut kategori pengajian.



Pada tahun 2018 Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) telah menetapkan pemilihan tempat pengajian berdasarkan senarai QS World University Ranking sebagai salah satu syarat penajaan staf akademik Universiti Awam. Institusi yang dipilih bagi program Doktor Falsafah dan Sarjana Kepakaran perlu berada pada kedudukan 100 ke atas dalam senarai kedudukan keseluruhan atau mengikut subjek. KPT juga menetapkan syarat kedudukan 50 ke atas bagi pemilihan tempat pengajian program pascakedoktoran dan subkepakaran. Ketetapan KPT ini telah mendorong lebih ramai pensyarah untuk mendapatkan penempatan di universiti terkemuka. Ini terbukti apabila tiga pensyarah kini mengikuti pengajian masing-masing di University of Oxford dan University of Cambridge.

Pecahan Staf Yang Sedang Cuti Belajar Mengikut Pengajian bagi Tahun 2018



Mesyuarat Pengurusan Universiti (MPU) telah meluluskan Garis Panduan Program Sabatikal baharu dengan mengambil kira pengkomersialan sebagai kategori tambahan yang dikenal pasti sebagai program bernilai strategik kepada Universiti. UKM menggalakkan staf akademik untuk memilih kategori baharu ini bagi menyokong inisiatif pelestarian penjanaan kekayaan Universiti.

Anugerah dan Pengiktirafan

Sepanjang tahun 2018, sebanyak 56 anugerah dan pengiktirafan diperoleh cendekiawan dengan pelbagai kepakaran pada peringkat kebangsaan dan antarabangsa iaitu 19 anugerah pada peringkat antarabangsa dan 37 pada peringkat kebangsaan.

Bilangan Anugerah dan Pengiktirafan;



PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INSTITUSI CEMERLANG


Jumlah Anugerah dan Pengiktirafan mengikut Bidang

Bidang/Perkara	Anugerah dan Pengiktirafan		Anugerah Pameran Penyelidikan (Pingat Emas/anugerah Khas)		JUMLAH
	Antarabangsa	Kebangsaan	Antarabangsa	Kebangsaan	
Sains	13	22	3	4	42
Sains Sosial	3	11	0	0	14
JUMLAH KESELURUHAN	16	33	3	4	56

Sumber : Data MyRA

Kesarjanaan UKM diiktiraf dan dirujuk oleh pelbagai pihak agensi kerajaan, swasta serta NGO.

Jumlah Pakar Rujuk UKM mengikut bidang adalah seperti berikut:



*Sumber : Data MyRA

Pengukuhan Kualiti

UKM secara berterusan telah mendapat pengiktirafan bagi peningkatan kerja berkualiti dan produktiviti organisasi melalui pengekalan status swaakreditasi oleh MQA dan pensijilan melalui SIRIM QAS Sdn. Bhd. UKM berjaya mengekalkan kedua-dua sijil berkenaan.

Jenis Pensijilan	Nama Pensijilan	Fakulti/Institut/Pusat Skop terlibat	Tarikh Pensijilan
Swaakreditasi	Swaakreditasi	UKM	Tarikh Mula Pelaksanaan: 2010 Tarikh Status Terkini: April 2015 - April 2020

Jenis Pensijilan	Nama Pensijilan	Fakulti/Institut/Pusat Skop terlibat	Tarikh Pensijilan
MS ISO 9001:2015	Sistem Pengurusan Kualiti Program Pengajaran Prasiswa dan Siswazah	Semua Fakulti, Institut Penyelidikan dan Pusat Pengajaran	<p>Tarikh Mula Pelaksanaan: Mulai tahun 2010</p> <p>Tarikh Sijil Terkini: 4 April 2018 - 3 April 2021</p>
	Sistem Pengurusan Kualiti Perkhidmatan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Jabatan Pendaftar 2. Jabatan Bendahari 3. Perpustakaan UKM 4. Pusat Teknologi Maklumat (PTM) 5. Prasarana-UKM 6. Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Instrumentasi (CRIM) 7. Pusat Pengurusan & Pembangunan Mahasiswa Siswa-UKM 8. Pusat Sukan Universiti (PUSAT SUKAN) 9. Penerbit UKM 10. Pusat Komunikasi Korporat (PKK) 11. Pusat Pengurusan Risiko, Kelestarian & Kesihatan Pekerjaan (ROSH-UKM) 12. Unit Audit Dalam (UAD) 13. Pusat Pembangunan Profesional & Kepimpinan Profesional-UKM 14. Yayasan Canselor 15. Pusat Kesihatan Universiti (PUSAT KESIHATAN) 16. Pejabat Hubungan Industri 17. Pusat Transformasi Komuniti Universiti (UCTC UKM) 18. Pusat Inovasi Kolaboratif (PIK) 19. Kolej Kediaman 20. Pusat Hubungan Antarabangsa Global 21. Pusat Kebudayaan Universiti 22. Pejabat Penasihat Undang-Undang 23. Pusat Perhubungan Alumni Alumni-UKM 	<p>Tarikh Mula Pelaksanaan: Mulai 2012 - kini</p> <p>Tarikh Sijil Terkini: 29 Mei 2018 - 28 Mei 2021</p>
	Sistem Pengurusan Kualiti, HCTM	<ul style="list-style-type: none"> • Skop: <ul style="list-style-type: none"> + Perkhidmatan Klinikal + Perkhidmatan Sokongan Klinikal + Pentadbiran 	<p>Tarikh Pelaksanaan: Mulai 2010 - kini</p> <p>Tarikh Sijil Terkini: 02 Mei 2018 - 30 Mac 2021</p>

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INSTITUSI CEMERLANG

Jenis Pensijilan	Nama Pensijilan	Fakulti/Institut/Pusat Skop terlibat	Tarikh Pensijilan
ISO/IEC 27001:2013	Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat	<ul style="list-style-type: none"> Pengurusan pangkalan data Sistem Maklumat Universiti (SMU) yang menyokong kepada proses kritikal UKM merangkumi pengurusan maklumat kakitangan, pelajar, kewangan & perakaunan dan penyelidikan iaitu; Sistem Pengurusan Pangkalan Data Informix; dan MS SQL Server. 	<p>Tarikh Pelaksanaan: Mulai 2014 – kini</p> <p>Tarikh Sijil Terkini: 29 Mei 2018 – 28 Mei 2021</p>

Pembudayaan Inovasi

UKM telah mengambil beberapa inisiatif untuk memupuk budaya inovasi melalui penglibatan staf dalam pelbagai program seperti Kumpulan Inovatif Kreatif (KIK), Kumpulan Lean, Projek GerakNovasi dan Hari Inovasi. Senarai Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) seperti berikut:

Nama Kumpulan	Jabatan
+ Kumpulan Benuacipta	Jabatan Radiologi HCTM
+ Kumpulan Charge V3	Fakulti Kejuruteraan & Alam Bina
+ Kumpulan Toppro	Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan HCTM
+ Kumpulan Quantum	Jabatan Pengimejan Molekul dan Perubatan Nuklear, HCTM
+ Kumpulan Medistorm	Jabatan Kewangan HCTM
+ Kumpulan Siber	Perpustakaan HCTM
+ Kumpulan Mission	Perpustakaan Dr Abdul Latiff, KKL
+ Kumpulan OBS	Cesmed-UKM

Keserlahan kumpulan KIK tersebut dinilai melalui Konvensyen KIK peringkat UKM yang diadakan setiap tahun. Pada 28 Mac 2018 bertempat di Dewan Persidangan CRIM, UKM, terdapat lima (8) kumpulan telah menyertai konvensyen tersebut dan pencapaian adalah seperti berikut:

Nama Kumpulan	PTJ	Pencapaian	Tajuk Projek Inovasi
Benuacipta	Jabatan Radiologi, HCTM PPUKM	<ul style="list-style-type: none"> • Johan Kategori Teknikal • Juara Keseluruhan • Persempahan Terbaik Kategori Teknikal • Poster Terbaik Kategori Teknikal 	Imej Radiograf Lateral Sevikal Yang Berkualiti Rendah
Medistorm	Jabatan Kewangan, HCTM PPUKM	<ul style="list-style-type: none"> • Johan Kategori Pengurusan • Fasilitator Terbaik Kategori Pengurusan • Poster Terbaik Kategori Pengurusan 	Kegagalan Mengutip Deposit Kemasukan Wad di PPUKM
Charge V3	FKAB	Naib Johan Kategori Teknikal Fasilitator Terbaik Kategori Teknikal	Cut Off Motor Elektrik
Siber	Perpustakaan HCTM, PPUKM	Naib Johan Kategori Pengurusan	Kepadatan Buku di Rak Koleksi Am
TopPro	Jabatan Perkhidmatan Pemulihan Perubatan, HCTM	Ketiga Kategori Teknikal	Kesukaran Mengekalkan Sendi Lutut Untuk Kanak-kanak Cerebral Palsy
Mission	Perpustakaan Dr Abdul Latiff, KKL	Ketiga Kategori Pengurusan Persempahan Terbaik Kategori Pengurusan	Tempahan Bilik Mengambil Masa Yang Lama
Quantum	Jabatan Pengimejan Molekul dan Perubatan Nuklear, HCTM	Saguhati Kategori Teknikal	Pengimejan PET-CT Lewat
OBS	UKM-Cesmed	Saguhati Kategori Pengurusan	Online Business Simulation (OBS)

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INSTITUSI CEMERLANG



Impak Inovasi


Penghasilan projek inovasi yang dijalankan oleh Kumpulan KIK pada tahun 2018 telah memberikan impak kepada PTj dan universiti dalam aspek penyampaian perkhidmatan, penjimatan, penjanaan dan peningkatan produktiviti.

Kumpulan Benuacipta telah berjaya meningkatkan kualiti imej radiografi kepada pesakit HCTM yang mengalami kecederaan serviks. Ia juga berjaya mengurangkan pengulangan kerjahan risiko radioaktif kepada pesakit dan kakitangan. Komuniti terutamanya pesakit HCTM menikmati manfaat daripada projek ini.

HASIL INOVASI KUMPULAN BENUACIPTA



Kumpulan Medistorm dapat meningkatkan kutipan hasil kemasukan wad daripada pesakit.



Kejayaan Kumpulan Charge V3 dengan menghasilkan kipas penyejuk untuk mengelakkan bekalan elektrik daripada motor terputus semasa uji kaji pelajar di makmal. Produk ini membolehkan pelajar menyempurnakan kerja amali secara maksimum tanpa menunggu mesin uji kaji boleh berfungsi semula akibat motor yang terlalu panas.



Kumpulan Siber daripada Perpustakaan HCTM pula telah menghasilkan Ez-Rack yang meningkatkan kecekapan dalam penyusunan buku dan memberikan indikasi kepada petugas untuk mengenal pasti rak yang telah padat.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INSTITUSI CEMERLANG

Kecemerlangan kumpulan ini diteruskan dengan menyertai pelbagai pertandingan KIK di peringkat Kebangsaan dan Antarabangsa. Senarai penyertaan dan kejayaan adalah seperti berikut:

Kategori	Tajuk	Tarikh/Tempat	Penyertaan	Pencapaian
Kebangsaan	Konvensyen Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Peringkat Universiti Awam Kali Ke 14	13 Ogos hingga 16 Ogos 2018 Universiti Malaya	39 penyertaan dari UA. Mewakili UKM: Benuacipta, Jabatan Perkhidmatan Radiologi, HCTM, Medistorm, Jabatan Bendahari Kampus KL, Charge V3, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik & Sistem, FKAB Siber, Perpustakaan HCTM, PPUKM	Benuacipta: Naib Johan, Kategori Teknikal dan Anugerah Emas Medistorm: tempat Ketiga, Kategori Pengurusan Anugerah Emas. Charge V3 dan Kumpulan Siber masing-masing telah menerima Anugerah Emas.
	Annual Productivity & Innovation Conference and Exposition (APIC) 2018, Pada	13-15 November 2018 Grand Pyramid Ballroom, Sunway Pyramid Convention Centre (SPCC)	Benuacipta, Jabatan Perkhidmatan Radiologi, HCTM, Medistorm, Jabatan Bendahari Kampus KL, Charge V3, Jabatan Kejuruteraan Elektrik, Elektronik & Sistem, FKAB	Charge V3: Tempat Ketiga Kategori Sektor Awam dan Anugerah Lima Bintang Benuicipta, dan Kumpulan Medistorm,: Anugerah Lima Bintang dan Kedudukan 20 terbaik dalam Kategori Sektor Awam di APIC 2018
Antarabangsa	International Control Quality Circle 2018	22-25 Oktober 2018 Resort World Hotel Sentosa, Singapura	Kumpulan SINARAN daripada Jabatan Perkhidmatan Radiologi,HCTM	'Gold Award'

Selain penglibatan staf dalam program KIK, UKM telah menyemarakkan lagi pengukuhan daya kreativiti dan inovasi staf melalui Kumpulan Projek GerakNovasi yang diilhamkan oleh Naib Canselor. Kumpulan Projek GerakNovasi tahun 2018 dan 2019 ini dipertanggungjawabkan untuk mencari penyelesaian kepada permasalahan universiti melalui kajian tindakan. Aktiviti secara berkumpulan ini juga direka bentuk untuk menyerlahkan keupayaan kepimpinan staf P&P.

Kumpulan	Peserta/PTJ	Tajuk Projek
+ Ezipark	PTM, KKL	Kebolehkesanan Perkakasan ICT di Kampus KL
+ EcoFraChi	FST	Penambahbaikan Modul Latihan dan Kursus di FST UKM
+ Flash	FST	Sistem Smart Sensor (3S) di FST
+ IMediC	FPER	Pemusatan Inventori, Pembelian, Penggunaan dan Pelupusan Bahan Pakai Habis/Reagent di Fakulti Perubatan
+ SeCHRa	ROSH-UKM & Pegawai Sains	Peka Keselamatan, Tiada Penyesalan, SeCHRA Satu Permulaan

Pembangunan Kepimpinan dan Keterampilan

Perkongsian ilmu sentiasa menjadi salah satu wahana penyebaran dan pengembangan pengetahuan di UKM melalui penyertaan dan penglibatan staf dalam program seperti seminar, persidangan, bengkel, dan cuti belajar. Mutakhir ini pelantar lain turut dipertingkatkan dengan penawaran ruang dan peluang baharu bagi staf kumpulan akademik dan staf kumpulan P&P menerusi program:



Program sangkutan industri untuk staf P&P adalah satu siri program pembangunan staf melalui perpindahan ilmu yang dapat meningkat dan mengukuh kompetensi staf UKM. Penglibatan staf P&P dalam program sangkutan dapat memberikan mereka pendedahan kepada ilmu baharu dalam perkhidmatan, proses kerja, sistem, struktur organisasi, nilai baharu dan transformasi yang dapat menyokong pencapaian matlamat strategik UKM.

Organisasi Penempatan Sangkutan Industri Staf Pengurusan & Profesional

Agensi penempatan yang terlibat dalam program Sangkutan Industri tempatan:

1. CIMB Group;
2. PLUS Malaysia;
3. Syarikat Air Melaka Berhad (SAMB);
4. CCM Pharmaceuticals Sdn. Bhd.;
5. Jabatan Perdana Menteri (JPM);
6. Jabatan Peguam Negara;
7. Hospital Kuala Lumpur;
8. Pusat Perubatan Universiti Malaya.

PENGURUSAN SUMBER MANUSIA DAN INSTITUSI CEMERLANG

SANGKUTAN STAF AKADEMIK

Program Sangkutan Industri di luar negara yang dihadiri oleh tujuh staf Akademik turut mewujudkan program jaringan dan pemantapan penyelidikan menerusi penempatan di The William Harvey Research Institute (WHRI), Queen Mary University of London, National Taiwan University, dan Nagaoka University of Technology, Japan.

Program sangkutan akan terus diberi penekanan dalam inisiatif pembangunan, pemerksaan dan penyerahan staf bagi memanfaatkan kelebihannya demi pencapaian strategik UKM. Justeru, penyertaan staf dalam program ini disasarkan meningkat pada tahun-tahun seterusnya.


Perbandingan aktiviti mengikut tahun



Inovasi dalam Program Pembangunan Staf

Sebanyak 119 program pembangunan staf telah dijalankan pada tahun 2018 yang telah dikendalikan oleh Profesional-UKM. Kursus-kursus ini telah diinovasikan dengan memperkenalkan sebahagiannya secara dalam talian iaitu di Pelantar Pembestarian Bakat MayaBestari@UKM. Program-program bersemuka yang ditawarkan berbentuk ceramah, kursus, syarahan dan latihan semasa bekerja (on the job training) dengan menggunakan pelbagai kaedah dalam sistem penyampaian dan pengajaran. Inovasi dilakukan bersesuaian dengan keperluan generik dan fungsian staf. Kursus-kursus yang dijalankan adalah mengikut kategori latihan iaitu kemahiran, pembangunan diri, pentadbiran, kewangan, kepimpinan, keselamatan & kesihatan pekerjaan, bahasa, kualiti, program wajib perkhidmatan, program pembelajaran berterusan (Doktor Pendidikan Tinggi). Di samping itu, program-program untuk kemajuan kerjaya staf mula diperkenalkan. Dengan perubahan keperluan teknologi dan persekitaran, pelbagai kemahiran dan ilmu akan ditingkatkan bagi mencapai sumber manusia yang kompeten.

Penyertaan program jati diri mengikut kategori staf





KRA5

**Penjanaan Kekayaan Secara
Optimum dan Strategik**

PENJANAAN KEKAYAAN SECARA OPTIMUM DAN STRATEGIK

“

Penjanaan pendapatan secara lestari dan ketidakbergantungan kepada dana awam adalah penting bagi memastikan UKM mencapai misi serta berdaya saing dan berkembang maju sebagai salah satu universiti penyelidikan yang keterhadapan.”

”


Oleh itu, pemerkasaan penjanaan pendapatan di UKM dipergiatkan dengan mengoptimumkan sumber dan aset sedia ada. Inisiatif dan aktiviti penjanaan pendapatan dipergiatkan dengan keterlibatan semua pusat tanggungjawab (PTj) serta dipandu oleh Dasar Penjanaan Pendapatan.



Skop Penjanaan Pendapatan UKM

PRESTASI PENJANAAN PENDAPATAN 2018*¹

Penjanaan sumber dalaman bagi 2018 berjumlah RM424.1 juta. Prestasi penjanaan sumber dalaman bagi tahun 2018 menunjukkan peningkatan yang memberangsangkan berbanding tahun 2017. Peningkatan penjanaan sumber dalaman adalah sebanyak 32% atau RM426.00 juta hasil penjanaan sumber dalaman berbanding 29% atau RM390.18 juta pada tahun 2017.



Sumber Penjanaan Dalaman Mengikut Kategori

¹ Jumlah penjanaan pendapatan diperoleh menggunakan definisi berikut: Yuran Pengajian + Yuran Penginapan + Pendapatan Penyelidikan + Hasil Barang dan Perkhidmatan + Hasil Sewaan + Pelaburan + Perkhidmatan hospital + Sumbangan dan Penjanaan Lain + Pendapatan Lain.

Yuran pengajian adalah penyumbang utama dalam penjanaan sumber dalaman tahun 2018 iaitu sebanyak RM143.17 juta (RM61.33 juta adalah hasil yuran prasiswazah dan RM81.84 juta adalah hasil yuran pascasiswazah). Peningkatan hasil yuran adalah sebanyak 5.5% (RM7.49 juta) berbanding tahun 2017. Kenaikan hasil yuran adalah daripada pengambilan pelajar program antarabangsa (pelajar yang membayar yuran penuh) dilihat membawa impak positif dalam meningkatkan usaha penjanaan di UKM. Pengambilan pelajar program antarabangsa ini memberi peluang kepada lebih ramai pelajar untuk menyambung pengajian di UKM dengan mengekalkan jumlah pengambilan pelajar bagi program arus perdana.

Perkhidmatan hospital adalah penyumbang kedua terbesar penjanaan (RM 89.94 juta), diikuti pelaburan (RM47.15 juta), pendapatan penyelidikan (RM45.18 juta), sumbangan dan penajaan lain (RM33.51 juta), hasil barang dan perkhidmatan (RM21.65 juta), hasil sewaan (RM19.23 juta), yuran penginapan (RM15.64 juta), dan pendapatan lain (RM17.98 juta).

INISIATIF STRATEGIK PENJANAAN

UKM meneruskan usaha meningkatkan penjanaan dengan terus mengukuhkan inisiatif strategik yang sedia dilaksanakan. Disamping itu, amalan pengurusan kewangan yang baik diteruskan melalui perbelanjaan berhemah dan peningkatan kecekapan pengurusan oleh PTj menggunakan aset dan sumber sedia ada secara optimum.

Antara inisiatif penjanaan yang dilaksanakan adalah semakan kadar caj di HCTM (meningkat RM25.92 juta berbanding 2017), peningkatan usaha memperoleh dana penyelidikan dalam dan luar negara (meningkat RM12.86 juta berbanding 2017), dan penambahan pengambilan pelajar dan pengoptimuman yuran (meningkat RM7.49 juta berbanding 2017).

Usaha menggerakkan inisiatif pemerkasaan endowmen dan penjanaan kepada UKM terus digerakkan melalui 3P (Program, Pakar dan Prasarana). Inisiatif ini dilaksanakan bersama-sama PTj melalui rangkaian jaringan yang dijalankan dengan pihak Kementerian, badan korporat tempatan dan antarabangsa serta kelompok alumni UKM dan individu perseorangan. Sepanjang 2018, UKM telah berjaya memperoleh sumbangan dan penajaan berjumlah RM23.95 juta dari pelbagai pihak.

Sehingga 31 Disember 2018, dana endowmen terkumpul berjumlah RM75.44 juta bagi semua Kursi Kecemerlangan dan Dana Endowmen (Jadual 1). Berbanding 2017, jumlah terkumpul telah berjaya ditingkatkan sebanyak RM3.79 juta.

Senarai Kursi/Dana Endowmen

Kursi/Dana Endowmen	Amaun (RM Juta)
+	Kursi Pembangunan Lestari UKM-YSD 16.13
+	Kursi Endowmen MPOB-UKM 15.44
+	Dana Endowmen RHB-UKM 8.78
+	Dana Endowmen Yayasan Canselor 8.22
+	Kursi Tun Ismail Mohamed Ali 5.92
+	Kursi Syeikh Abdullah Fahim 5.76
+	Kursi Perubahan Iklim UKM UKM-YSD 5.66
+	Kursi Kepimpinan Wanita 2.76
+	Kursi Pok Rafeah 2.69
+	Dana Endowmen Kaneka Corp. 1.16
+	Dana Endowmen Nippon Foundation 1.05
+	Kursi Ulung Tun Abdul Razak 0.91
+	Dana Endowmen Tengku Ampuan Afzan 0.70
+	Kursi Tan Sri Noah 0.21
+	Kursi Ekonomi Tengku Razaleigh 0.06

Selaras dengan usaha UKM menjaga dan meningkatkan kebajikan pelajar serta keseluruhan warga Universiti secara amnya, Dana Wakaf Ilmu Universiti Kebangsaan Malaysia (DWIUKM) telah diwujudkan hasil pemeteraian kerjasama dengan Perbadanan Wakaf Selangor (PWS). Program DWIUKM ini merupakan inisiatif penjanaan dana menggunakan kaedah wakaf bagi mewujudkan sumber kewangan jangka panjang dan lestari dalam memenuhi keperluan aktiviti akademik, prasarana Universiti dan khidmat masyarakat setempat.

Selain program DWIUKM kebajikan pelajar dan warga UKM juga dijaga melalui pengagihan kutipan Zakat dengan kerjasama Pusat Zakat Selangor. Pada 2018 kutipan sebanyak RM13.09 juta telah berjaya dikumpul dan sejumlah RM6.43 juta telah diagihkan kepada 6843 penerima yang layak.

Inisiatif UKM menggalakkan pelaksanaan aktiviti Pendanaan Khalayak (crowdfunding) dilaksanakan dengan mewujudkan platform rasmi (Portal Give2UKM). Selain memudahkan para alumni UKM, orang awam dan korporat untuk memberi sumbangan kepada UKM melalui perbankan atas talian, ia turut memudah cara proses governan terhadap pengurusan tabung/akaun dalam merealisasikan pelaksanaan program bersifat kebajikan dan pembangunan infrastruktur. Bagi tahun 2018, alumni UKM telah menyumbang sebanyak RM354,398 dan sumbangan ini sebahagian besar disalurkan bagi penajaan program pelajar dan juga infrastruktur pengajaran.



Faculty of Science

جامعة ساحل نهار
Technology

KRA6

Prasarana dan Persekutaran Ilmu yang Kondusif

PRASARANA DAN PERSEKITARAN ILMU YANG KONDUSIF

“

Aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan inovasi serta khidmat masyarakat yang berkualiti untuk memenuhi keperluan pelanggan seharusnya disokong oleh prasarana dan persekitaran yang kondusif. UKM sebagai Universiti Penyelidikan terhadap sentiasa merancang dan melaksanakan pelbagai projek pembangunan fizikal dan pembangunan teknologi secara maya dari semasa ke semasa selaras dengan Revolusi Industri 4.0 (4IR). Justeru, tahun 2018 telah berjaya menyempurnakan beberapa projek baharu dan naik taraf seperti yang terkandung dalam RMK-11.


”

PRASARANA PENYELIDIKAN

UKMSC Gamma Knife Centre

Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) melalui UKM Specialist Centre adalah agensi kerajaan pertama memiliki pusat rawatan barah dan ketumbuhan otak berteknologi tinggi iaitu *Gamma Knife Centre* yang telah dibina di Hospital Canselor Tuanku Muhriz. Pusat rawatan *radiosurgery* itu akan memberi manfaat kepada pesakit yang mempunyai ketumbuhan barah dalam otak. Pesakit hanya perlu melakukan rawatan sinaran radiasi *Gamma Knife* yang memberi tumpuan khusus kepada rawatan tisu otak yang bermasalah tanpa menjejaskan tisu di kawasan lain. Kaedah rawatan ini dapat mengurangkan trauma kepada otak dan mengurangkan risiko. Kaedah rawatan ini juga menjimatkan kos kewangan pesakit dan memendekkan masa rawatan.





PRASARANA DAN PERSEKITARAN ILMU YANG KONDUSIF



Hospital Pakar Kanak-Kanak

Hospital yang masih dalam pembinaan ini mempunyai 243 katil dan 54 *step-down apartments* (bagi menyediakan penempatan kepada pesakit yang sedang pulih bersama keluargam mereka). Terdapat juga pusat pesakit antarabangsa (*International Patient Centre*) yang berkonsepkan *medical tourism*. Hospital ini akan mempunyai *Total Hospital Information System* (THIS) yang berintegrasi bagi meningkatkan keefisyenian, penyimpanan data pesakit secara digital serta memberikan pengalaman pesakit yang terbaik (*patients' experience*). Hala tuju HPKK adalah untuk menjadi sebuah hospital pengajar, pusat rujukan dan pusat penyelidikan dalam bidang pediatrik.

- 01 Hospital pintar
- 02 Konsep better, faster, friendlier
- 03 Dewan bedah digital
- 04 Wellness & resource centre
- 05 Apartment untuk penjagaan step-down untuk pesakit dan keluarga
- 06 Pusat Pengurusan Bencana (epidemik, trauma, dll)
- 07 Hospital Hijau - taman dalam bangunan, sistem pengurusan tenaga, panel solar, dll
- 08 Intensif penyelidikan - termasuk wad penyelidikan klinikal Sekolah Dalam Hospital (SDH)
- 09 Sekolah dalam hospital (SDH)

2. PRASARANA PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

2.1 Kolej PERMATA Pintar@UKM di IPG Kampus Raja Melewar Seremban

Bagi menampung jumlah pelajar yang semakin meningkat, IPG Raja Melewar telah menyerahkan 3 blok bangunan untuk diubahsuai dan di tukar fungsi kepada Kolej PERMATA pintar Negara UKM. Tiga blok tersebut merangkumi;

- i) Blok pembelajaran
- ii) Blok Asrama (Lelaki dan perempuan)

Pengubahsuaian itu membolehkan Kolej PERMATA pintar UKM @ Raja Melewar mempunyai bilik-bilik seperti berikut:

- i) 16 kelas pembelajaran setiapnya boleh menempatkan 20 orang pelajar
- ii) 3 makmal sains
- iii) 1 makmal komputer
- iv) 1 ruang pentadbiran
- v) 1 bilik muzik
- vi) 3 bilik guru
- vii) 2 bilik air
- viii) 200 bilik tidur di blok asrama yang boleh memuatkan 400 orang pelajar



Makmal Sains Kolej Permata Pintar UKM



Makmal Komputer Kolej Permata Pintar UKM



Majlis Penyerahan Kunci Kepada Prof.Ir.Dr. Othman Jaafar (Pengarah Prasarana-UKM)



Sebanyak 16 kelas pembelajaran setiapnya boleh menempatkan 20 orang pelajar



Blok Pentadbiran dan Blok Pembelajaran Kolej Permata Pintar UKM

PRASARANA DAN PERSEKITARAN ILMU YANG KONDUSIF

NAIK TARAF

Wad Eksekutif HCTM

Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HCTM) UKM merupakan hospital pengajar universiti awam pertama di Malaysia yang memiliki Wad Eksekutif. Projek naik taraf yang bermula pada tahun 2017 menyediakan kemudahan sebanyak 17 unit katil. Kemudahan yang lebih selesa dan sangat kondusif kepada warga kerja UKM. Pelaksanaan projek naik taraf ini telah memberi impak kepada penjanaan pendapatan dan peningkatan kemudahan yang berkualiti.



Kolej Premier Kolej Ibu Zain (KIZ)

Proses transformasi menyeluruh infrastruktur Kolej Ibu Zain menjadi kolej premier yang pertama dalam kalangan Universiti Awam menyediakan kemudahan yang eksklusif kepada mahasiswa. Bersesuaian dengan moto KIZ iaitu ‘menikmati kehidupan lestari’ menyediakan kemudahan seperti berikut:






Bilik penginapan yang amat selesa dan kondusif bertaraf hotel 3 bintang



Ruang aktiviti yang luas dan selesa



Dewan Sutera KIZ (kapasiti 600 orang) untuk pelbagai aktiviti

Bilangan Bilik Penginapan Yang Telah Dinaik Taraf

	TELAH NAIK TARAF	98	JUMLAH TELAH NAIK TARAF	306
	BELUM NAIK TARAF	6		
	TELAH NAIK TARAF	208	JUMLAH BELUM NAIK TARAF	54
	BELUM NAIK TARAF	48		
	TWINSHARING			

Bilangan Pelajar Yang Menginap

BLOK	KAPISITI	ANTARABANGSA	TEMPATAN	JUMLAH
+ K18A	52	26	16	42
+ K18B	52	32	4	36
+ K18C	52	21	24	45
+ K18D	52	15	22	37
+ K19A	102	65	17	82
+ K19B	102	28	7	35
JUMLAH	142	187	90	277

*Data sehingga April 2019

PRASARANA DAN PERSEKITARAN ILMU YANG KONDUSIF

Oval Kriket UKM-YSD

Projek ini bermula pada 16 Februari 2016 dan telah siap sepenuhnya pada 12 Jun 2018 dengan usahasama Yayasan Sime Darby (YSD). Kriket merupakan sukan teras UKM dan telah melahirkan ramai pemain hebat dalam kalangan pelajar UKM yang mewakili Malaysia. Pelbagai kejayaan yang telah diraih sama ada diperingkat kebangsaan dan antarabangsa oleh Pasukan Kriket UKM. Dengan wujudnya Oval Kriket UKM-YSD ini dapat meningkatkan fasiliti sukan kriket untuk meneruskan kecemerlangan UKM dipersada antarabangsa.



Majlis Perasmian Oval Kriket UKM-YSD telah disempurnakan oleh YABhg. Tun Ahmad Sarji (Pro Canselor UKM) pada 7 Januari 2019

Pencapaian Pasukan Kriket UKM 2016-2018

Bil.	Aktiviti	Kategori	Pencapaian
Tahun 2016			
1	Kriket Antara Negeri Perisai Raja-raja	Kebangsaan	Johan
2	Kejohanan Kriket Trofi Menteri Pengajian Tinggi	Kebangsaan	Johan
3	Kejohanan Kriket Undangan Universiti Antarabangsa	Antarabangsa	Johan
4	Kejohanan Liga MPL 2016	Kebangsaan	Ketiga
Tahun 2017			
1	Kriket Antara Negeri Perisai Raja-raja	Kebangsaan	Johan
2	Kejohanan Liga MPL 2016	Kebangsaan	Ketiga
Tahun 2018			
1	Kejohanan Liga MPL 2016	Kebangsaan	Naib Johan
2	Kejohanan Kriket Trofi Menteri Pengajian Tinggi	Kebangsaan	Johan

PEMBANGUNAN SECARA MASA

TEKNOLOGI

Revolusi Industri Keempat (Industri 4.0) adalah penemuan pelbagai teknologi baharu yang antara lain menggunakan automasi, analisis dan big data, simulasi, integrasi sistem, penggunaan robotic, cloud, Internet of Things (IoT), dan perkara yang seumpamanya. Ini merupakan cabaran baharu kepada UKM dalam melakukan perubahan seiring dengan transformasi digital. Oleh itu, UKM telah mengorak langkah dalam usaha untuk melaksanakan penambahbaikan bagi peningkatan kualiti perkhidmatan melalui penggunaan sistem masya. Antara pencapaian UKM dari aspek ini ialah:


MyUKM

Aplikasi mobil yang berfungsi sebagai medium penyampaian maklumat terkini berkaitan aktiviti universiti bagi kemudahan staf, pelajar dan pelawat UKM. Aplikasi ini mengandungi pengumuman, berita warga kerja dan pelajar, berita UKM, kalender aktiviti UKM dan kalender ujian lisan tesis.


Fungsi lain yang disediakan adalah carian direktori staf, UKM Maps, pautan ke media sosial UKM, semakan maklumat peribadi, cuti, latihan dan kehadiran kedatangan (*Smart Attendance*) yang merekodkan aktiviti seperti mesyuarat, kursus, bengkel, lawatan dan sebagainya menggunakan teknologi kod QR.



Dengan adanya kemudahan ini pengurusan kehadiran dapat dilakukan dengan cepat, mudah dan ringkas.



PRASARANA DAN PERSEKITARAN ILMU YANG KONDUSIF



GayaSiswa UKM

GayaSiswa UKM merupakan aplikasi telefon pintar yang dihasilkan khusus untuk pelajar UKM. Ia telah digunakan mulai 31 Ogos 2018.

Aplikasi ini menggunakan medium Bahasa Melayu dan boleh digunakan pada platform Android dan iOS.

Fungsi yang disediakan meliputi:

- 1) Profil Pelajar – Maklumat asas pelajar serta maklumat kolej kediaman
- 2) Akademik – Maklumat kursus berdaftar dan jadual kuliah
- 3) Berita Pelajar – Berita sumber daripada Portal e-Pelajar
- 4) Peta UKM – Peta interaktif kampus UKM
- 5) MPP – semakan tempat pemilihan MPP, melihat senarai calon umum dan calon fakulti.
- 6) Panduan – pelbagai panduan penting untuk pelajar

Impak aplikasi ini, pelajar dapat mencapai pelbagai maklumat penting berkaitan keperluan pengajiannya dengan lebih mudah dan pantas hanya dengan menggunakan satu aplikasi sahaja.

eDaftar

Penggunaan eDaftar telah mengubah kaedah pendaftaran pelajar baharu daripada cara konvensional di mana sebahagian besar urusan perlu dilakukan pada hari pendaftaran kepada cara baharu yang lebih cepat dan mudah.

Melalui eDaftar, segala urusan seperti bayaran yuran, muat naik dokumen, pengesahan maklumat dan pendaftaran dapat dilakukan secara atas talian dan diselesaikan sebelum pelajar hadir diri di UKM.

Penggunaan aplikasi ini telah berjaya memendekkan proses pada hari pendaftaran kepada 10 saat bagi setiap pelajar. Pada hari pendaftaran pelajar hanya perlu melaporkan diri di fakulti untuk mengambil kad matrik sahaja.



Gerbang Warga

Gerbang Warga merupakan aplikasi web yang menggabungkan semua aplikasi web Sistem Maklumat Universiti (SMU) ke dalam satu portal melalui capaian satu id (*Single Sign On*). Ia telah mula digunakan pada 24 September 2018.

Melalui Gerbang Warga, staf dan pelajar boleh melihat maklumat profil individu dan *dashboard* berkaitan perkhidmatan. Dengan antaramuka yang lebih ringkas, terkini dan *mobile friendly*, Gerbang Warga berupaya memberi informasi berkaitan fungsi setiap sistem serta memudahkan pengguna apabila semua aplikasi SMU disusun mengikut kategori dan urutan proses kerja yang akan memudahkan staf dan pelajar membuat carian.

Pengguna dapat memanfaatkan paparan *dashboard* peribadi yang disediakan dengan memilih keutamaan proses yang sering digunakan dan menyesuaikan paparan mengikut keselesaan masing-masing.



Penyata Kewangan



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2018**

Laporan Mengenai Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2018 dan Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota kepada penyata kewangan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 37.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan pada 31 Disember 2018 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan *Malaysian Private Entities Reporting Standard*, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia.

Asas Kepada Pendapat

Saya telah melaksanakan pengauditan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam laporan ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan serta telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *The International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap penyata kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan *Malaysian Private Entities Reporting Standard*, Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia. Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan penyata kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada penyata kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Laporan Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *The International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam penyata kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, gambaran yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Universiti Kebangsaan Malaysia atau Kumpulan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Laporan Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam penyata kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Laporan Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan penyata kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dan Kumpulan memberi gambaran yang saksama.
- f. Mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian berkaitan maklumat kewangan entiti dan aktiviti perniagaan dalam Kumpulan untuk memberikan pendapat terhadap Penyata Kewangan Kumpulan. Saya bertanggungjawab untuk hala tuju, pengawasan dan pelaksanaan pengauditan kumpulan. Saya hanya bertanggungjawab terhadap pendapat saya.

Saya telah berkomunikasi dengan Lembaga Pengarah, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Laporan Mengenai Keperluan Perundangan dan Peraturan Lain

Berdasarkan keperluan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia, saya juga melaporkan perkara berikut:

- a. Pada pendapat saya, rekod perakaunan dan rekod lain yang dikehendaki Akta untuk disimpan oleh Universiti Kebangsaan Malaysia dan subsidiarinya yang mana kami telah bertindak sebagai juruaudit telah disimpan dengan sempurna menurut peruntukan Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Akta 30) dan Perlembagaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- b. Saya telah mempertimbangkan akaun dan Laporan Juruaudit bagi semua subsidiari yang tidak diaudit oleh saya seperti yang dinyatakan dalam Nota 6 kepada penyata kewangan yang telah dimasukkan dalam akaun disatukan.
- c. Saya berpuas hati bahawa akaun subsidiari yang disatukan dengan Penyata Kewangan Universiti Kebangsaan Malaysia dalam bentuk dan kandungan yang sesuai dan teratur bagi tujuan penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan saya juga telah menerima maklumat dan penjelasan yang memuaskan sebagaimana yang dikehendaki bagi tujuan tersebut.
- d. Laporan Juruaudit ke atas akaun subsidiari tidak mengandungi sebarang teguran atau pemerhatian yang boleh menjelaskan penyata kewangan.

Hal-hal Lain

Laporan ini dibuat untuk Lembaga Pengarah dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan laporan ini.



(ZIRAWATI BINTI KADIR)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

PUTRAJAYA
11 JULAI 2019



PENYATA PENGERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH (AHLI KUMPULAN)

Kami **TAN SRI ABDUL WAHID BIN OMAR** dan **PROF. IR. DR. MOHD HAMDI BIN ABD SHUKOR** yang merupakan Pengurus dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah Universiti Kebangsaan Malaysia dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan mengikut Piawaian Laporan Entiti Persendirian Malaysia untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Universiti Kebangsaan Malaysia pada 31 Disember 2018 dan hasil kendaliannya serta keputusan operasi dan aliran tunai Universiti Kebangsaan Malaysia bagi tahun kewangan berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Lembaga Pengarah Universiti,

TAN SRI ABDUL WAHID BIN OMAR
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti

Tarikh : 10 JUL 2019

UKM Bangi

PROF. IR. DR. MOHD HAMDI BIN ABD SHUKOR
Naib Canselor

Tarikh : 10 JUL 2019

UKM Bangi

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

Saya, NORINI BINTI MOHAMAD (K.P. 700807-06-5196), pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan Universiti Kebangsaan Malaysia, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Pendapatan Komprehensif, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)

diakui oleh penama di atas)

Di *Kajang, Selangor*)

Pada 10 JUL 2019)

NORINI BINTI MOHAMAD



Tetuan Rosline & Norhaizan
Peguambata & Peguamcara
No. 5M, Jalan Hentian 3,
Hentian Bas Kajang,
Off Jalan Reko,
43000 Kajang, Selangor.
Tel: 603-8741 9275, Fax: 603-8737 3904
HP: 012-626 0728
Email: halzenomar@gmail.com

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DECEMBER 2018

Nota	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018	2017	2018	2017
	RM'000	RM'000 <i>Seperti dinyatakan semula</i>	RM'000	RM'000 <i>Seperti dinyatakan semula</i>
Aset Bukan Semasa:				
Hartanah, loji dan peralatan	4	6,740,141	6,753,406	6,693,646
Pelaburan	5	81,556	71,092	81,556
Pelaburan dalam syarikat subsidiari	6	-	-	6,000
Aset tak ketara	7	2,460	2,486	2,460
Penghutang pinjaman kakitangan	8	4,545	5,025	4,545
Jumlah aset bukan semasa		<u>6,828,702</u>	<u>6,832,009</u>	<u>6,788,207</u>
				<u>6,824,841</u>
Aset Semasa:				
Inventori	9	28,008	22,070	23,828
Penghutang	10	113,543	123,884	97,195
Pelbagai penghutang	11	49,320	50,127	42,023
Ter hutang oleh syarikat subsidiari	12	-	-	6,620
Simpanan tetap	13	864,581	908,722	857,798
Wang tunai di tangan dan baki di bank	14	82,514	44,413	66,455
Cukai boleh dikembalikan		50	-	-
Jumlah Aset Semasa		<u>1,138,016</u>	<u>1,149,216</u>	<u>1,093,919</u>
Jumlah Aset		<u>7,966,718</u>	<u>7,981,225</u>	<u>7,882,126</u>
				<u>7,925,605</u>
Ekuiti:				
<i>Kumpulan Wang (KW) Yang Terdiri:</i>				
KW Mengurus		377,975	152,784	377,975
KW Pembangunan		5,951,220	5,951,220	5,951,220
KW Entiti perniagaan		123,216	124,601	123,216
KW Tabung amanah dan akaun khas		94,334	107,339	94,334
KW Hasil		281,573	493,213	282,258
KW Pelaburan		131,184	112,862	131,184
KW Pinjaman		26,400	23,400	26,400
KW Lain		20,850	16,852	-
Jumlah Ekuiti		<u>7,006,752</u>	<u>6,982,271</u>	<u>6,986,587</u>
				<u>6,965,419</u>
Liabiliti Bukan Semasa:				
Geran Tertunda	15	760,128	811,684	760,128
Pinjaman	16	34,639	2,000	-
Manfaat pekerja jangka panjang	17	101,214	101,006	101,214
Akaun khas - geran penyelidikan	18	4,206	3,580	-
Jumlah liabiliti bukan semasa		<u>900,187</u>	<u>918,270</u>	<u>861,342</u>
				<u>912,690</u>
Liabiliti Semasa:				
Pemiutang	19	23,309	40,234	15,135
Pelbagai Pemiutang	20	19,516	24,077	2,108
Pelbagai Deposit Dan Wang Tahanan	21	16,954	16,373	16,954
Jumlah liabiliti semasa		<u>59,779</u>	<u>80,684</u>	<u>34,197</u>
Jumlah Liabiliti		<u>959,966</u>	<u>998,954</u>	<u>895,539</u>
Jumlah Ekuiti dan Liabiliti		<u>7,966,718</u>	<u>7,981,225</u>	<u>7,882,126</u>
				<u>7,925,605</u>

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2018

	Nota	KUMPULAN		UNIVERSITI	
		2018 RM'000	2017 RM'000	2018 RM'000	2017 RM'000
PENDAPATAN					
Geran Mengurus		928,054	813,866	928,054	813,866
Geran Pembangunan dan Penyelidikan direalisasi	15	145,724	155,671	145,724	155,671
Yuran-Yuran		158,798	153,014	158,798	153,014
Faedah		46,385	44,438	45,261	43,917
Dividen		1,160	2,500	1,845	2,500
Perkhidmatan Perubatan		104,946	95,476	40,697	40,321
Pemulihian Manfaat Pekerja		-	13,207	-	13,207
Pendapatan-Pendapatan Lain	22	162,232	170,614	141,606	135,239
		<u>1,547,299</u>	<u>1,448,786</u>	<u>1,461,985</u>	<u>1,357,735</u>
TOLAK: PERBELANJAAN					
Emolumen		762,973	747,778	761,748	746,555
Perkhidmatan Dan Bekalan	22	582,326	614,623	505,536	529,698
Pemberian Dan Kenaan Tetap		14,744	14,646	14,744	14,647
Pelunasan Aset Tak Ketara	7	228	218	228	218
Susut nilai	4	107,381	119,028	106,335	117,994
Manfaat Pekerja		9,915	-	9,915	-
Perbelanjaan Lain	22	42,311	53,767	42,311	52,427
		<u>1,519,878</u>	<u>1,550,060</u>	<u>1,440,817</u>	<u>1,461,539</u>
Pendapatan Daripada Aktiviti Operasi		<u>27,421</u>	<u>(101,274)</u>	<u>21,168</u>	<u>(103,804)</u>
Kos kewangan		(968)	-	-	-
LEBIHAN/(KURANGAN) PENDAPATAN		26,453	(101,274)	21,168	(103,804)
SEBELUM CUKAI					
Cukai	23	(1,972)	(1,826)	-	-
LEBIHAN/(KURANGAN) SELEPAS CUKAI					
YANG MEWAKILI JUMLAH PENDAPATAN					
KOMPREHENSIF		24,481	(103,100)	21,168	(103,804)

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EQUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2018/2018



LAPORAN TAHUNAN 2018

	Nota	KW Mengurus	KW Pembangunan	KW Entiti Perniagaan	KW Tabung Amanah Dan Akaun Khas	KW Hasil Pelaburan	KW Pinjamman	KW Wakaf	KW Zakat	KW Lain	Jumlah
		RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 31 Disember 2016 seperti dinyatakan sebelumnya		236,338	5,957,133	84,945	109,038	654,212	60,000	23,400	-	-	18,127 7,143,193
Pelarasan Tahun Lepas	27	(55,268)	-	-	-	-	-	-	(453)	(122)	(55,843)
Pada 1 Januari 2017, seperti yang dinyatakan semula	181,070	5,957,133	84,945	109,038	654,212	60,000	23,400	(453)	(122)	18,127	7,087,350
Lebihan/ (Kurangan) Pendapatan	(152,235)	-	25,344	(1,235)	14,663	9,647	-	81	(69)	703	(103,101)
Pindahan Antara Kumpulan Wang	123,949	(5,913)	14,312	(464)	(175,662)	43,215	-	372	191	(1,978)	(1,978)
Pada 31 Disember 2017, seperti yang dinyatakan semula	152,784	5,951,220	124,601	107,339	493,213	112,862	23,400	-	-	16,852	6,982,271
Pada 31 Disember 2017 seperti dinyatakan sebelumnya	208,052	5,951,220	124,601	107,339	493,213	112,862	23,400	453	122	16,852	7,036,114
Pelarasan Tahun Lepas	27	(55,268)	-	-	-	-	-	(453)	(122)	-	(55,843)
Pada 1 Januari 2018, seperti yang dinyatakan semula	152,784	5,951,220	124,601	107,339	493,213	112,862	23,400	-	-	16,852	6,982,271
Lebihan/ (Kurangan) Pendapatan	(30,809)	-	23,739	(22,450)	36,247	13,756	-	-	-	3,998	24,481
Pindahan Antara Kumpulan Wang	256,000	-	(25,124)	9,445	(247,887)	4,566	3,000	-	-	-	-
Baki Pada 31 Disember 2018	377,975	5,951,220	123,216	94,334	281,573	131,184	26,400	-	-	20,850	7,006,752

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN EQUITI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2018

Nota	KW Mengurus	KW Pembangunan	KW Entiti Perniagaan	KW Tabung Amanah Dan Akuan Khas	KW Hasil Petaburan	KW Pinjaman	KW Wakaf	KW Zakat	KW Lain	Jumlah
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Pada 31 Disember 2016 <i>seperti dinyatakan sebelumnya</i>	236,338	5,957,133	84,945	109,038	654,212	60,000	23,400	-	-	7,125,066
Pelarasan Tahun Lepas	27 (55,268)	-	-	-	-	-	-	(453) (122)	-	(55,843)
Pada 1 Januari 2017, <i>seperti yang dinyatakan semula</i>	181,070	5,957,133	84,945	109,038	654,212	60,000	23,400	(453) (122)	-	7,069,223
Lebihan/ (Kurangan) Pendapatan	(152,235)	-	25,344	(1,235)	14,663	9,647	-	81 (69)	-	(103,804)
Pindahan Antara Kumpulan Wang	123,949	(5,913)	14,312	(464)	(175,662)	43,215	-	372	191	-
Pada 31 Disember 2017, <i>seperti yang dinyatakan semula</i>	152,784	5,951,220	124,801	107,339	493,213	112,862	23,400	-	-	6,965,419
Pada 31 Disember 2017 <i>seperti dinyatakan sebelumnya</i>	208,052	5,951,220	124,601	107,339	493,213	112,862	23,400	453 (453)	122 (122)	7,021,262 (55,843)
Pelarasan Tahun Lepas	27 (55,268)	-	-	-	-	-	-	-	-	-
Pada 1 Januari 2018, <i>seperti yang dinyatakan semula</i>	152,784	5,951,220	124,601	107,339	493,213	112,862	23,400	-	-	6,965,419
Pindahan Antara Kumpulan Wang	256,000	-	(25,124)	9,445	(247,887)	4,566	3,000	-	-	-
Lebihan/ (Kurangan) Pendapatan	(30,809)	-	23,739	(22,450)	36,932	13,756	-	-	-	21,168
Baki Pada 31 Disember 2018	377,975	5,951,220	123,216	94,334	282,258	131,184	26,400	-	-	6,986,587

Nota-nota yang dilampirkan adalah sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2018

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM'000	2017 RM'000	2018 RM'000	2017 RM'000
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI				
Lebihan / (kurangan) pendapatan sebelum cukai	26,453	(101,274)	21,168	(103,804)
Pelarasan untuk:				
Pemberian Daripada Kerajaan	(928,054)	(813,866)	(928,054)	(813,866)
Geran Pembangunan dan Penyelidikan direalisasi	(145,724)	(155,671)	(145,724)	(155,671)
Pelunasan aset tak ketara	228	218	228	218
Susutnilai harta tanah, loji dan peralatan	107,381	119,028	106,335	117,994
Hutang rugu	8,902	17,468	8,902	16,146
Hutang lapuk pulih semula	(350)	(412)	(350)	(412)
Peruntukan manfaat pekerja	9,915	(13,207)	9,915	(13,207)
Kos kewangan	968	-	-	-
Pendapatan Faedah	(48,333)	(44,438)	(47,210)	(43,917)
Pendapatan Dividen	-	-	(685)	(2,500)
Perubahan nilai saksama pelaburan	(10,464)	(5,785)	(10,464)	(5,785)
Pelarasan aset tak ketara	-	720	-	720
Kerugian atas penjualan/pelupusan harta tanah, loji dan peralatan	111	199	111	199
Lebihan pendapatan sebelum perubahan modal kerja	(978,967)	(997,020)	(985,828)	(1,003,885)
(Tambah) / Kurangan inventori	(5,938)	15,332	(5,205)	16,065
(Tambah) / Kurangan penghutang	3,076	(42,139)	568	(33,299)
Pertambahan/ (Pengurangan) dalam Pembiutang	(22,603)	19,072	(14,997)	8,939
Tunai dari Operasi	(1,004,432)	(1,004,755)	(1,005,462)	(1,011,632)
Bayaran Manfaat Pekerja	(5,470)	(4,669)	(5,470)	(4,669)
Kos Kewangan	(968)	-	-	-
Cukai dipulangkan	(50)	-	-	-
Cukai Dibayar	(1,972)	(1,826)	-	-
Wang Tunai Bersih Dari Aktiviti Operasi	(1,012,892)	(1,011,250)	(1,010,932)	(1,016,301)

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM'000	2017 RM'000	2018 RM'000	2017 RM'000
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN				
Dividen diterima	-	-	685	2,500
Faedah diterima	48,332	44,438	47,210	43,917
Penambahan/(pengurangan) subsidiari	-	(1,979)	-	-
Penambahan aset tak ketara	(202)	(217)	(202)	(217)
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	(94,226)	(73,991)	(59,855)	(65,323)
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pelaburan	(46,096)	(31,749)	(12,162)	(19,123)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN				
Geran mengurus diterima	928,054	813,866	928,054	813,866
Geran pembangunan diterima	23,000	3,300	23,000	3,300
Geran penyelidikan diterima	68,629	87,071	68,629	87,071
Pinjaman diterima	32,639	2,041	-	-
Penambahan/(pengurangan) akaun amanah-dana penyelidikan	1,562	1,426	-	-
Pembayaran geran tahun semasa	(936)	(33)	-	-
Tunai Bersih Dari Aktiviti Pembiayaan	1,052,948	907,671	1,019,683	904,237
Tambahan / (Kurangan) Bersih Dalam Aliran Tunai	(6,040)	(135,328)	(3,411)	(131,187)
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Awal Tahun	953,135	1,088,463	927,664	1,058,851
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Pada Akhir Tahun	947,095	953,135	924,253	927,664
Tunai Dan Kesetaraan Tunai Terdiri Daripada:				
a. Wang Di Tangan Dan Baki Di Bank	82,514	44,413	66,455	31,696
b. Simpanan Tetap	864,581	908,722	857,798	895,968
	947,095	953,135	924,253	927,664

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2018

1. KENYATAAN AM DAN AKTIVITI UTAMA

Universiti Kebangsaan Malaysia ditubuhkan pada 18 Mei 1970 di bawah Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971.

Aktiviti utama Universiti adalah sebagai sebuah institusi pengajian tinggi yang menjalankan program-program pengajaran, penyelidikan dan khidmat masyarakat.

Selain daripada aktiviti di atas, Universiti juga menjalankan beberapa aktiviti bercorak komersil yang dilaksanakan oleh entiti perniagaan dan syarikat subsidiari seperti pelaburan, perundingan dan perkhidmatan kesihatan serta pengkomersilan produk penyelidikan.

Bagi tujuan penyata kewangan disatukan, penyata kewangan bagi setiap entiti dalam Kumpulan dicatatkan dalam Ringgit Malaysia (RM), yang mana merupakan matawang fungsian Universiti, dan matawang pembentangan untuk penyata kewangan disatukan.

Penyata Kewangan ini telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah Universiti pada **10 Julai 2019**.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

Akaun-akaun Kumpulan dan Universiti telah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan di Malaysia iaitu *Malaysian Private Entity Reporting Standards (MPERS)*.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING

Semua dasar perakaunan penting yang dinyatakan di bawah adalah seperti yang digunakan pada tahun kewangan yang lepas.

3.1 ASAS PENGUKURAN

Penyata Kewangan ini telah disediakan berdasarkan prinsip kos sejarah melainkan seperti yang telah dinyatakan dalam nota-nota penyata kewangan serta mematuhi polisi-polisi perakaunan yang telah diluluskan.

3.2 ASAS PENYATUAN

a. Subsidiari

Penyata kewangan yang disatukan meliputi penyata kewangan universiti dan syarikat subsidiarinya yang telah disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Subsidiari adalah entiti di mana Universiti mempunyai kepentingan ekuiti jangka panjang dan kuasa untuk melaksanakan kawalan terhadap polisi-polisi kewangan dan operasi untuk memperolehi manfaat daripada aktiviti-aktivitinya.

Subsidiari disatukan menggunakan kaedah perakaunan pengambilalihan. Di bawah kaedah perakaunan pengambilalihan ini, hasil daripada subsidiari yang diambil alih atau dilupuskan sepanjang tahun kewangan dimasukkan ke dalam penyata pendapatan yang disatukan dari tarikh pelaksanaan pengambilalihan berkuat kuasa atau sehingga tarikh pelaksanaan pelupusan berkuat kuasa, mengikut kesesuaian.

Transaksi di dalam universiti, baki dan keuntungan belum direalisasi yang terhasil dihapuskan semasa penyatuan. Penyata kewangan disatukan hanya menggambarkan transaksi dengan pihak ketiga sahaja. Kerugian belum direalisasi telah dihapuskan semasa penyatuan melainkan kos tersebut tidak boleh dikutip semula.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

Di mana perlu, pelarasan dibuat ke atas penyata kewangan entiti subsidiari untuk memastikan keseragaman polisi perakaunan dibandingkan dengan Kumpulan.

b. Kehilangan Kawalan

Apabila kawalan dalam syarikat subsidiari hilang, Universiti tidak mengiktiraf aset-aset dan liabiliti-liabiliti syarikat subsidiari tersebut serta sebarang kepentingan yang tidak dikawal dan komponen ekuiti lain berkaitan dengan syarikat subsidiari tersebut. Sebarang lebihan atau defisit yang disebabkan oleh kehilangan kawalan diiktiraf dalam penyata kewangan. Jika Universiti mengekalkan sebarang kepentingan dalam syarikat subsidiari terdahulu, maka kepentingan itu diukur pada nilai saksama pada tarikh kawalan hilang. Seterusnya ia diambil kira sebagai sebagai aset kewangan kecuali ianya tidak menjadi syarikat bersekutu.

3.3 PENGIKTIRAFAN PENDAPATAN

a. Geran Kerajaan

UKM tidak mengiktiraf geran kerajaan termasuk geran bukan kewangan pada nilai saksama, sehingga ada kepastian yang munasabah bahawa syarat-syarat yang disertakan bersama geran akan dipatuhi dan geran tersebut akan diterima.

Geran mengurus diiktiraf sebagai pendapatan apabila diterima.

Semua geran kerajaan untuk pembangunan diiktiraf sebagai pendapatan dalam Penyata Pendapatan Komprehensif secara sistematis mengikut tempoh di mana UKM mengiktiraf perbelanjaan kos berkaitan dengan penggunaan geran tersebut mengikut tujuan yang telah ditetapkan. Lebihan baki yang belum diiktiraf dalam Penyata Pendapatan Komprehensif dianggap sebagai geran tertunda iaitu liabiliti di dalam Penyata Kedudukan Kewangan.

b. Pendapatan Yuran

Pendapatan daripada yuran pengajian pelajar adalah berdasarkan akruan dan diiktiraf keseluruhannya apabila pelajar mendaftar dalam tahun kewangan berkenaan.

c. Pendapatan Faedah

Pendapatan faedah daripada instrumen hutang diiktiraf menggunakan kaedah faedah efektif.

d. Pendapatan Dividen

Pendapatan dividen daripada pelaburan ekuiti diiktiraf apabila pemegang saham mendapat hak untuk menerima bayaran.

e. Pendapatan Sewa

Pendapatan sewa daripada harta tanah pelaburan diiktiraf berdasarkan akruan mengikut tempoh perjanjian penyewaan yang berkaitan.

f. Keuntungan Daripada Pinjaman Kenderaan dan Komputer

Hasil keuntungan daripada pinjaman kenderaan dikira berdasarkan baki pokok pinjaman setiap bulan. Manakala keuntungan daripada pinjaman komputer diiktiraf terus semasa pinjaman dikeluarkan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2018

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

g. Perkhidmatan Perubatan

Hasil perkhidmatan operasi hospital, klinik dan hasil penjualan ubat-ubatan diiktiraf berasaskan akruan apabila perkhidmatan telah diberikan kepada pelanggan.

h. Pendapatan Perkhidmatan

Pendapatan bagi pengurusan dan perkhidmatan perundingan serta khidmat perubatan diiktiraf berasaskan akruan apabila perkhidmatan telah diberikan kepada pelanggan. Pendapatan projek rundingan diiktiraf berasaskan akruan mengikut peratus kerja siap.

i. Pendapatan-pendapatan lain

- i. Bayaran gantirugi pecah kontrak diiktiraf berasaskan akruan apabila kakitangan melanggar ikatan perjanjian cuti belajar.
- ii. Pendapatan jualan barang dan perkhidmatan lain diiktiraf apabila barang dan perkhidmatan telah diberikan kepada pelanggan.
- iii. Sumbangan dari pihak luar yang terdiri daripada orang perseorangan atau syarikat akan diiktiraf apabila hak untuk menerima dapat dipastikan.

3.4 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

a. Pengiktirafan dan ukuran

Kos sesuatu item bagi harta tanah, loji dan peralatan diiktiraf sebagai aset hanya apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa depan yang terangkum dalam bahagian tersebut akan mengalir ke dalam Kumpulan dan Universiti dan kos item tersebut boleh diukur dengan tepat.

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susut nilai terkumpul dan penurunan nilai harta. Pembelian harta modal yang bernilai melebihi RM3,000 akan diambil kira sebagai harta tanah, loji dan peralatan. Bagi perbelanjaan pembaikan dan pengubahsuaian bangunan yang mengubah struktur asal bangunan dan bernilai melebihi RM50,000 akan diambil kira sebagai tambahan kos bangunan tersebut.

Selain harta tanah, loji dan peralatan pengurusan dan pembangunan yang dibeli melalui Kumpulan Wang berkenaan, terdapat juga harta tanah, loji dan peralatan yang dibeli menggunakan peruntukan-peruntukan lain seperti projek-projek penyelidikan dan tabung-tabung khas lain. Hartanah, loji dan peralatan yang dibeli akan diambil kira sebagai aset tetap apabila perbelanjaan telah dibuat.

Setiap unit harta tanah, loji dan peralatan yang memenuhi kriteria-kriteria harta tanah, loji dan peralatan dari segi kos dan usia guna melebihi satu tahun akan diambil kira sebagai aset tetap. Hartanah, loji dan peralatan yang tidak memenuhi kriteria-kriteria

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

a. Pengiktirafan dan ukuran (sambungan)

hartanah, loji dan peralatan akan diambil kira sebagai perbelanjaan tahun kewangan semasa.

Projek dalam kemajuan adalah kerja-kerja pembinaan atau pembekalan aset yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan. Jumlah yang diambil kira adalah kos yang terlibat berdasarkan kepada sijil bayaran kemajuan. Kos pembinaan atau pembekalan aset akan dipindahkan ke dalam hartaanah, loji dan peralatan apabila sekurang-kurangnya Sijil Perakuan Siap Kerja dikeluarkan atau perakuan bekalan aset disempurnakan. Sebarang bayaran tambahan akan dicaj terus kepada aset berkenaan dalam tahun kewangan berkenaan.

b. Susut Nilai

Susut Nilai bagi hartaanah, loji dan peralatan dikira berasaskan kaedah garis lurus ke atas anggaran usia guna hartaanah, loji dan peralatan.

Tanah milik bebas dan projek dalam kemajuan tidak disusutnilaikan.

Kadar susut nilai tahunan hartaanah, loji dan peralatan adalah seperti berikut:

Tanah Pajakan	Sepanjang jangka pajak
Bangunan	5% atau ikut tempoh sewaan
Kemudahan	10%
Jentera	20%
Kenderaan	20%
Peralatan dan Kelengkapan Pejabat	20%
Peralatan dan Kelengkapan ICT	20%
Peralatan dan Kelengkapan lain	20%

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangka hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan jangka hayat aset yang boleh disusutnilai disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

Apabila loji dan peralatan dilupuskan, perbezaan di antara hasil pelupusan bersih dan nilai bawaan bersih dicaj atau dikreditkan ke penyata untung atau rugi.

3.5 PAJAKAN KEWANGAN DAN OPERASI

Aset yang dibiayai secara sewa beli dinyatakan pada nilai setara dengan nilai terendah antara nilai saksama dan nilai semasa pembayaran sewa beli minima pada permulaan sewa beli, ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai. Liabiliti berkaitan dinyatakan dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai pinjaman.

Bayaran sewa beli diagihkan di antara kos kewangan dan pengurangan baki liabiliti. Kos kewangan yang mewakili perbezaan di antara keseluruhan komitmen sewa beli dan nilai saksama aset diambil alih, dicajkan ke dalam penyata pendapatan di sepanjang tempoh sewa beli berkenaan untuk menghasilkan kadar faedah berkala yang tetap atas baki tanggungan untuk setiap tempoh perakaunan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2018

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.6 INSTRUMEN KEWANGAN

a. Pengiktirafan dan penilaian awal

Aset kewangan atau liabiliti kewangan diiktiraf dalam Penyata Kedudukan Kewangan apabila, dan hanya apabila, Universiti menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen tersebut.

Instrumen kewangan diiktiraf pada awalnya pada harga transaksi (termasuk kos urus niaga kecuali dalam pengiraan awal aset kewangan atau liabiliti kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi) melainkan transaksi pada hakikatnya adalah transaksi pembiayaan.

Jika transaksi itu menjadi suatu transaksi pembiayaan, aset kewangan atau liabiliti kewangan diukur pada nilai kini bayaran masa hadapan didiskaun pada kadar faedah pasaran bagi instrumen hutang yang serupa.

b. Penilaian berikutan

Instrumen hutang yang memenuhi syarat-syarat berikut diukur pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif:

- i. pulangan kepada pemegang boleh ditentukan, sebagai contoh amanah pembayaran yang tetap dan/atau kadar pulangan yang berubah berdasarkan kadar faedah yang boleh diperhatikan;
- ii. tidak ada peruntukan kontrak yang boleh menyebabkan pemegang kehilangan jumlah pokok atau apa-apa faedah kepada tempoh semasa atau terdahulu; dan
- iii. pilihan bayaran pendahuluan, jika ada, tidak bergantung pada peristiwa masa depan.

Instrumen hutang yang dikelaskan sebagai aset semasa atau liabiliti semasa diukur pada jumlah yang tidak didiskaunkan daripada tunai atau pertimbangan lain yang dijangka akan dibayar atau diterima melainkan transaksi pada hakikatnya adalah transaksi pembiayaan.

Pelaburan dalam saham biasa tidak beropsyen untuk dijual, dan pelaburan dalam saham yang tidak boleh ditukar dan saham keutamaan biasa tidak boleh dijual diukur pada kos ditolak rosot nilai, melainkan jika saham yang diniagakan secara awam atau nilai saksama boleh diukur dengan pasti, di mana pelaburan diukur pada nilai saksama dengan perubahan dalam nilai saksama diiktiraf dalam untung atau rugi.

Semua aset kewangan atau liabiliti kewangan yang tidak dinyatakan pada kos terlunas atau kos ditolak rosot nilai diukur pada nilai saksama dengan perubahan yang diiktiraf dalam untung atau rugi.

Semua aset kewangan (kecuali aset kewangan yang diukur pada nilai saksama melalui untung atau rugi) adalah dinilai pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif rosot nilai. Kerugian rosot nilai diukur sebagai berikut:-

- untuk instrumen diukur pada kos terlunas, kerugian rosot nilai adalah perbezaan di antara amanah dibawa aset dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah efektif aset yang asal.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.6 INSTRUMEN KEWANGAN (sambungan)

- untuk instrumen diukur pada kos ditolak rosot nilai, kerugian rosot nilai adalah perbezaan di antara amaun dibawa aset dan anggaran terbaik daripada jumlah yang akan diterima bagi aset tersebut jika ia dijual pada tarikh pelaporan.

c. Penyahiktirafan

Aset kewangan atau sebahagian daripadanya tidak diambil kira apabila, dan hanya apabila, hak kontraktual kepada aliran tunai daripada aset kewangan itu luput atau diselesaikan, atau kawalan aset tidak dikenakan atau sebahagian besar daripada risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan dipindahkan kepada pihak lain. Pada penyahiktirafan aset kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa aset kewangan tidak diiktiraf dan pertimbangan yang diterima, termasuk apa-apa hak yang baru diwujudkan dan obligasi, diiktiraf dalam untung atau rugi.

Liabiliti kewangan atau sebahagian daripadanya tidak diambil kira apabila, dan hanya apabila, obligasi yang dinyatakan dalam kontrak dilepaskan, dibatalkan atau ditamatkan. Pada penyahiktirafan liabiliti kewangan, perbezaan di antara amaun dibawa liabiliti kewangan yang dihapuskan atau dipindahkan kepada pihak lain dan pertimbangan dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai yang dipindahkan atau liabiliti diiktiraf dalam untung atau rugi.

d. Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

Nilai bawaan aset akan dikaji untuk rosot nilai apabila terdapat petunjuk bahawa keadaan rosot nilai mungkin berlaku. Rosot nilai diukur dengan membandingkan nilai bawaan aset dengan amaun yang boleh diperolehi. Apabila amaun bawaan aset melebihi amaun boleh diperoleh, aset tersebut akan dikurangkan kepada amaun boleh diperoleh dan kerugian rosot nilai akan diiktiraf. Amaun boleh diperoleh aset tersebut adalah amaun yang lebih tinggi daripada nilai saksama aset ditolak kos untuk menjual dan nilai boleh guna yang diukur dengan merujuk kepada aliran tunai masa depan terdiskaun. Jumlah yang boleh diperoleh adalah dianggarkan untuk aset individu, atau bagi unit penjanaan tunai.

Kerugian daripada rosot nilai dicaj kepada untung atau rugi dengan serta-merta, melainkan aset dibawa pada amaun yang dinilai semula. Sebarang kerugian rosotnilai bagi aset yang dinilai semula diambilkira sebagai pengurangan penilaian semula sehingga ke tahap lebihan penilaian semula yang diiktiraf terdahulu bagi aset yang sama. Peningkatan selanjutnya dalam amaun boleh diperolehi semula aset dianggap sebagai keterbalikan kerugian rosotnilai terdahulu dan diiktiraf sehingga ke tahap amaun bawaan aset tersebut yang sepatutnya ditentukan (bersih daripada pelunasan dan susutnilai) jika tiada kerugian rosot nilai diiktiraf.

Pembalikan amaun penilaian semula diiktiraf dalam untung atau rugi dengan serta-merta, melainkan aset dibawa pada amaun penilaian semula. Pembalikan kerugian rosot nilai pada aset yang dinilai semula dikreditkan secara langsung ke rizab penilaian semula. Walau bagaimanapun, pembalikan kerugian rosotnilai akan diiktiraf sebagai pendapatan dalam keuntungan atau kerugian setakat kerugian rosot nilai atas aset penilaian semula yang sama dimana sebelum ini akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam untung atau rugi.

3.7 PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

Syarikat subsidiari adalah sebuah syarikat di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal dasar kewangan dan operasi syarikat tersebut bagi memperoleh manfaat daripada aktivitinya. Pelaburan dalam syarikat subsidiari dinyatakan pada kos ditolak peruntukan rosot nilai, jika ada.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2018

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.8 ASET TAK KETARA

Kos aset tak ketara bagi Paten, Cap Dagang, Reka Bentuk Industri, Hakcipta, Varieti Tumbuhan Baru, Rekabentuk Susun Atur Litar Bersepadu dan Perbaharuan Utiliti meliputi kos awalan pemfailan harta intelek melibatkan semua projek inovasi yang mempunyai nilai komersil pada masa akan datang. Semua kos penyelidikan dan pembangunan telah diiktiraf sebagai belanja. Pelunasan seterusnya dibuat berdasarkan kepada jangka usia aset tak ketara tersebut.

3.9 INVENTORI

Inventori adalah terdiri daripada ubat-ubatan dan bahan pakai habis dan dinyatakan pada nilai yang lebih rendah antara kos dan anggaran harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan. Kos inventori terdiri daripada semua kos pembelian, kos penukaran dan kos lain yang dilibatkan dalam membawa inventori ke lokasi dan keadaan semasanya. Kos inventori diukur dengan menggunakan kaedah Kos Purata Berwajaran.

Pada setiap tarikh pelaporan, inventori akan dinilai untuk rosotnilai. Jika sesuatu item inventori dirosotnilai aman bawaan dikurangkan kepada harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan; kerugian rosotnilai diiktiraf dengan serta merta dalam untung atau rugi. Pada setiap tarikh pelaporan, Kumpulan akan membuat penilaian baru harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan. Jika terdapat sebarang tanda bahawa kerugian rosotnilai diiktiraf dalam tempoh sebelumnya mungkin tidak lagi wujud atau apabila terdapat bukti jelas peningkatan dalam harga jualan ditolak kos untuk siapan dan jualan disebabkan oleh perubahan keadaan ekonomi, kerugian rosotnilai dibalikkan setakat di mana aman bawaan baru adalah lebih rendah antara kos dan harga jualan yang disemak semula ditolak kos untuk siapan dan jualan.

3.10 TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan, baki di bank, simpanan tetap dan pasaran wang di dalam institusi kewangan.

3.11 CUKAI PENDAPATAN

UKM adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan dibawah perenggan 13 Jadual 6, Akta Cukai Pendapatan 1967 kecuali bagi pendapatan dividen.

Cukai dalam penyata kewangan anak syarikat terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa ialah jangkaan cukai yang perlu dibayar terhadap pendapatan boleh cukai pada tahun semasa, menggunakan kadar cukai yang diterimapakai atau sebahagian besarnya diterimapakai pada tarikh Penyata Kedudukan Kewangan, dan apa-apa pelarasan ke atas cukai perlu dibayar bagi tahun-tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diperuntukkan ke atas perbezaan sementara yang merupakan perbezaan di antara aman bawaan dalam penyata kewangan dan asas cukai yang sama bagi aset dan liabiliti pada akhir tempoh pelaporan.

Liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara boleh dicukai yang dijangka meningkatkan keuntungan boleh dicukai pada masa depan. Aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara yang boleh ditolak yang dijangka akan mengurangkan boleh cukai pada masa depan dan kerugian cukai tidak digunakan yang dibawa ke hadapan dan kredit cukai yang boleh digunakan.

Liabiliti dan aset cukai tertunda menggambarkan akibat cukai yang akan mengikuti daripada cara Kumpulan dan Universiti menjangkakan untuk mendapatkan semula atau menyelesaikan aman bawaan aset dan liabiliti dan diukur pada kadar cukai dan undang-undang yang dijangka akan digunakan untuk tempoh apabila aset tersebut.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.11 CUKAI PENDAPATAN (sambungan)

direalisasi atau liabiliti diselesaikan, berdasarkan kadar cukai yang telah digubal atau sebahagian besarnya digubal menjelang tarikh pelaporan.

3.12 MANFAAT PEKERJA

a. Manfaat Pekerja Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan sumbangan keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun kewangan di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Universiti juga telah mengakaunkan bayaran ganjaran cuti rehat bagi pekerja tetap yang akan bersara pada tahun kewangan berikutnya serta bayaran pampasan bagi pekerja kontrak yang akan tamat pada tahun kewangan berikutnya sebagai Liabiliti Manfaat Pekerja Jangka Pendek.

b. Pelan Caruman Tetap

Universiti membuat caruman kepada KWSP bagi pekerja yang memilih faedah KWSP atau Tabung Amanah Pencen Kerajaan bagi pekerja yang telah diletakkan di dalam skim pencen dan sumbangan tersebut diambil kira sebagai perbelanjaan di dalam Penyata Pendapatan apabila perbelanjaan tersebut dilakukan.

c. Manfaat Pekerja Jangka Panjang

Manfaat pekerja yang dibayar selepas persaraan diiktiraf secara akruan dalam untung atau rugi dalam tahun kewangan semasa sebagai Perbelanjaan Manfaat Pekerja dan di dalam Penyata Kedudukan Kewangan sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Peruntukan Manfaat Pekerja Jangka Panjang.

Jenis peruntukan manfaat pekerja yang diiktiraf secara akruan adalah bayaran gantian cuti rehat untuk pekerja yang telah mencapai umur persaraan wajib dengan andaian seorang pekerja mengumpulkan cuti tahunan sebanyak 15 hari setahun sehingga mencapai tahap maksima 150 hari semasa ianya bersara. Kadar gaji semasa telah digunakan untuk mengira amaun liabiliti tersebut. Pengiraan peruntukan gantian cuti rehat adalah berdasarkan kaedah penilaian aktuari yang dijalankan pada setiap tahun.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2018

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.13 KUMPULAN WANG

a. Mengurus

Kumpulan wang mengurus merujuk kepada aktiviti operasi pengurusan Universiti.

b. Pembangunan

Kumpulan wang pembangunan merujuk kepada lebihan penilaian semula aset tanah universiti.

c. Entiti Perniagaan

Kumpulan wang entiti perniagaan merujuk kepada aktiviti komersial universiti.

d. Tabung Amanah Dan Akaun Khas

Kumpulan wang tabung amanah dan akaun khas merujuk kepada aktiviti yang dikhususkan untuk akaun amanah dan akaun khas lain.

e. Hasil

Kumpulan wang hasil merujuk kepada jumlah hasil yang dianakan oleh Universiti serta perbelanjaan langsung dan perbelanjaan lain yang berkaitan bagi aktiviti penjanaan hasil tersebut.

f. Kumpulan Wang Pelaburan

Kumpulan wang pelaburan merujuk kepada aktiviti berkaitan dengan dana pelaburan yang diluluskan oleh pihak Universiti.

g. Kumpulan Wang Pinjaman

Kumpulan wang pinjaman merujuk kepada aktiviti pinjaman bagi pinjaman komputer dan pinjaman kenderaan UKM.

4. HARTA NAH, LOJI DAN PERALATAN

	KUMPULAN						2017			
	Tanah Pajakan	Tanah Milik Bebas	Bangunan Dan Pembaikan Bangunan	Kemudahan Dan Pembaikan Kemudahan	Jentera	Kenderaan	Peralatan Dan Kelengkapan ICT	Peralatan Dan Kelengkapan Lain	Projek Dalam Kemajuan	2018
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kos										
Pada 1 Januari 2018	1,070,222	4,912,447	1,653,212	97,775	9,734	28,813	98,127	196,226	991,079	40,456
Tambahan	-	-	3,948	-	-	595	3,942	2,845	17,464	65,433
Peupusan	-	-	-	-	-	(1,053)	(2,724)	(11,084)	(79,646)	-
Pindahan	-	-	-	-	-	-	16	1,530	-	(1,546)
Pada 31 Disember 2018	1,070,222	4,912,447	1,657,160	97,775	9,734	28,355	99,361	189,517	928,897	104,343
Susutnilai Terkumpul										
Pada 1 Januari 2018	21,733	-	1,047,612	74,827	8,654	27,251	87,484	179,393	897,731	-
Susutnilai semasa	10,814	-	44,466	4,455	446	844	3,875	6,536	35,945	-
Susutnilai penjualan	-	-	-	-	-	(1,053)	(2,694)	(11,044)	(79,605)	-
Susutnilai pelupusan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(15,339)
Pada 31 Disember 2018	32,547	-	1,092,078	79,282	9,100	27,042	88,665	174,885	854,071	-
Nilai Buku Bersih										
Pada 31 Disember 2018	1,037,675	4,912,447	565,085	18,493	633	1,551	10,237	14,637	74,821	104,345
Pada 31 Disember 2017	1,048,489	4,912,447	605,600	22,948	1,080	1,562	10,643	16,833	93,348	40,456
Susutnilai untuk tahun 2017	10,811	-	46,231	4,456	1,319	1,195	6,278	7,309	41,429	-
										119,028

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2018



UNIVERSITI

	Tanah Pajakan	Tanah Milik Bebas	Bangunan Dan Pembaikan Bangunan	Kemudahan Dan Pembaikan Kemudahan	Jentera	Kenderaan Pejabat	Peralatan Dan Kelengkapan ICT	Peralatan Dan Kelengkapan Lain	Projek Dalam Kemajuan	2018	2017
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kos											
Pada 1 Januari 2018	1,070,222	4,912,447	1,649,429	97,775	9,734	28,762	87,890	196,261	991,079	32,290	9,075,889
Tambahan	-	-	-	-	-	595	1,672	2,845	17,464	37,279	59,855
Pelupusan	-	-	-	-	-	(1,053)	(2,724)	(11,084)	(79,646)	-	(94,507)
Pindahan	-	-	-	-	-	-	16	1,530	-	(1,546)	-
Pada 31 Disember 2018	1,070,223	4,912,447	1,649,429	97,775	9,733	28,303	86,855	189,552	926,897	68,024	9,041,237
											9,075,889
Susutnilai Terkumpul											
Pada 1 Januari 2018	21,733	-	1,046,353	74,827	8,654	27,087	79,838	179,424	897,735	-	2,335,651
Susutnilai semasa	10,814	-	44,098	4,455	446	813	3,228	6,536	35,945	-	106,335
Susutnilai penjualan	-	-	-	-	-	(1,053)	(2,693)	(11,044)	(79,605)	-	(94,395)
Susutnilai Pelupusan	-	-	-	-	-	-	-	-	-	-	(15,339)
Pada 31 Disember 2018	32,547	-	1,090,450	79,282	9,100	26,847	80,376	174,916	854,076	-	2,347,591
											2,335,651
Nilai Buku Bersih											
Pada 31 Disember 2018	1,037,675	4,912,447	558,979	18,493	633	1,457	6,479	14,637	74,821	68,024	6,693,646
Pada 31 Disember 2017	1,048,490	4,912,447	603,076	22,948	1,079	1,676	8,052	16,836	93,344	32,290	6,740,238
Susutnilai untuk tahun 2017	10,811	-	46,088	4,456	1,319	1,165	5,417	7,309	41,429	-	117,994

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

- 4.1 Penggunaan tanah-tanah adalah terhad untuk tujuan pendidikan dan penyelidikan.
- 4.2 Nilai buku bersih bagi bangunan sewa yang dipermodalkan sebagai harta, loji dan peralatan Universiti dalam tempoh perjanjian sewaan bernilai **RM728,000** (2017:RM1,004,000).

5. PELABURAN

KUMPULAN DAN UNIVERSITI

	2018 RM'000	2017 RM'000
a) Pelaburan dengan pengurus dana berlesen	10,941	13,289
b) Pelaburan lain :		
i) Saham Siar Harga	70,115	57,303
ii) Saham Tidak Siar Harga	500	500
Jumlah	81,556	71,092

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2018

6. PELABURAN DALAM SYARIKAT SUBSIDIARI

Syarikat subsidiari Universiti ditubuhkan di Malaysia dan butiran lanjut adalah seperti berikut:

<u>No.</u>	<u>Nama Syarikat</u>	<u>Jumlah</u>	<u>Pegangan Ekuiti</u>	<u>Aktiviti Utama</u>
		<u>Pegangan Saham</u>		
		<u>2018</u>	<u>2017</u>	
1.	UKM Holdings Sdn. Bhd.*	5,000,000	100%	Perkhidmatan pengurusan, pelaburan dan operasi restoran serta rumah rehat
2.	UKM Technology Sdn. Bhd.*	1,000,000	100%	Perkhidmatan perundingan pemindahan teknologi

Maklumat lengkap syarikat-syarikat subsidiari di bawah UKM Holdings Sdn. Bhd. yang tidak tersiar harga dan ditubuhkan di Malaysia adalah seperti berikut:

<u>No.</u>	<u>Nama Syarikat</u>	<u>Jumlah</u>	<u>Pegangan Ekuiti</u>	<u>Aktiviti Utama</u>
		<u>Pegangan Saham</u>		
		<u>2018</u>	<u>2017</u>	
1.	UKM Kesihatan Sdn. Bhd.*	2,000,000	100%	Perundingan kesihatan dan perkhidmatan perubatan serta hospital
2.	UKM Pakarunding Sdn. Bhd.*	2,500,000	100%	Perkhidmatan perundingan
3.	Unipeq Sdn. Bhd.*	250,000	100%	Perkhidmatan perundingan pemakanan
4.	Puri Pujangga Sdn. Bhd.*	1,000,000	100%	Rumah tamu universiti, restoran dan kafe serta pengurusan acara
5.	UKM Daya Urus Sdn. Bhd.* (<i>Sebelum ini dikenali sebagai UKM Teem Sdn. Bhd.</i>)	500,000	100%	Perkhidmatan pengubahsuaian dan penyelenggaran
6.	UKM Cetak Sdn. Bhd.*	500,000	100%	Percetakan

* Tidak diaudit oleh Jabatan Audit Negara

7. ASET TAK KETARA

KUMPULAN DAN UNIVERSITI

	Paten	Cap Dagang		Reka Bentuk Industri	Hakcipta	Varieti Tumbuhan Baru	Rekabentuk Susun Atur Litar Bersepadu	Perbaharuan Utiliti	2018	2017
				RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Kos										
Pada 1 Januari 2018		3,458	281	28	150	34	2	121	4,074	3,857
Tambahan		161	10	4	8	-	-	19	202	217
Pada 31 Disember 2018		3,619	291	32	158	34	2	140	4,276	4,074
Pelunasan										
Pada 1 Januari 2018		1,245	214	30	61	13	-	25	1,588	650
Pelunasan		181	43	(21)	16	2	-	7	228	218
Pelarasan		-	-	-	-	-	-	-	720	
Pada 31 Disember 2018		1,426	257	9	77	15	-	32	1,816	1,588
Nilai Buku Bersih										
Pada 31 Disember 2018		2,193	34	23	81	19	2	108	2,460	-
Pada 31 Disember 2017		2,213	67	(2)	89	21	2	96	-	2,486
Pelunasan untuk tahun 2017		173	-	22	15	2	-	6	-	218

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2018

8. PENGHUTANG PINJAMAN KAKITANGAN

KUMPULAN DAN UNIVERSITI

	Nota	2018 RM'000	2017 RM'000
Terdiri daripada:-			
Pinjaman Jangka Pendek (< 12bulan)			
Kenderaan		2,463	1,331
Komputer		649	672
Jumlah Pinjaman Jangka Pendek	11	<u>3,112</u>	<u>2,003</u>
Pinjaman Jangka Panjang (> 1 hingga 4 tahun)			
Kenderaan		2,371	2,616
Komputer		831	894
Jumlah Pinjaman Jangka Panjang		<u>3,202</u>	<u>3,510</u>
Pinjaman Jangka Panjang (> 5 tahun)			
Kenderaan		1,449	1,540
Komputer		78	86
Jumlah Pinjaman Jangka Panjang		<u>1,527</u>	<u>1,626</u>
Tolak: Peruntukan Hutang Ragu			
Kenderaan		(93)	(40)
Komputer		(91)	(71)
Jumlah Bersih Pinjaman Jangka Panjang		<u>4,545</u>	<u>5,025</u>
Jumlah Pinjaman		<u>7,657</u>	<u>7,028</u>

9. INVENTORI

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018	2017	2018	2017
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Dinyatakan pada kos:				
a. Ubat-ubatan	23,427	14,359	19,288	10,946
b. Bekalan bahan pakai habis hospital	4,581	7,711	4,540	7,677
Jumlah	28,008	22,070	23,828	18,623

Amaun inventori diiktiraf sebagai perbelanjaan berjumlah RM104,916,000 (2017:RM100,232,000) sepanjang tahun kewangan.

10. PENGHUTANG

	KUMPULAN					
	<u>Jumlah Kasar</u>		<u>Peruntukan Hutang Ragu</u>		<u>Jumlah Bersih</u>	
	2018	2017	2018	2017	2018	2017
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Terdiri daripada:						
a. Pelajar/Mahasiswa	58,761	61,717	3,830	4,696	54,931	57,021
b. Syarikat/Penaja	53,615	57,140	7,770	4,774	45,845	52,366
c. Pesakit	18,518	21,971	9,077	10,529	9,441	11,442
d. Individu/Kakitangan	5,609	4,499	2,283	1,444	3,326	3,055
Jumlah	136,503	145,327	22,960	21,443	113,543	123,884

	UNIVERSITI					
	<u>Jumlah Kasar</u>		<u>Peruntukan Hutang Ragu</u>		<u>Jumlah Bersih</u>	
	2018	2017	2018	2017	2018	2017
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Terdiri daripada:						
a. Pelajar/Mahasiswa	58,761	61,717	3,830	4,696	54,931	57,021
b. Syarikat/Penaja	35,928	39,076	6,431	3,452	29,497	35,624
c. Pesakit	18,518	21,971	9,077	10,529	9,441	11,442
d. Individu/Kakitangan	5,609	4,499	2,283	1,444	3,326	3,055
Jumlah	118,816	127,263	21,621	20,121	97,195	107,142

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2018

11. PELBAGAI PENGHUTANG

KUMPULAN

	<u>Jumlah Kasar</u>		<u>Peruntukan Hutang Ragu</u>		<u>Jumlah Bersih</u>	
	2018 RM'000	2017 RM'000	2018 RM'000	2017 RM'000	2018 RM'000	2017 RM'000
Terdiri daripada:						
a. Penghutang Pinjaman Kakitangan						
- Pinjaman Kenderaan	2,463	1,331	-	-	2,463	1,331
- Pinjaman Komputer	649	672	-	-	649	672
b. Pinjaman Mahasiswa	3	3	3	-	-	3
c. Penghutang Gantirugi Cuti Belajar	36,589	36,425	12,798	11,981	23,791	24,444
d. Penghutang Pecah Kontrak Perkhidmatan	1,066	958	544	338	522	620
e. Pelbagai Penghutang Lain	7,002	5,816	235	235	6,767	5,581
f. Pendahuluan Diberi	208	208	42	175	166	33
g. Pelbagai Deposit	2,530	4,426	-	-	2,530	4,426
h. Pendapatan Terakru	12,432	13,017	-	-	12,432	13,017
Jumlah	62,942	62,856	13,622	12,729	49,320	50,127

UNIVERSITI

	<u>Jumlah Kasar</u>		<u>Peruntukan Hutang Ragu</u>		<u>Jumlah Bersih</u>	
	2018 RM'000	2017 RM'000	2018 RM'000	2017 RM'000	2018 RM'000	2017 RM'000
Terdiri daripada:						
a. Penghutang Pinjaman Kakitangan						
- Pinjaman Kenderaan	2,463	1,331	-	-	2,463	1,331
- Pinjaman Komputer	649	672	-	-	649	672
b. Pinjaman Mahasiswa	3	3	3	-	-	3
c. Penghutang Gantirugi Cuti Belajar	36,589	36,425	12,798	11,981	23,791	24,444
d. Penghutang Pecah Kontrak Perkhidmatan	1,066	958	544	338	522	620
e. Pelbagai Penghutang Lain	37	705	-	-	37	705
f. Pendahuluan Diberi	208	208	42	175	166	33
g. Pelbagai Deposit	1,963	1,818	-	-	1,963	1,818
h. Pendapatan Terakru	12,432	13,017	-	-	12,432	13,017
Jumlah	55,410	55,137	13,387	12,494	42,023	42,643

12. TERHUTANG OLEH SYARIKAT SUBSIDIARI

Jumlah yang terhutang oleh syarikat subsidiari tidak dikenakan sebarang faedah dan dibayar jika dituntut kecuali jumlah terhutang oleh syarikat subsidiari iaitu UNIPEQ Sdn Bhd.

Universiti menerima pembayaran balik pendahuluan pembelian aset dari UNIPEQ Sdn Bhd berjumlah RM544,625 dengan ansuran selama 77 bulan sebanyak RM7,000 dan RM5,625 untuk ansuran terakhir.

	UNIVERSITI	
	2018	2017
Terdiri daripada:	RM'000	RM'000
a. UKM Holdings Sdn Bhd	989	1,062
b. UKM Pakarunding Sdn Bhd	1,394	1,336
c. UKM Kesihatan Sdn Bhd	2,321	1,288
d. Unipeq Sdn Bhd	41	132
e. Puri Pujangga Sdn Bhd	1,404	874
f. UKM Cetak Sdn Bhd	471	-
Jumlah	6,620	4,692

13. SIMPANAN TETAP

Terdiri daripada :	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018	2017	2018	2017
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Simpanan Tetap di Bank	810,176	855,348	803,393	842,594
Simpanan Tetap di Institusi Kewangan Berlesen	54,405	53,374	54,405	53,374
Jumlah	864,581	908,722	857,798	895,968

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2018

14. WANG TUNAI DI TANGAN DAN BAKI DI BANK

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM'000	2017 RM'000	2018 RM'000	2017 RM'000
Terdiri daripada:				
a. Baki Wang Tunai Di Tangan	394	382	394	382
b. Baki Wang Di Bank	82,120	44,031	66,061	31,314
Jumlah	<u>82,514</u>	<u>44,413</u>	<u>66,455</u>	<u>31,696</u>

15. GERAN TERTUNDA

Geran tertunda terdiri daripada baki peruntukan kumpulan wang yang masih belum dibelanjakan dalam tahun kewangan semasa dan dipertanggungkan sebagai liabiliti bukan semasa:

	KUMPULAN DAN UNIVERSITI					
	KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN		KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN		JUMLAH	
	2018	2017	2018	2017	2018	2017
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
<i>Pergerakan geran tertunda</i>						
Pada 1 Januari	551,894	635,386	259,790	248,910	811,684	884,296
Penerimaan Geran	23,000	3,300	68,629	87,071	91,629	90,371
Lain-lain penerimaan	7,994	704	-	-	7,994	704
Pemulangan Geran	-	-	(5,455)	(8,016)	(5,455)	(8,016)
Tolak : Pelunasan dalam tahun						
Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan	(69,383)	(74,089)	(9,012)	(11,431)	(78,395)	(85,520)
Emolumen	(44)	(13,407)	(15,254)	(15,298)	(13,407)	
Perkhidmatan dan Bekalan	(11,882)	-	(40,149)	(56,744)	(52,031)	(56,744)
Pada 31 Disember	501,579	551,894	258,549	259,790	760,128	811,684

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2018

16. PINJAMAN

	KUMPULAN	
	2018	2017
	RM'000	RM'000
Baki pada 1 Januari	2,000	-
Tambahan	<u>32,639</u>	<u>2,000</u>
Baki pada 31 Disember	<u><u>34,639</u></u>	<u><u>2,000</u></u>

Tambahan terdiri daripada:

	KUMPULAN	
	2018	2017
	RM'000	RM'000
a. Pinjaman Kredit Pusingan	8,000	2,000
b. Surat Kredit (bercagar)	22,975	-
c. Pinjaman berjangka (bercagar)	<u>1,664</u>	<u>-</u>
	<u><u>32,639</u></u>	<u><u>2,000</u></u>

Tujuan pinjaman kredit dibuat adalah untuk keperluan modal kerja. Kadar keuntungan efektif yang dikenakan adalah sebanyak 1% ke atas kos dana bank yang memberi pinjaman.

Surat kredit (bercagar) dan pinjaman berjangka (bercagar) dijamin dengan jaminan peralatan perubatan bagi subsidiari UKM Kesihatan Sdn Bhd iaitu pinjaman di bawah jaminan korporat syarikat induk pertengahan. Kadar keuntungan efektif adalah 5.5% setahun.

17. MANFAAT PEKERJA

KUMPULAN DAN UNIVERSITI

	2018 RM'000	2017 RM'000
Pada awal tahun	104,048	121,924
Peruntukan tahun semasa	9,915	-
Lebihan peruntukan tahun lepas	-	(13,207)
Pembayaran tahun semasa	(5,470)	(4,669)
Pada akhir tahun	108,493	104,048
Butiran manfaat pekerja :		
Manfaat pekerja jangka pendek	7,279	3,042
Manfaat pekerja jangka panjang	101,214	101,006
	108,493	104,048

Peruntukan manfaat pekerja UKM merupakan obligasi tidak berdana. Andaian utama yang telah digunakan dalam pengiraan kaedah aktuari pada tahun semasa adalah dengan mengambilkira kadar diskaun 4% (2017:4%).

18. AKAUN KHAS – DANA PENYELIDIKAN

Akaun khas merupakan penerimaan daripada pihak ketiga untuk tujuan penyelidikan berkontrak untuk disalurkan kepada pihak lain. Anak syarikat Universiti mengenakan yuran pengurusan antara 5% - 10% ke atas jumlah kontrak.

	KUMPULAN					
	<u>UKMH</u>		<u>UKMT</u>		<u>JUMLAH</u>	
	2018 RM'000	2017 RM'000	2018 RM'000	2017 RM'000	2018 RM'000	2017 RM'000
Pada 1 Januari	563	595	3,017	1,592	3,580	2,187
Tambahan	-	-	1,562	1,893	1,562	1,893
Dana disalur kepada pihak ketiga	(44)	(32)	(892)	(468)	(936)	(500)
Pada 31 Disember	519	563	3,687	3,017	4,206	3,580

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2018

19. PEMIUTANG

Nota	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018	2017	2018	2017
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Terdiri daripada:				
a. Pemiutang Kakitangan	321	922	321	922
b. Manfaat Pekerja Jangka Pendek	17	7,279	3,042	7,279
c. Pembekal Luar		12,032	24,775	3,858
d. Pelajar		3,649	9,767	3,649
e. Lain-lain Pemiutang	11,574	1,728	28	27
Jumlah	34,855	40,234	15,135	30,343

20. PELBAGAI PEMIUTANG

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018	2017	2018	2017
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Terdiri daripada:				
a. Penaja Biasiswa/Pinjaman	3	3	3	3
b. Sumbangan Berkanun Belum Bayar	91	89	91	89
c. Pelbagai Akruan	6,021	23,391	95	94
d. Terhutang kepada subsidiari	-	-	64	-
e. Wakaf dan Zakat	1,802	575	1,802	575
f. Lain-lain	11,599	19	53	19
Jumlah	19,516	24,077	2,108	780

21. PELBAGAI DEPOSIT DAN WANG TAHANAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018	2017	2018	2017
	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
Terdiri daripada:				
a. Akaun Medico Legal	214	157	214	157
b. Wang Tahanan dan Pertaruhan	16,740	16,216	16,740	16,216
Jumlah	16,954	16,373	16,954	16,373

22. NOTA PENYATA PENDAPATAN

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM'000	2017 RM'000	2018 RM'000	2017 RM'000
Pendapatan-pendapatan Lain				
Hasil perkhidmatan	38,645	49,950	21,652	21,706
Hasil jualan barang	49,239	26,899	49,239	26,899
Sewa	21,281	22,118	19,229	18,094
Denda	6,893	8,357	6,893	8,357
Yuran Pendaftaran Pesakit	2,567	2,677	2,567	2,677
Yuran Pengurusan	36	162	-	-
Pelbagai Hasil	37,135	60,451	35,590	57,506
Hasil Wakaf atau Zakat dilunaskan	6,436	-	6,436	-
	<u>162,232</u>	<u>170,614</u>	<u>141,606</u>	<u>135,239</u>

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM'000	2017 RM'000	2018 RM'000	2017 RM'000
Perkhidmatan dan Bekalan				
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup	9,613	10,128	9,613	10,129
Pengangkutan	630	559	630	559
Perhubungan dan utiliti	66,897	73,310	67,202	73,310
Sewaan	12,875	19,717	16,705	19,717
Bekalan dan Pakai Habis	168,676	187,386	168,676	187,386
Penyelenggaraan	166,533	175,508	85,608	90,582
Perkhidmatan Ikhtisas dan hospitaliti	157,102	148,015	157,102	148,015
	<u>582,326</u>	<u>614,623</u>	<u>505,536</u>	<u>529,698</u>

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM'000	2017 RM'000	2018 RM'000	2017 RM'000
Perbelanjaan Lain				
Belanja/(Pemulihan) Hutang Ragu	8,902	17,468	8,902	16,146
Pelupusan Hartanah, Loji dan Peralatan	111	199	111	199
Pelbagai Perbelanjaan	33,298	36,100	33,298	36,082
	<u>42,311</u>	<u>53,767</u>	<u>42,311</u>	<u>52,427</u>

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2018

23. PERCUKAIAN

Terdiri daripada:

	KUMPULAN	
	2018 RM'000	2017 RM'000
Zakat	20	-
Cukai Pendapatan :		
Peruntukan tahun semasa	1,979	1,692
(Kurangan) /Lebihan Peruntukan Cukai	(27)	134
	<hr/>	<hr/>
	1,972	1,826
	<hr/>	<hr/>

Perbezaan percukaian pada kadar efektif dan kadar statutori dibentangkan di dalam penyesuaian seperti berikut :

Keuntungan yang dikenakan cukai	5,969	2,528
Percukaian Malaysia pada kadar berkanun 24% (2017:24%)	1,432	606
Kesan cukai disebabkan oleh :-		
Perbelanjaan tidak dibenarkan	911	860
(Kurangan) /Lebihan Peruntukan Cukai tahun terdahulu	(27)	134
Elaun Modal	(683)	(252)
Aset cukai tidak diiktiraf	335	483
Pendapatan tidak dikenakan cukai	-	(5)
Kesan Penurunan Cukai	(16)	-
	<hr/>	<hr/>
	1,952	1,826
	<hr/>	<hr/>
Zakat	20	
	<hr/>	
	1,972	1,826
	<hr/>	<hr/>

24. KOMITMEN

Komitmen adalah terdiri daripada komitmen modal dan bukan modal seperti berikut:

	UNIVERSITI		
	UKM INDUK	HCTM	JUMLAH
	RM'000	RM'000	RM'000
a. Telah dikontrakkan dan belum dibekalkan			
i. Kumpulan Wang Mengurus	-	371,101	371,101
ii. Kumpulan Wang Hasil	4,504	-	4,504
iii. Kumpulan Wang Pembangunan	1,175	-	1,175
iv. Kumpulan Wang Penyelidikan	1,167	-	1,167
v. Kumpulan Wang Tabung Amanah Dan Akaun Khas	653	80,239	80,892
vi. Kumpulan Wang Entiti Perniagaan	174	-	174
Jumlah	<u>7,673</u>	<u>451,340</u>	<u>459,013</u>
b. Telah diluluskan dan belum dikontrakkan			
i. Kumpulan Wang Mengurus	3,601	2,804	6,405
ii. Kumpulan Wang Penyelidikan	855	-	855
iii. Kumpulan Wang Tabung Amanah Dan Akaun Khas	911	-	911
Jumlah	<u>5,367</u>	<u>2,804</u>	<u>8,171</u>
Jumlah Besar	<u>13,040</u>	<u>454,144</u>	<u>467,184</u>

25. LIABILITI LUAR JANGKA

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2018, sebanyak **RM60,000 (2017:RM3,700,000)** merupakan tuntutan luar jangka bagi kes-kes tuntutan mahkamah yang masih dalam perbicaraan. Semua kes tuntutan luar jangka ini dilindungi oleh insurans.

26. ASET KOTINGENSI – GANTIRUGI CUTI BELAJAR

Gantirugi cuti belajar yang masih dalam proses tindakan undang-undang adalah berjumlah **RM1,600,000 (2017:RM5,300,000)**. Penghutang ini akan diiktiraf dalam penyata kewangan apabila keputusan tindakan mahkamah telah ditentukan.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2018

27. INSTRUMEN KEWANGAN

Instumen kewangan adalah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan bagi satu pihak perniagaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi satu pihak perniagaan yang lain.

KUMPULAN	Nilai saksama melalui lebihan atau kurangan RM'000	Aset/ Liabiliti kewangan pada kos terlunas RM'000	Kos selepas rosotnilai RM'000	Jumlah RM'000
2018				
Aset Kewangan				
Pelaburan	-	81,556	-	81,556
Penghutang pinjaman kakitangan	-	4,545	-	4,545
Penghutang dan pelbagai penghutang	-	162,863	-	162,863
Simpanan Tetap	-	864,581	-	864,581
Wang tunai di tangan dan baki di bank	-	82,514	-	82,514
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Liabiliti Kewangan				
Pinjaman	-	34,639	-	34,639
Pembiutang dan pelbagai pembiutang	-	42,825	-	42,825
Pelbagai deposit dan wang tahanan	-	16,954	-	16,954
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
UNIVERSITI				
2018				
Aset Kewangan				
Pelaburan	-	81,556	-	81,556
Penghutang pinjaman kakitangan	-	4,545	-	4,545
Penghutang dan pelbagai penghutang	-	139,218	-	139,218
Terhutang oleh syarikat subsidiari	-	6,620	-	6,620
Simpanan Tetap	-	857,798	-	857,798
Wang tunai di tangan dan baki di bank	-	66,455	-	66,455
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Liabiliti Kewangan				
Pembiutang dan pelbagai pembiutang	-	17,243	-	17,243
Pelbagai deposit dan wang tahanan	-	16,954	-	16,954
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

27. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

	Nilai saksama melalui lebihan atau kurangan	Aset/ Liabiliti kewangan pada kos terlunas	Kos selepas rosotnilai	Jumlah
KUMPULAN	RM'000	RM'000	RM'000	RM'000
2017				
Aset Kewangan				
Pelaburan	-	71,092	-	71,092
Penghutang pinjaman kakitangan	-	5,025	-	5,025
Penghutang dan pelbagai penghutang	-	174,011	-	174,011
Simpanan Tetap	-	908,722	-	908,722
Wang tunai di tangan dan baki di bank	-	44,413	-	44,413
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Liabiliti Kewangan				
Pinjaman	-	2,000	-	2,000
Pembiutang dan pelbagai pembiutang	-	64,311	-	64,311
Pelbagai deposit dan wang tahanan	-	16,373	-	16,373
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
UNIVERSITI				
2017				
Aset Kewangan				
Pelaburan	-	71,092	-	71,092
Penghutang pinjaman kakitangan	-	5,025	-	5,025
Penghutang dan pelbagai penghutang	-	149,785	-	149,785
Terhutang oleh syarikat subsidiari	-	4,692	-	4,692
Simpanan Tetap	-	895,968	-	895,968
Wang tunai di tangan dan baki di bank	-	31,696	-	31,696
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Liabiliti Kewangan				
Pembiutang dan pelbagai pembiutang	-	31,123	-	31,123
Pelbagai deposit dan wang tahanan	-	16,373	-	16,373
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	<hr/>	<hr/>	<hr/>	<hr/>

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2018

28. ANGKA BANDINGAN

Beberapa angka bandingan tertentu telah dikelaskan semula di mana perlu disesuaikan dengan persembahan tahun semasa. Pindaan telah dibuat ke atas angka-angka perbandingan bagi tahun berakhir 31 Disember 2017 seperti berikut:

	Seperti Dilaporkan Terdahulu RM '000	Pelarasan RM '000	Seperti Dinyatakan Semula RM '000
--	---	----------------------	--

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

KUMPULAN

Aset Bukan Semasa :

Hartanah, loji dan peralatan	6,696,537	43,701	6,740,238
Projek dalam kemajuan	32,290	(32,290)	-
Pelaburan Hartanah	<u>11,411</u>	<u>(11,411)</u>	<u>-</u>

UNIVERSITI

Aset Bukan Semasa :

Hartanah, loji dan peralatan	6,701,539	51,867	6,753,406
Projek dalam kemajuan	40,456	(40,456)	-
Pelaburan Hartanah	<u>11,411</u>	<u>(11,411)</u>	<u>-</u>

KUMPULAN DAN UNIVERSITI

Ekuiti :

KW Mengurus *	208,052	(55,268)	152,784
KW Wakaf **	453	(453)	-
KW Zakat **	<u>122</u>	<u>(122)</u>	<u>-</u>

Liabiliti Bukan Semasa :

Manfaat Pekerja Jangka Panjang *	<u>45,738</u>	<u>55,268</u>	<u>101,006</u>
----------------------------------	---------------	---------------	----------------

Liabiliti Semasa :

Pelbagai Pembiutang **	<u>23,502</u>	<u>575</u>	<u>24,077</u>
------------------------	---------------	------------	---------------

28. ANGKA BANDINGAN (SAMBUNGAN)

PENYATA PERUBAHAN EKUITI

KUMPULAN DAN UNIVERSITI

Ekuiti :

KW Mengurus *	208,052	(55,268)	152,784
KW Wakaf **	453	(453)	-
KW Zakat **	122	(122)	-

NOTA 20 - PELBAGAI PEMIUTANG

KUMPULAN DAN UNIVERSITI

Wakaf dan Zakat **	-	575	575
--------------------	---	-----	-----

NOTA 17 - MANFAAT PEKERJA

KUMPULAN DAN UNIVERSITI

Manfaat Pekerja Jangka Panjang *	45,738	55,268	101,006
----------------------------------	--------	--------	---------

*Pengiraan semula manfaat pekerja gantian cuti rehat yang menggunakan kaedah aktuari telah menyebabkan berlaku peningkatan manfaat pekerja jangka panjang serta pengurangan ekuiti dalam kumpulan wang mengurus sebanyak RM 55,268,000.

**Penerimaan wang wakaf dan zakat yang perlu diiktiraf sebagai liabiliti kerana terdapat obligasi yang timbul yang boleh menyebabkan aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi sebanyak RM 453,000 dan RM122,000.

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DECEMBER 2018

29. URUSNIAGA SYARIKAT BERKAITAN

UNIVERSITI

	2018 RM' 000	2017 RM' 000
Anak-anak syarikat:		
<u>UKM Holdings Sdn. Bhd.</u>		
Sewa	(324)	(255)
Mesin Pencetak	-	(695)
Terimaan Dividen	(685)	(2,500)
	<u>(1,009)</u>	<u>(3,450)</u>
<u>UKM Pakarunding Sdn. Bhd.</u>		
Sewa	(65)	-
Perkhidmatan Analisis Luar -PBT	-	(52)
Bahan-Bahan Makmal-PBT	-	(53)
	<u>(65)</u>	<u>(105)</u>
<u>UKM Kesihatan Sdn. Bhd</u>		
Emolumen	(177)	(167)
Sewa	(2,357)	(1,278)
Caj Perkhidmatan	(6,955)	(3,009)
	<u>(9,489)</u>	<u>(4,454)</u>
<u>UNIPEQ Sdn. Bhd.</u>		
Sewa	(120)	(102)
Seminar Langsung	-	(1)
Pelbagai Perbelanjaan Langsung	-	(12)
Pendahuluan pembelian aset	-	(84)
	<u>(120)</u>	<u>(199)</u>
<u>Puri Pujangga Sdn. Bhd.</u>		
Ikhtisas	747	-
Utiliti	(305)	(311)
Sewa	(300)	(240)
	<u>142</u>	<u>(551)</u>
<u>UKM Cetak Sdn. Bhd.</u>		
Ikhtisas	1,732	-
Sewa	(192)	-
Percetakan	(471)	-
	<u>1,069</u>	<u>-</u>

Para pengarah berpendapat bahawa semua urusniaga di atas telah dimasukkan ke dalam urusan biasa perniagaan dan ditubuhkan atas terma dan syarat yang tidak jauh berbeza daripada apa yang diperolehi dalam urusniaga dengan pihak yang tidak berkaitan.

30. PENDEDAHAN PIHAK BERKAITAN

Identiti pihak berkaitan

Untuk tujuan penyata kewangan ini, sesuatu pihak adalah dianggap berkaitan dengan Kumpulan dan Universiti sekiranya Kumpulan dan Universiti mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau mengawal bersama pihak tersebut atau mempunyai pengaruh signifikan terhadap pihak tersebut dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau dimana Kumpulan dan Universiti dan pihak tersebut tertakluk kepada kawalan bersama. Pihak berkaitan mungkin individu atau entiti lain.

Pihak berkaitan juga termasuk kakitangan pengurusan utama yang ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti Universiti samada secara langsung atau tidak langsung dan entiti yang menyediakan perkhidmatan kakitangan pengurusan utama kepada Kumpulan dan Universiti. Kakitangan pengurusan utama termasuk semua Naib Canselor Universiti, dan ahli pengurusan tertinggi Universiti.

30.1 Transaksi pihak berkaitan

Semua urus niaga pihak berkaitan yang dijalankan oleh Kumpulan dan Universiti pada tahun semasa berlaku dalam hubungan normal pelanggan atau pembekal dan di bawah terma yang sama yang digunakan dalam urusniaga tulus untuk keadaan yang sama.

30.2 Gaji dan elaun pihak pengurusan tertinggi

Jumlah gaji dan elaun pihak pengurusan tertinggi pada tahun semasa adalah sebanyak:

	KUMPULAN		UNIVERSITI	
	2018 RM'000	2017 RM'000	2018 RM'000	2017 RM'000
Jumlah gaji dan elaun pengurusan utama	4,320	4,263	3,913	3,803

JAWATANKUASA KERJA LAPORAN TAHUNAN UKM 2018

Encik Abd. Razak Hussin (Pengerusi)
 Prof. Dr. Fariza Md. Sham
 Prof. Madya Dr. Rohayu Abdul Ghani
 Datin Dr. Saadah Jaffar
 Encik Musa Zainal Abidin
 Encik Zulkafli Amat
 Encik Mursidi Ahamad
 Encik Muhamad Walid Osman
 Encik Zanudin Mohd Daud
 Encik Mohd Hanafiah Omar
 Dr. Hjh. Ina Md Yasin
 Encik Azli Mohd Kasirun
 Encik Mahyudin Darus
 Encik Mohd Najib Adun
 Encik Saidi Ismail
 Puan Noor Hayati Ahmad Rasol

AHLI KRA 1

En Muhamad Walid Osman
 Puan Rohana Tan
 Puan Jumriah Nunurung
 Puan Nor Shadira Ramli
 Encik Muhd Hakimi Maarop
 Dato' Dr. Syed Kamarudin Sadakkuthulla
 Puan Hazrin Adila Mohammad Hashim
 Puan Wan Mazlina Wan Mashhor
 Puan Farah Farzana Rasol
 Puan Sharifah Nurina Alia Syed Abdullah
 Puan Latifah Kasmuri
 Encik Mohammad Hafiz Mohd Ali

AHLI KRA 2

Encik Zanudin Mohd. Daud
 Puan Nor Eloni Nor Azmi
 Puan Nurul Safaniza Che Ani
 Puan Nurul Izyani Ahamad Azahari
 Puan Hazira Mohd Nor
 Puan Ma Kalthum Ishak
 Puan Farahani Muhammad Mujal
 En. Ahmad Syakir Saad
 Puan Dalila Ishak

AHLI KRA 3

Encik Mohd Hanafiah Omar
 Encik Saidi Ismail
 Encik Wong Kin Lun
 Encik Haiqal Rawlins Una Abdullah

AHLI KRA4

Dr. Ina Md. Yasin
 Puan Norasmah Maselan
 Puan Nur Izzati Ab. Rahman
 Cik Azlina binti Abu Bakar

AHLI KRA5

Encik Mohd Azli Kasirun
 Encik Muhammad Faris Zaharudin
 Puan Suriani Suhatdi

AHLI KRA6

Encik Mohd Najib Adun
 Encik Zolkefli Mohamaed
 Puan Zanariyah Zainol
 Encik Ermizal Sha Hassan

AHLI LAPORAN KEWANGAN

Encik Mohd Azli Kasirun
 Puan Hamizah Abdul Rahman

AHLI LAPORAN NAIB CANSELOR

Encik Mohd Mahyudin Darus
 Encik Saipulizam Abd Ghani
 Encik Mohd Fauzi Hamzah

JAWATANKUASA FOTOGRAFI

Encik Ikhwan Hashim
 Encik Ahmad Shahiddan Saidi

URUS SETIA

Encik Mohd Khairi Jasin
 Puan Sarina Ab Rahim



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan

T: 603-8921 5555 | F: 603-8925 2882 | E: pdftar@ukm.edu.my

www.ukm.my

